



PANDUAN PELABUR

LAPORAN EKONOMI
2005/2006

Panduan Pelabur

I	Insentif Pelaburan Mengikut Perundangan (Seperti pada 29 September 2005)	PP/5
A.	Akta Penggalakan Pelaburan, 1986	PP/5
B.	Akta Cukai Pendapatan, 1967	PP/14
C.	Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan, 1990	PP/35
D.	Akta Kastam, 1967; Akta Cukai Jualan, 1972; Akta Eksais, 1976 dan Akta Zon Bebas, 1990	PP/36
E.	Insentif Bukan Cukai	PP/42
1.	Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport.....	PP/42
2.	Skim Insurans dan Jaminan Kredit Eksport	PP/43
3.	Skim Bantuan Kewangan untuk EKS	PP/48
II.	Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975	PP/50
III.	Garis Panduan Mengenai Pelaburan Asing.....	PP/52
IV.	Perjanjian Mengelakkan Cukai Dua Kali	PP/54
V.	Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia	PP/56
VI.	Pusat Pelaburan di Peringkat Negeri	PP/57
VII.	Peraturan Mengenai Perolehan Hartanah,Penggabungan dan Pengambilalihan	PP/58
VIII.	Suruhanjaya Sekuriti.....	PP/60
IX.	Bursa Malaysia Berhad	PP/68
X.	Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan.....	PP/70
XI.	Dasar Pentadbiran Pertukaran Asing	PP/73
XII.	Perlindungan Harta Intelek	PP/82
XIII.	Akta Kemajuan Petroleum, 1974.....	PP/85
XIV.	Akta Bekalan Gas, 1993	PP/85

Panduan Pelabur



I. INSENTIF PELABURAN MENGIKUT PERUNDANGAN (PADA 29 SEPTEMBER 2005)

Malaysia menawarkan insentif untuk pelaburan dalam keluaran dan aktiviti yang digalakkan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan berkaitan perkilangan, pertanian, hotel dan pelancongan, projek perkhidmatan lain yang diluluskan, penyelidikan dan pembangunan (R&D), latihan, aktiviti perlindungan alam sekitar. Insentif ini diperuntukkan dalam Akta Penggalakan Pelaburan 1986, Akta Cukai Pendapatan 1967, Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA) 1990, Akta Kastam 1967, Akta Cukai Jualan 1972, Akta Eksais 1976, Akta Cukai Perkhidmatan 1976 dan Akta Zon Bebas 1990. Insentif tersebut adalah untuk memberi pelepasan sebahagian atau sepenuhnya dari pembayaran cukai.

A. AKTA PENG GALAKAN PELABURAN, 1986

1. Taraf Perintis

Syarikat yang mendapat Taraf Perintis akan menikmati tahap pengecualian cukai yang berbeza-beza mengikut jenis keluaran atau aktiviti yang digalakkan seperti disenaraikan dalam

Senarai Produk dan Aktiviti yang Digalakkan, di bawah Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) berikut:

(a) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan

Syarikat akan diberi pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun. Baki 30% daripada pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat pada kadar semasa.

(b) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan di kawasan yang digalakkan

Berkuatkuasa dari 13 September 2003, syarikat yang berada di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor, akan diberi pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun. Bagi Labuan, galakan hanya diberikan kepada industri perhotelan dan pelancongan. Syarikat sedia ada yang menempatkan semula aktiviti pembuatannya ke kawasan yang digalakkan diberi Taraf Perintis kali kedua.

(c) *Keluaran atau aktiviti yang digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi*

Syarikat akan diberi pengecualian cukai 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun.

(d) *Keluaran atau aktiviti yang digalakkan bagi syarikat pengilangan kecil*

Syarikat akan diberi pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun selama lima (5) tahun.

(e) *Keluaran atau aktiviti yang digalakkan dalam Program Rantaian Industri yang diluluskan (PKS yang mengeluarkan barangan perantara)*

Syarikat akan diberi pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun selama lima (5) tahun. Syarikat dalam skim rangkaian industri yang diluluskan yang mencapai taraf dunia dari segi harga, mutu dan keupayaan pengeluaran layak diberi pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama 10 tahun.

(f) *Keluaran atau aktiviti yang digalakkan dan mempunyai kepentingan nasional dan strategik*

Projek strategik merangkumi produk atau aktiviti yang mempunyai kepentingan nasional. Ia secara umumnya melibatkan pelaburan bermodal besar dengan tempoh matang yang panjang, berteknologi tinggi dan bersepadu yang menjana rantaian industri yang meluas serta mendatangkan impak yang ketara kepada ekonomi. Projek akan diberi pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun dan layak diberi tambahan pengecualian selama lima (5) tahun lagi.

(g) *Syarikat Kontrak R&D*

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat selain

daripada syarikat berkaitan dengannya akan diberi pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun. Syarikat kontrak R&D yang membuat pelaburan semula akan diberi taraf perintis kali kedua.

(h) *Pengkomersilan hasil R&D sektor awam*

Syarikat subsidiari yang mengkomersilkan hasil R&D sektor awam diberi galakan Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun. Walau bagaimanapun, syarikat hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 70% oleh rakyat Malaysia. Ekuiti syarikat subsidiari ini hendaklah dimiliki sekurang-kurangnya 70% oleh syarikat yang membuat pelaburan/induk mengkomersilkan hasil R&D tersebut.

Terma dan syarat bagi syarikat yang menikmati Taraf Perintis:

- i. Syarikat yang diberi Taraf Perintis hendaklah memohon sijil perintis dalam tempoh 6 bulan dengan menyatakan antara lain tarikh mula pengeluaran dengan jumlah akan dipasarkan dan kadar pengeluaran.
- ii. Elaun pelaburan modal mesti digunakan dalam tempoh perintis dan tidak dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh perintis.
- iii. Kerugian yang tidak disiapkan dalam tempoh perintis tidak dibenarkan untuk dibawa ke hadapan selepas tempoh perintis kecuali bagi Taraf Perintis untuk syarikat kontrak R&D.
- iv. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan turut dikecualikan dari cukai di peringkat pemegang saham.

2. Elaun Cukai Pelaburan

Elaun Cukai Pelaburan adalah insentif alternatif kepada Taraf Perintis dan disediakan bagi projek yang mempunyai modal pelaburan yang besar

dan tempoh matang yang panjang. Seperti dalam Taraf Perintis, syarikat yang diberi Elaun Cukai Pelaburan akan menikmati tahap pengecualian cukai yang berbeza mengikut jenis keluaran atau aktiviti yang digalakkan seperti berikut:

(a) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak (seperti kilang, jentera, mesin atau peralatan lain yang digunakan bagi projek yang diluluskan) yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh perbelanjaan modal yang pertama. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran sehingga habis digunakan. Baki pendapatan berkanun akan dikenakan cukai pendapatan syarikat pada kadar semasa.

(b) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan untuk syarikat pengilangan kecil

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak dan dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

(c) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan di kawasan yang digalakkan

Syarikat yang berada di Sabah, Sarawak, Wilayah Persekutuan Labuan dan di Koridor Pantai Timur, Semenanjung Malaysia meliputi Kelantan, Terengganu, Pahang dan daerah Mersing di Johor, akan diberi kadar elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak dan dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun untuk di tolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran. Bagi Labuan, galakan hanya diberikan kepada industri perhotelan dan pelancongan.

Syarikat sedia ada yang menempatkan semula aktiviti pembuatannya ke kawasan yang digalakkan diberi Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak dan dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun. Jumlah elaun ditolak bagi setiap tahun taksiran dibenarkan sehingga 100% daripada pendapatan berkanun.

(d) Keluaran atau aktiviti yang digalakkan bagi syarikat berteknologi tinggi

Syarikat akan diberi satu kadar elaun sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5). Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam setiap tahun taksiran.

(e) Keluaran yang digalakkan dalam program rantaian industri yang diluluskan

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam setiap tahun taksiran.

(f) Keluaran atau aktiviti strategik yang digalakkan dan mempunyai kepentingan nasional dan strategik dan keluaran atau aktiviti dalam program rantaian yang diluluskan dan telah mencapai taraf dunia

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi tahun taksiran. Syarikat yang telah mula beroperasi juga layak, tetapi insentif akan diberi hanya ke atas pendapatan tambahan. Syarikat yang kini menikmati Elaun Cukai Pelaburan boleh mohon untuk insentif ini pada penghujung tempoh Elaun Cukai Pelaburan.

(g) *Aktiviti R&D*

Insentif berlainan diberi kepada syarikat yang khusus menjalankan aktiviti R&D seperti berikut:

- i. *Syarikat R&D ditakrif sebagai syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat berkaitan dengannya atau syarikat lain*

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam setiap tahun taksiran.

Sekiranya syarikat R&D memilih untuk tidak menggunakan elaun tersebut, syarikat berkaitan dengannya boleh mendapat potongan dua kali ke atas bayaran yang dibuat bagi mendapatkan perkhidmatan yang disediakan oleh syarikat R&D berkenaan. Syarikat R&D yang membuat pelaburan semula akan diberi Elaun Cukai Pelaburan kali kedua.

- ii. *Syarikat kontrak R&D ditakrif sebagai syarikat yang menyediakan perkhidmatan R&D di Malaysia kepada syarikat selain daripada syarikat berkaitan dengannya*

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Syarikat kontrak R&D yang membuat pelaburan semula akan diberi Elaun Cukai Pelaburan kali kedua.

- iii. *Aktiviti R&D Dalam merujuk kepada aktiviti R&D di Malaysia yang dijalankan secara dalam syarikat untuk perniagaannya sendiri.*

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 50% berdasarkan perbelanjaan modal

yang layak dan dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Syarikat R&D dalaman yang membuat pelaburan semula akan diberi Elaun Cukai Pelaburan kali kedua.

(h) *Syarikat Latihan Teknikal atau Vokasional*

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak dan dibelanjakan dalam tempoh 10 tahun untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

Syarikat yang telah sedia mempunyai institut latihan teknikal atau vokasional dan membuat pelaburan baru untuk meningkatkan kelengkapan latihan atau mengembangkan keupayaan latihan juga layak mendapat galakan ini.

Terma dan syarat bagi syarikat yang menikmati Elaun Cukai Pelaburan:

- i. sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun berikutnya sehingga jumlah keseluruhan elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- ii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham juga dikecualikan daripada cukai.

3. Elaun Penyelarasan Perindustrian

Elaun Penyelarasan Perindustrian diberi kepada syarikat dalam sektor perkilangan terpilih terutamanya dalam sektor berasaskan kayu, tekstil, jentera dan kejuruteraan, *stamping*, acuan dan perkakasan kecil. Syarikat hendaklah beroperasi sebelum 31 Disember 1990 dan telah terlibat dalam aktiviti penyelarasan perindustrian tertentu seperti penyusunan semula, penstrukturan semula atau pencantuman di dalam sektor berkenaan.

Syarikat akan diberi elaun sebanyak 60% hingga 100% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dibelanjakan bagi tempoh lima (5)

tahun untuk ditolak sehingga 100% pendapatan pelarasan dalam setiap tahun taksiran.

Terma dan syarat bagi syarikat yang menikmati Elaun Penyelarasan Perindustrian:

- (i) Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya.
- (ii) Dividen dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham juga dikecualikan cukai.

4. Elaun Infrastruktur

Elaun Infrastruktur diberi kepada mana-mana syarikat di Sabah, Sarawak dan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia. Syarikat yang layak ialah syarikat yang menjalankan aktiviti perkilangan, pertanian, perhotelan, pelancongan dan lain-lain aktiviti perdagangan atau perindustrian. Syarikat akan diberi elaun sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang layak bagi pembinaan infrastruktur seperti pembinaan semula, penambahan atau pembaikan mana-mana struktur kekal termasuk jambatan, jeti, pelabuhan atau jalan raya.

5. Potongan Dua Kali bagi Promosi Eksport

Insentif ini diberi kepada mana-mana syarikat pemastautin di Malaysia yang mencari peluang eksport bagi barangan perkilangan dan pertanian serta perkhidmatan. Perbelanjaan yang layak untuk potongan dua kali adalah:

- (a) Pengiklanan di luar negara;
- (b) Pembekalan sampel percuma ke luar negara;
- (c) Penyelidikan pasaran eksport;
- (d) Penyediaan tender untuk membekalkan barangan ke luar negara;
- (e) Penghantaran maklumat teknikal ke luar negara;
- (f) Perbelanjaan publisiti berkaitan eksport;
- (g) Kajian kemungkinan bagi projek di luar negara yang dikenal pasti bagi tujuan tender.

- (h) Barang pameran dan/atau penyertaan dalam pameran perdagangan atau perindustrian yang diadakan dalam negeri atau di luar negara yang diluluskan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE);
- (i) Tambang perjalanan ke luar negara bagi wakil syarikat atas tujuan perundingan atau menandatangani kontrak perniagaan;
- (j) Perbelanjaan penginapan sehingga RM300 sehari dan belanja sara hidup sehingga RM150 sehari bagi peniaga-peniaga Malaysia yang pergi ke luar negara atas urusan (g) dan (h).
- (k) Kos penyelenggaraan pejabat jualan di luar negara bagi menggalakkan eksport;
- (l) Perbelanjaan bagi perkhidmatan hubungan awam berkaitan dengan eksport;
- (m) Bayaran khidmat profesional bagi merekabentuk pembungkusan dengan menggunakan khidmat profesional tempatan;
- (n) Penyertaan dalam pameran perniagaan maya;
- (o) Penyertaan dalam portal perdagangan untuk mempromosikan produk tempatan; dan
- (p) Perbelanjaan penyelenggaraan bangunan gudang di luar negara.

Syarikat milik tunggal dan perkongsian yang berdaftar dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia juga layak untuk menikmati insentif di atas yang menyediakan perkhidmatan profesional berikut:

- i. Perundangan;
- ii. Perakaunan (termasuk percukaian dan perkhidmatan pengurusan perunding);
- iii. Seni bina (termasuk perkhidmatan perancangan bandar dan lanskap);
- iv. Kejuruteraan dan kejuruteraan bersepadu (termasuk penilaian dan juru ukur bahan); dan
- v. Perubatan dan pergigian.

6. Galakan bagi Koridor Raya Multimedia

Syarikat berstatus Koridor Raya Multimedia (MSC) adalah layak menikmati insentif dan faedah yang disediakan oleh Kerajaan Malaysia di bawah *Bill of Guarantees*. Insentif tersebut adalah seperti berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun dan layak dilanjutkan selama lima (5) tahun lagi; **atau** Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% berdasarkan perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran;
- (b) Geran R&D (untuk syarikat berstatus MSC yang dimiliki majoriti rakyat Malaysia);
- (c) Kebebasan memperolehi modal dan pinjaman dana sedunia;
- (d) Pengimportan bebas cukai peralatan multimedia;
- (e) Perlindungan harta intelek dan rangka kerja undang-undang siber yang komprehensif;
- (f) Tiada penapisan ke atas internet;
- (g) Infrastruktur fizikal dan teknologi maklumat bertaraf dunia;
- (h) Tarif telekomunikasi dan jaminan perkhidmatan yang berdaya saing secara global; dan
- (i) Agensi pelaksana peringkat tertinggi, Perbadanan Pembangunan Multimedia (MDC) menyediakan khidmat rundingan dan bantuan dalam MSC.

Insentif cukai yang diberi kepada syarikat MSC juga diberi kepada fakulti multimedia di luar MSC. Fakulti multimedia ditakrif sebagai pusat pembelajaran yang menyediakan kursus dalam bidang media, komputer, teknologi maklumat, telekomunikasi dan perisian berkaitan data, suara, grafik dan imej.

7. Status Berasaskan Pengetahuan Strategik

Syarikat yang mempunyai status berasaskan pengetahuan strategik adalah layak diberi galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

Insentif diberi dengan syarat seperti berikut:

- i. syarikat hendaklah berintensifkan pengetahuan yang mempunyai ciri-ciri berikut:
 - berpotensi menghasilkan kandungan berasaskan pengetahuan;
 - operasi bernilai tambah tinggi;
 - penggunaan teknologi tinggi; dan
 - bilangan pekerja berpengetahuan yang ramai.
- ii. hendaklah mempunyai pelan induk berasaskan pengetahuan.

8. Galakan bagi Pengeluaran Jentera dan Peralatan Khusus

Syarikat yang menjalankan aktiviti pengeluaran jentera dan peralatan khusus (peralatan mesin, mesin suntikan plastik, peralatan pengendalian bahan, peralatan robotik dan automasi kilang, mesin layak diberi galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama 10 tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang layak dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun

untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

9. Galakan bagi Pelaburan Semula dalam Pembuatan Jentera dan Peralatan

Syarikat milik rakyat tempatan sedia ada yang membuat pelaburan semula dalam pengeluaran jentera berat seperti kren, mesin kuari, *batching plant*, dan peralatan pengendalian pelabuhan, layak diberi galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun hasil daripada pelaburan semula selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal tambahan yang dibuat dalam tempoh lima (5) tahun, boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

10. Galakan bagi Modul Komponen Automotif

Syarikat baru dan syarikat sedia ada yang menjalankan aktiviti reka bentuk, R&D dan pengeluaran modul atau sistem komponen automotif tertentu, layak diberi galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% ke atas belanja modal yang layak dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

11. Galakan bagi Perkhidmatan Berkaitan Perkilangan

Syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan perkilangan bernilai ditambah seperti berikut:

- (a) Perkhidmatan logistik bersepadu yang terdiri dari tiga (3) aktiviti utama iaitu

perkhidmatan fret, pergudangan dan pengangkutan dan salah satu daripada aktiviti-aktiviti berikut iaitu pengedaran, pengurusan rangkaian pembekalan, dan lain-lain perkhidmatan tambah nilai seperti *palletising*, pemasangan produk, pecah pukal, penggabungan, pembungkusan atau pembungkusan semula, perolehan, kawalan mutu, pelabelan atau pelabelan semula dan pengujian.

- (b) Perkhidmatan sokongan pasaran bersepadu yang terdiri daripada aktiviti-aktiviti penjenamaan, penyelidikan dan pengurusan khidmat pengguna; dan
- (c) Pusat perkhidmatan utiliti bersepadu yang menyediakan perkhidmatan termasuk bekalan tenaga (seperti elektrik, wap, air dingin), air (seperti air dimineralised), dan gas (seperti gas perindustrian dan gas mampat) dan penyimpanan dan pengendalian (seperti *tank farms*, saluran paip, *pipe racks*) layak diberi galakan berikut:
 - i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
 - ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% berdasarkan perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun, boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

12. Pelaburan Semula dalam Industri Berasaskan Sumber yang Digalakkan

Syarikat tempatan (dengan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 51% rakyat Malaysia) yang melabur semula dalam industri berasaskan getah, kelapa sawit dan kayu bagi tujuan pembesaran, adalah layak mendapat sekali Elaun Taraf Perintis dan Elaun Cukai Pelaburan diberi galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**

- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

13. Pelaburan Semula dalam Aktiviti Pemprosesan Makanan yang Digalakkan

Syarikat tempatan (dengan pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 60% rakyat Malaysia) yang melabur semula bagi tujuan pembesaran dalam aktiviti prosesan makanan yang digalakkan layak diberi:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun daripada tarikh perbelanjaan modal pertama dilakukan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

14. Galakan bagi Syarikat yang Menyediakan Kemudahan dan Perkhidmatan Bilik Sejuk untuk Keluaran Bahan Makanan

Bagi menggalakkan syarikat menyediakan kemudahan bilik sejuk atau pengangkutan yang dilengkapi dengan kemudahan bilik sejuk bagi keluaran pertanian dengan atau tanpa aktiviti lepas tuai lain, seperti mencuci, membasuh, mengred, pembekuan dan pembungkusan, dan juga bagi keluaran makanan tempatan yang diproses, syarikat layak mendapat galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun untuk tempoh lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

15. Pemeliharaan Ayam dan Itik di Kawasan yang Digalakkan

Hanya peliharaan ayam dan itik di kawasan yang digalakkan layak mendapat:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

Penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula bagi menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup serta penternak baka/stok ayam dan itik adalah layak untuk mendapat:

- (a) Projek terletak di kawasan yang digalakkan diberi Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% daripada pendapatan modal yang layak dalam tempoh 15 tahun untuk ditolak 100% daripada pendapatan berkanun setiap tahun taksiran; dan
- (b) Projek di luar kawasan yang digalakkan diberi Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% daripada pendapatan modal yang layak dalam tempoh 15 tahun untuk ditolak 70% daripada pendapatan berkanun setiap tahun taksiran.

16. Galakan bagi Projek Ladang Hutan

Syarikat yang menjalankan projek ladang hutan layak mendapat galakan berikut:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun dan layak dilanjutkan selama lima (5) tahun lagi; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga

100% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

17. Galakan untuk Penstoran, Perawatan dan Pelupusan Buangan Toksik Merbahaya

Syarikat yang terlibat secara langsung dalam aktiviti penstoran, perawatan dan pelupusan buangan toksik merbahaya yang bersepadu adalah diberi:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

18. Galakan untuk Aktiviti Kitaran Semula Bahan Buangan

Syarikat yang menjalankan aktiviti kitaran semula bahan buangan yang mempunyai nilai ditambah yang tinggi serta yang menggunakan teknologi tinggi diberi:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**
- (b) Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

19. Galakan untuk Penjimatan Penggunaan Tenaga

Galakan cukai untuk penjimatan penggunaan tenaga adalah seperti berikut:

- (a) Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga diberi:
 - i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau**

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

- (b) Syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan penggunaan tenaga dalam syarikatnya sendiri diberi galakan Elaun Modal Dipercepatkan ke atas peralatan berkaitan yang boleh dihapuskan dalam tempoh sesuatu tahun.

20. Galakan untuk Penggunaan Sumber Tenaga Boleh Diperbaharui

Syarikat yang ingin mengeluarkan 'tenaga' daripada sumber yang diperbaharui diberi:

- (a) Taraf Perintis dengan pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun; **atau** Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% daripada perbelanjaan modal yang dibelanjakan dalam tempoh lima (5) tahun boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran; **dan**
- (b) Pengecualian duti import dan cukai jualan untuk peralatan yang digunakan dalam projek dan tidak dihasilkan di dalam negara.

Peralatan dibeli daripada pengilang tempatan diberikan Elaun Modal Dipercepatkan. Skop galakan 'tenaga' dalam insentif termasuklah elektrik, wap, air dingin, haba; dan hidro (tidak melebihi 10 megawatt) dan suria.

21. Galakan yang Lebih Baik untuk Penggunaan Biomass Kelapa Sawit.

Syarikat yang menggunakan biomass kelapa sawit untuk mengeluarkan pengeluaran bernilai tambah adalah layak untuk diberi galakan berikut:

- (a) Syarikat Baru
 - i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun bagi tempoh 10 tahun; **atau**

- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas belanja modal layak yang dikeluarkan dalam tempoh lima (5) tahun dan elaun ini ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi setiap tahun taksiran.

(b) Syarikat Sedia Ada yang Melabur Semula

- i. Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 100% ke atas pendapatan berkanun tambahan yang berpunca daripada pelaburan semula untuk tempoh 10 tahun; **atau**
- ii. Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 100% ke atas belanja modal tambahan bagi tempoh lima (5) tahun dan elaun ini ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam tahun taksiran.

22. Galakan Tambahan bagi Hotel dan Projek Pelancongan

Pelaburan semula (pembesaran, permodenan dan pengubahsuaian) hotel dan projek pelancongan diberi galakan sedia ada sekali lagi iaitu Taraf Perintis dengan pengecualian cukai 70% daripada pendapatan berkanun bagi tempoh lima (5) tahun **atau** Elaun Cukai Pelaburan sebanyak 60% bagi pelaburan yang dibuat dalam tempoh lima (5) tahun, ditolak sekali lagi sebanyak 70% daripada pendapatan berkanun dalam setiap tahun taksiran.

B. AKTA CUKAI PENDAPATAN, 1967

1. Pengecualian Cukai Pendapatan

(a) Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan

Projek Perkhidmatan yang Diluluskan iaitu projek dalam sektor kecil pengangkutan, komunikasi dan utiliti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan layak mendapat pengecualian cukai pendapatan di bawah Seksyen 127 Akta Cukai Pendapatan 1967 atau Elaun Pelaburan di bawah Jadual 7B Akta Cukai Pendapatan 1967. Pengecualian cukai pendapatan atau Elaun Pelaburan adalah seperti berikut:

- i. Projek Perkhidmatan yang Diluluskan (di luar kawasan digalakkan)

Pengecualian cukai ke atas 70% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun atau Elaun Pelaburan sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh kelulusan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

- ii. Projek Perkhidmatan yang Diluluskan (di kawasan yang digalakkan)

Pengecualian cukai ke atas 85% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun atau Elaun Pelaburan sebanyak 80% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh kelulusan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 85% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

- iii. Projek Perkhidmatan yang Diluluskan (berkepentingan nasional dan strategik)

Pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama lima (5) tahun yang layak untuk penambahan lima (5) tahun lagi atau Elaun Pelaburan sebanyak 100% ke atas perbelanjaan modal yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun dari tarikh kelulusan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

Terma dan syarat bagi syarikat yang menikmati pengecualian cukai pendapatan

- i. Elaun modal hendaklah digunakan dalam tempoh pengecualian dan tidak dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian;
- ii. Kerugian yang tidak digunakan dalam tempoh pengecualian tidak dibenarkan

dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian; dan

- iii. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham juga dikecualikan cukai.

Terma dan syarat bagi syarikat yang menikmati Elaun Pelaburan

- i. Sebarang jumlah elaun yang tidak digunakan boleh dibawa ke tahun-tahun berikutnya sehingga keseluruhan jumlah elaun tersebut digunakan sepenuhnya; dan
- ii. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai adalah juga dikecualikan di peringkat pemegang saham.

(b) Syarikat Perdagangan Antarabangsa Malaysia

Syarikat yang telah diluluskan sebagai Syarikat Perdagangan Antarabangsa Malaysia (MITC) diberi pengecualian cukai pendapatan bersamaan 20% daripada peningkatan nilai eksport selama lima (5) tahun seperti berikut:

- i. tidak lebih daripada 20% nilai jualan tahunan diperolehi daripada perniagaan barangan komoditi (lada dan produk lada, koko dan produk koko, minyak sawit dan produk minyak sawit, tembakau dan produk tembakau, getah dan produk getah, produk kayu-kayan dan logam dan produk logam);
- ii. jualan eksport tidak termasuk komisen perdagangan dan keuntungan yang didapati urusniaga tukaran komoditi dan merujuk kepada nilai f.o.b. jualan barangan;
- iii. barangan, buatan atau keluaran tempatan atau diimport seterusnya untuk dieksport semula dianggap sebagai barangan eksport apabila dibawa ke luar negara; dan

- iv. jualan kepada Gudang Perkilangan Berlesen (LMW) dan Zon Bebas Perdagangan (FTZ) adalah tidak dianggap sebagai barangan eksport untuk tujuan galakan ini.

MITC hendaklah memenuhi kriteria berikut:

- i. diperbadankan di Malaysia;
- ii. mencapai jualan tahunan melebihi RM10 juta;
- iii. pemilikan ekuiti sekurang-kurangnya 60% oleh rakyat Malaysia;
- iv. mengeksport barangan perkilangan, terutamanya barangan syarikat kecil dan sederhana Malaysia (merujuk kepada syarikat dengan jualan tahunan sebanyak RM25 juta dan mempunyai kurang daripada 150 pekerja);
- v. berdaftar dengan MATRADE;
- vi. tidak lebih daripada 20% nilai jualan tahunan diperolehi daripada perniagaan barangan komoditi; dan
- vii. syarikat menggunakan perkhidmatan tempatan seperti perbankan, kewangan, insurans, pelabuhan dan lapangan terbang.

(c) Hypermarket dan syarikat jualan langsung

Hypermarket dan syarikat jualan langsung yang mengeksport barangan hasil tempatan akan diberi pengecualian cukai kepada pendapatan berkanun bersamaan 20% daripada nilai peningkatan eksport.

(d) Pengkomersilan hasil R&D sektor awam

Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti mengkomersilkan hasil R&D sektor awam diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut. Syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengkomersilan hasil R&D oleh Institut

Penyelidikan Awam akan diberi taraf perintis dengan 100% pengecualian cukai terhadap pendapatan berkanun untuk 10 tahun.

(e) Ibu Pejabat Operasi

Syarikat Ibu Pejabat Operasi (OHQ) yang diluluskan adalah syarikat yang diperbadankan dalam negara sama ada milik tempatan atau asing, yang menjalankan perniagaan di Malaysia dengan menyediakan perkhidmatan yang layak kepada pejabat atau syarikat berkaitannya di luar Malaysia.

OHQ dilarang untuk menyediakan perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana dan khidmat nasihat kewangan korporat kepada syarikat tidak berkaitan dengannya di Malaysia. OHQ yang diluluskan yang ditubuhkan oleh institusi kewangan adalah juga dilarang untuk memberi perkhidmatan kewangan dan pengurusan dana kepada syarikat berkaitan dengannya di Malaysia melainkan syarikat berkaitan itu adalah institusi dilesenkan di bawah Akta Perbankan dan Institusi-Institusi Kewangan (BAFIA) 1989.

Perkhidmatan yang layak adalah seperti pengurusan dan pentadbiran am, perancangan dan penyelarasan perniagaan, perolehan bahan mentah, komponen dan barangan siap, bantuan teknikal dan penyelenggaraan, perancangan promosi jualan dan kawalan pemasaran, pengurusan dan pemprosesan data atau maklumat, khidmat kewangan dan pengurusan dana, khidmat nasihat kewangan korporat, R&D dan latihan dan pengurusan personel.

Syarikat yang mendapat status OHQ diberi pengecualian cukai seperti berikut:

- i. pengecualian cukai 100% daripada pendapatan berkanun daripada perkhidmatan yang layak yang diberi kepada syarikat berkaitannya di seberang laut untuk 10 tahun;
- ii. perkhidmatan yang disediakan oleh OHQ yang berkaitan syarikatnya di

Malaysia akan diberi dengan syarat pendapatan tidak melebihi 20% pendapatan OHQ daripada perkhidmatan tersebut;

- iii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai juga dikecualikan cukai di peringkat pemegang saham.
- iv. ekspatriat yang bekerja di OHQ akan dikenakan cukai ke atas sebahagian daripada pendapatan boleh cukai bergantung kepada bilangan hari berada di dalam negara ini.

Bagi mendapat galakan di atas, syarikat hendaklah penuhi syarat-syarat berikut:

- i. diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- ii. modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya RM0.5 juta;
- iii. jumlah perbelanjaan perniagaan minimum (perbelanjaan mengurus) RM1.5 juta setahun;
- iv. melantik sekurang-kurangnya tiga (3) kakitangan profesional atau pengurusan kanan;
- v. memberi perkhidmatan kepada sekurang-kurangnya tiga (3) syarikat berkaitan di luar Malaysia;
- vi. mempunyai jaringan syarikat yang meluas di luar Malaysia termasuk syarikat induk atau ibu pejabatnya dan syarikat-syarikat berkaitan dengannya; dan
- vii. menjalankan sekurang-kurangnya tiga daripada perkhidmatan yang layak.

(f) Pusat Pengedaran Serantau

Pusat Pengedaran Serantau adalah pusat pengumpulan dan penggabungan barangan siap, komponen dan alat ganti yang dikeluarkan oleh kumpulan syarikatnya sendiri dari dalam dan luar negara untuk jenama sendiri untuk diedarkan kepada pengedar, pengimport

atau anak syarikatnya sendiri atau lain-lain syarikat yang tidak berkaitan di dalam atau di luar negara. Antara aktiviti yang terlibat adalah pecah pual, pembungkusan semula dan pelabelan.

Pusat Pengedaran Serantau layak mendapat pengecualian cukai ke atas 100% daripada pendapatan berkanun selama 10 tahun. Dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham adalah juga dikecualikan cukai.

Pusat Pengedaran Serantau hendaklah memenuhi syarat-syarat berikut:

- i. diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- ii. modal berbayar hendaklah sekurang-kurangnya RM0.5 juta;
- iii. jumlah perbelanjaan perniagaan (perbelanjaan operasi) minimum sebanyak RM1.5 juta setahun;
- iv. peningkatan penggunaan pelabuhan-pelabuhan dan lapangan terbang di Malaysia;
- v. pusingan jualan tahunan RM10 juta atau lebih;
- vi. hendaklah beroperasi di zon perindustrian atau perdagangan bebas atau gudang berlesen awam atau swasta atau LMW; dan
- vii. tidak boleh menjual lebih daripada 20% produknya ke pasaran tempatan.

Pusat Pengedaran Serantau yang diluluskan adalah dibenarkan untuk memperolehi barangan dari luar Malaysia untuk dihantar terus ke destinasi luar negeri melalui *drop shipment* sehingga 30% daripada jumlah jualan tahunan. Pusat Pengedaran Serantau yang diluluskan adalah juga diberi kemudahan seperti berikut:

- i. 100% ekuiti dipegang oleh penganjur projek;

- ii. jawatan untuk ekspatriat dibenarkan berdasarkan kepada keperluan Pusat Pengedaran Serantau;
- iii. membuka satu atau lebih akaun mata wang asing dengan mana-mana bank perdagangan yang dilesenkan bagi menyimpan keuntungan eksport tanpa sebarang sekatan;
- iv. dibenarkan mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank perdagangan berlesen bagi tujuan menghindarkan risiko pertukaran asing berdasarkan jumlah jangkaan perdagangannya; dan
- v. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas barangan bagi tujuan pengedaran.

(g) Pusat Perolehan Antarabangsa

Pusat Perolehan Antarabangsa adalah sebuah syarikat yang diperbadankan di Malaysia, yang menjalankan perniagaan di Malaysia untuk membuat perolehan dan jualan bahan mentah, komponen dan keluaran siap kepada kumpulan syarikat yang berkaitannya dan kepada syarikat tidak berkaitannya di Malaysia dan sebarang laut.

Bagi mendapat status Pusat Perolehan Antarabangsa, syarikat mesti memenuhi kriteria berikut:

- i. diperbadankan di Malaysia di bawah Akta Syarikat 1965;
- ii. modal berbayar minimum RM0.5 juta;
- iii. jumlah perbelanjaan perniagaan minimum (belanja mengurus) RM1.5 juta setahun;
- iv. peningkatan penggunaan pelabuhan dan lapangan terbang Malaysia; dan
- v. perolehan jualan tahunan minimum RM50 juta menjelang tahun ketiga operasi.

Sebagai syarat am, jualan syarikat berstatus Pusat Perolehan Antarabangsa ke pasaran tempatan dihadkan kepada tidak lebih daripada 20% nilai jualan

tahunannya. Pusat Perolehan Antarabangsa juga dibenarkan untuk memperoleh barangan dari luar Malaysia untuk penghantaran ke destinasi luar negara melalui drop shipment sehingga 30% daripada jumlah jualan tahunannya.

Sesebuah syarikat berstatus Pusat Perolehan Antarabangsa akan menikmati kemudahan berikut:

- i. 100% ekuiti dipegang oleh penganjur;
- ii. jawatan ekspatriat berdasarkan keperluan Pusat Perolehan Antarabangsa berkenaan;
- iii. membuka satu atau lebih akaun mata wang asing dengan bank perdagangan berlesen untuk menyimpan keuntungan eksport tanpa had;
- iv. memasuki kontrak hadapan pertukaran asing dengan mana-mana bank perdagangan berlesen untuk menjual ke hadapan perolehan eksport hadapan berdasarkan unjuran jualanannya; dan
- v. membawa masuk bahan mentah, komponen atau keluaran siap dengan pengecualian duti kastam ke kawasan perindustrian bebas, gudang pengilangan berlesen, zon perniagaan bebas dan gudang terikat untuk pembungkusan semula, penyatuan dan penyepaduan kargo sebelum diedarkan kepada pengguna akhirnya.

Syarikat berstatus Pusat Perolehan Antarabangsa yang diluluskan juga layak memperolehi insentif cukai berikut:

- i. pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan berkanun untuk 10 tahun; dan
- ii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai kepada pemegang saham juga dikecualikan cukai.

(h) Pejabat Perwakilan dan Pejabat Serantau

Sebuah pejabat perwakilan atau pejabat serantau sebuah perbadanan asing dalam sektor perkilangan dan perdagangan,

adalah sebuah pejabat yang ditubuhkan di Malaysia, untuk mengusahakan aktiviti yang dibenarkan untuk ibu pejabatnya atau prinsipalnya. Pejabat perwakilan atau pejabat serantau ini, hendaklah dibiayai sepenuhnya daripada sumber dari luar Malaysia. Pejabat perwakilan atau pejabat serantau tidak perlu diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat, 1965.

Sebuah pejabat perwakilan adalah sebuah pejabat syarikat asing yang diluluskan untuk pengumpulan maklumat relevan mengenai peluang pelaburan di negara ini terutamanya dalam sektor perkilangan, memupuk hubungan perdagangan dua hala, mempromosi eksport barangan atau keluaran Malaysia dan menjalankan R&D.

Sebuah pejabat serantau adalah sebuah pejabat perbadanan asing yang berkhidmat sebagai pusat penyelaras bagi syarikat-syarikat tergabung, anak-anak syarikat dan ejennya di Asia Tenggara dan Asia Pasifik. Pejabat serantau yang ditubuhkan ini adalah bertanggungjawab ke atas aktiviti-aktiviti perbadanan itu di rantau ia beroperasi.

Pejabat perwakilan atau pejabat serantau yang ditubuhkan tidak dibenarkan untuk menjalankan apa-apa urusan niaga atau menerima pendapatan daripada operasinya. Sebuah pejabat perwakilan atau pejabat serantau dibenarkan menjalankan aktiviti-aktiviti berikut:

- i. perancangan atau penyelarasan aktiviti-aktiviti perniagaan;
- ii. mengumpul dan menganalisa maklumat atau menjalankan kajian-kajian kemungkinan mengenai peluang-peluang pelaburan dan perniagaan di Malaysia dan rantau ini;
- iii. mengenalpasti sumber bahan mentah, komponen dan keluaran perindustrian lain;
- iv. menjalankan penyelidikan dan pembangunan produk;
- v. bertindak sebagai pusat penyelaras untuk syarikat-syarikat tergabung, anak-anak syarikat dan ejen-ejennya di rantau ini; dan

- vi. menjalankan aktiviti-aktiviti lain yang tidak akan menghasilkan urusniaga komersial sebenar.

Bagaimanapun, sebuah syarikat perwakilan atau pejabat serantau adalah tidak dibenarkan untuk menjalankan aktiviti berikut:

- i. terbabit dalam mana-mana perdagangan (termasuk import dan eksport), perniagaan atau apa jua jenis aktiviti komersil;
- ii. menyewa kemudahan pergudangan; apa-apa kiriman atau pemunggahan atau penyimpanan barang hendaklah dikendalikan ejen atau pengedar tempatan;
- iii. menandatangani kontrak perniagaan bagi pihak perbadanan asing atau menyediakan perkhidmatan dengan bayaran; dan
- iv. menyertai dalam pengurusan harian mana-mana anak syarikat, syarikat tergabung atau cawangannya di Malaysia.

Pejabat perwakilan atau pejabat serantau akan diberi jawatan ekspatriat dan bilangan yang dibenarkan bergantung kepada fungsi dan aktiviti pejabat perwakilan atau pejabat serantau berkenaan. Ekspatriat akan hanya dipertimbangkan untuk jawatan pengurusan dan teknikal. Pas kerja diberikan atas dasar dua tahun dan boleh diperbaharui.

Ekspatriat hanya akan dipertimbangkan untuk jawatan pengurusan dan teknikal. Pas kerja akan diberi untuk tempoh 2 tahun dan boleh diperbaharui. Ekspatriat yang bekerja di sebuah pejabat serantau dikenakan cukai hanya ke atas bahagian pendapatan bercukai berdasarkan bilangan hari mereka berada dalam negara ini.

(i) Industri Modal Teroka

Insentif yang disediakan adalah seperti berikut:

- i. Syarikat Modal Teroka yang Melabur dalam Syarikat Teroka:

Syarikat Modal Teroka yang melabur dalam syarikat teroka diberi pengecualian cukai sepenuhnya ke atas semua punca pendapatan bagi 10 tahun taksiran atau bagi tahun-tahun taksiran bersamaan dengan hayat dana yang ditubuhkan bagi tujuan untuk melabur dalam suatu syarikat teroka, yang mana lebih kurang. Sekiranya Syarikat Modal Teroka mengalami kerugian daripada pelupusan syer dalam sesuatu syarikat teroka dalam suatu tempoh asas bagi mana-mana tahun taksiran dalam tempoh pengecualian, kerugian berkenaan hendaklah dibawa ke hadapan bagi tempoh selepas pengecualian.

Terma dan syarat kelayakan bagi pengecualian:

- merupakan sebuah syarikat yang diperbadankan di bawah Akta Syarikat 1965, suatu perkongsian, suatu skim atau suatu peraturan yang melabur dalam sesuatu syarikat teroka dalam bentuk modal asas, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;
- telah melabur sekurang-kurangnya 70% daripada dananya dalam syarikat teroka yang merupakan syarikat teroka yang tidak mempunyai hubungkait pada masa pelaburan pertama dibuat; dan
- syarikat teroka hendaklah bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran dan terlibat dalam aktiviti atau keluaran yang digalakkan oleh Kerajaan termasuk yang diiktiraf oleh:
 - Akta Penggalakan Pelaburan, 1986;
 - Aktiviti berasaskan teknologi yang ditentukan oleh Bursa Malaysia untuk pasaran MESDAQ;

- Skim Geran R&D Industri; dan
- Skim Geran R&D MSC.

Syarikat Modal Teroka hendaklah memperolehi surat pengesahan tahunan daripada Suruhanjaya Sekuriti (SC) yang mengesahkan syarat-syarat yang dikenakan untuk galakan telahpun dipatuhi. Surat pengesahan mestilah disimpan untuk dikemukakan kepada pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) semasa pengauditan.

ii. Syarikat atau Individu yang Melabur Dalam Syarikat Teroka:

Syarikat atau individu yang mempunyai sesuatu punca perniagaan, yang telah melabur dalam syarikat teroka dalam bentuk pembiayaan peringkat awal, permulaan atau modal asas layak mendapat potongan daripada pendapatan larasan suatu amaun yang bersamaan dengan nilai pelaburan yang dibuat dalam sesuatu syarikat teroka. Sekiranya syarikat atau individu itu tidak mempunyai pendapatan larasan yang mencukupi untuk ditolak pelaburan yang dibuat, potongan itu dibenarkan dibawa ke hadapan.

Syarat-syarat kelayakan bagi potongan:

- adalah pemastautin di Malaysia dalam serta memberi pembiayaan atau bantuan modal kepada syarikat teroka sebagai modal asas, pembiayaan permulaan atau pembiayaan peringkat awal;
- pelaburan dalam sesuatu syarikat teroka adalah dalam bentuk pegangan saham di mana pada masa perolehan tidak disenaraikan bagi sebut harga dalam senarai rasmi sesuatu bursa saham;
- syarikat teroka hendaklah syarikat yang tidak mempunyai hubungan dengan syarikat yang berkaitan pada masa pelaburan pertama dibuat; dan

- syarikat teroka hendaklah bermastautin di Malaysia dalam tempoh asas bagi sesuatu tahun taksiran dan terlibat dalam aktiviti atau keluaran yang digalakkan oleh Kerajaan termasuk yang diiktiraf oleh:

- Akta Penggalakan Pelaburan 1986;
- Aktiviti berasaskan teknologi yang ditentukan oleh Bursa Malaysia untuk pasaran MESDAQ;
- Skim R&D Industri; atau
- Skim Geran R&D MSC.

Syarikat atau individu hendaklah memperolehi surat pengesahan tahunan daripada SC yang mengesahkan syarat yang dikenakan untuk galakan telah pun dipatuhi. Surat pengesahan mestilah dikepulkan bersama-sama dengan borang penyata cukai pendapatan untuk dikemukakan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri. Untuk syarikat, pilihan hendaklah dibuat antara galakan di (i) i. dan ii.

Bagi tujuan mendapatkan galakan, definisi peringkat pembiayaan adalah seperti berikut:

“pembiayaan peringkat awal” ialah pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat modal teroka sebagai:

- i. perbelanjaan modal atau modal kerja bagi memulakan perdagangan sesuatu teknologi atau produk;
- ii. perbelanjaan modal tambahan dan/ atau modal kerja tambahan bagi meningkatkan kapasiti pengeluaran, pemasaran atau pembangunan keluaran; atau
- iii. suatu pembiayaan interim bagi sesuatu syarikat teroka yang dijangka disenaraikan dalam senarai rasmi sesuatu bursa saham.

Bagi produk atau aktiviti yang tidak disenaraikan di pasaran MESDAQ sebagai

aktiviti berasaskan teknologi, perenggan (ii) atau (iii) hanya boleh dipakai sekiranya pembiayaan atau bantuan modal adalah daripada modal benih (*seed capital*) atau pembiayaan permulaan.

“pembiayaan modal asas” ialah pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat modal teroka bagi tujuan penyelidikan, penilaian dan pembangunan sesuatu konsep permulaan dan/atau prototaip.

“pembiayaan permulaan” ialah pembiayaan atau bantuan modal yang diberikan kepada sesuatu syarikat teroka bagi pembangunan produk dan pemasaran awal.

(j) Promosi Eksport

- i. Syarikat yang barangan pengilangan eksportnya mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 30%

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport.

- ii. Syarikat yang barangan pengilangan eksportnya mencapai nilai ditambah sekurang-kurangnya 50%

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 15% daripada nilai peningkatan eksport.

- iii. Syarikat yang barangan pengilangan eksportnya berjaya mencatat pertambahan eksport yang signifikan

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 30% daripada nilai peningkatan eksport.

- iv. Syarikat yang barangan pengilangan eksportnya berjaya menembusi pasaran baru

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 50% daripada nilai peningkatan eksport.

- v. Syarikat yang barangan pengilangan eksportnya berjaya mencatat peningkatan eksport yang tertinggi

Pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya ke atas nilai peningkatan eksport.

- vi. Syarikat yang mengeksport buah-buahan, bunga segar dan kering, tanaman hiasan dan ikan hiasan atau produk sejuk beku bagi udang, cumi dan sotong.

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 10% daripada nilai peningkatan eksport.

- vii. Syarikat dalam sektor perkhidmatan terpilih

Pengecualian cukai ke atas pendapatan berkanun bersamaan 50% daripada nilai peningkatan eksport. Sektor perkhidmatan terpilih adalah perundangan, perakaunan, perunding kejuruteraan, seni bina, pemasaran, perunding perniagaan, perkhidmatan pejabat, pengurusan pembinaan, pengurusan bangunan, pengurusan perladangan, kesihatan, pendidikan, penerbitan dan teknologi maklumat dan komunikasi.

(k) Pengusaha Pelancongan

- i. Insentif Membawa Masuk Pelancong Asing

Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan pengusaha pelancongan tertakluk kepada pengusaha pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan pengusaha pelancong berkenaan membawa masuk sekurang-kurangnya 500 pelancong asing dalam sesuatu tahun taksiran melalui lawatan secara berkumpulan yang ditentukan oleh Kementerian Pelancongan.

- ii. Insentif Untuk Pelancongan Tempatan

Pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada perniagaan pengusaha pelancongan

tertakluk kepada pengusaha pelancongan yang dilesenkan di bawah Akta Industri Pelancongan 1992 dan pengusaha berkenaan mengendali pakej pelancongan tempatan dengan sekurang-kurangnya 1,200 pelancong tempatan dalam sesuatu tahun taksiran yang disahkan oleh Kementerian Pelancongan.

Bagi tujuan ini, pakej pelancongan tempatan bererti mana-mana pakej pelancongan dalam Malaysia yang disertai oleh pelancong tempatan (warganegara Malaysia atau individu yang menetap di Malaysia) termasuk pengangkutan udara, darat atau laut dan penyediaan penginapan sekurang-kurangnya satu malam.

(l) Penganjur Persidangan atau Perdagangan Antarabangsa

Syarikat tempatan yang menganjur persidangan antarabangsa di Malaysia adalah layak untuk pengecualian cukai ke atas pendapatan yang diperolehi daripada membawa masuk sekurang-kurangnya 500 peserta persidangan setahun dari luar negeri atau 500 pelawat asing setahun untuk mengikuti pameran perdagangan antarabangsa.

(m) Acara Perlumbaan Kereta dan Motorsikal

Pemandu dan penganjur acara perlumbaan kereta dan motorsikal yang bertaraf antarabangsa di Malaysia layak menikmati galakan berikut:

- i. pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan yang diperolehi oleh pemandu; dan
- ii. pengecualian cukai sebanyak 50% ke atas pendapatan yang diperolehi oleh penganjur.

(n) Aktiviti Membaiki dan Menyelenggara Bot Mewah atau Kapal Layar di Langkawi

Syarikat yang menjalankan aktiviti membaiki dan menyelenggara bot mewah

dan kapal layar di Langkawi layak menikmati pengecualian cukai sepenuhnya ke atas pendapatan selama lima (5) tahun.

(o) Perkhidmatan Penyewaan Kapal Layar Mewah

Pendapatan syarikat daripada penyewaan kapal layar mewah diberi pengecualian cukai pendapatan sepenuhnya selama lima (5) tahun.

(p) Sewaan Kontena ISO

Pendapatan yang diterima daripada sewaan kontena ISO oleh bukan residen daripada syarikat perkapalan di Malaysia dikecualikan cukai pendapatan.

(q) Program Malaysia Rumah Kedua Ku

- i. Pengecualian cukai ke atas semua pendapatan pencen yang diremit ke Malaysia; dan
- ii. Pengecualian cukai ke atas semua pendapatan (selain daripada pencen) bagi peserta daripada negara yang tiada Perjanjian Mengelakkan Cukai Dua Kali (DTA) dengan Malaysia.

(r) Royalti di bawah Skim Pendidikan Francais

Pengecualian cukai ke atas pendapatan royalti yang diterima oleh bukan residen (*francaisor*) di bawah skim pendidikan francais yang diluluskan oleh Kementerian Pengajian Tinggi.

2. Elaun Pelaburan Semula

Elaun Pelaburan Semula diberi kepada syarikat perkilangan dan pertanian yang mengeluarkan barangan makanan asas (beras, jagung, sayur-sayuran, umbisi, ternakan haiwan, buah-buahan, pengeluaran keluaran akuatik dan aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan) yang menjalankan aktiviti pembesaran, pemodenan dan pempelbagaian.

Tahap pemberian Elaun Pelaburan Semula adalah seperti berikut:

(a) Projek di kawasan yang digalakkan:

Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 100% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran.

(b) Projek di luar kawasan yang digalakkan:

Elaun Pelaburan Semula sebanyak 60% ke atas perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan. Elaun ini boleh digunakan untuk ditolak sehingga 70% daripada pendapatan berkanun dalam suatu tahun taksiran. Baki pendapatan berkanun tertakluk kepada cukai pendapatan syarikat pada kadar semasa.

Elaun Pelaburan Semula tertakluk kepada kriteria berikut:

- i. Syarikat hendaklah telah beroperasi sekurang-kurangnya 12 bulan;
- ii. EPS diberi selama 15 tahun berturut-turut mulai daripada tahun pertama pelaburan semula dibuat;
- iii. Aset yang diperolehi di bawah Elaun Pelaburan Semula tidak dibenarkan dilupuskan dalam tempoh 2 tahun dari tarikh pemerolehan;
- iv. Telah membuat perbelanjaan modal ke atas kilang, loji dan mesin yang digunakan di Malaysia bagi tujuan projek yang diluluskan dalam tempoh tahun yang ditaksir; dan
- v. Telah mencapai tahap produktiviti yang ditetapkan oleh Menteri Kewangan (hanya terpakai bagi syarikat yang memohon elaun ditolak 100% daripada pendapatan berkanun).

Selepas tamat Elaun Pelaburan Semula, syarikat yang mengeluarkan keluaran yang digalakkan atau terlibat dalam aktiviti yang digalakkan atau keluaran makanan yang digalakkan layak mendapat Elaun Modal Dipercepatkan ke atas perbelanjaan modal pada kadar permulaan 40% dan kadar tahunan 20% bagi membolehkan mereka melupuskan perbelanjaan modal dalam

tempoh tiga (3) tahun. Keluaran makanan yang digalakkan adalah beras, jagung, sayur-sayuran, umbisi, buah-buahan, ternakan haiwan, keluaran akuatik dan aktiviti lain yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

3. Potongan Dua Kali

(a) Penyelidikan dan Pembangunan

Perbelanjaan R&D yang layak untuk diberi potongan dua kali adalah:

- i. Penyelidikan yang diluluskan – Seksyen 34A Akta Cukai Pendapatan, 1967

Potongan dua kali ke atas perbelanjaan bukan modal yang dilakukan ke atas R&D yang diluluskan oleh Menteri Kewangan (kuasa diberikan kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri).

- ii. Bayaran ke atas Perkhidmatan – Seksyen 34B (1) (b) & (c). Potongan dua kali ke atas bayaran penggunaan perkhidmatan:
 - institusi penyelidikan yang diluluskan;*
 - syarikat R&D yang diluluskan;** dan
 - syarikat Kontrak R&D.**

Nota:

* Institusi penyelidikan yang diluluskan adalah meliputi:

- semua institusi penyelidikan Kerajaan, termasuk institusi yang diperbadankan di bawah Seksyen 24 Akta Syarikat 1965;
- universiti yang dibiayai oleh Kerajaan yang menjalankan penyelidikan selaras dengan definisi R&D yang dinyatakan di atas.

** Syarikat R&D atau Syarikat Kontrak R&D merujuk kepada syarikat yang diperbadankan bersesuaian dengan Seksyen 2 Akta Penggalakan Pelaburan, 1986.

iii. Sumbangan wang tunai – Seksyen 34B (1) (a)

Potongan dua kali ke atas sumbangan wang tunai kepada institusi penyelidikan yang diluluskan. Senarai institusi penyelidikan yang diluluskan adalah:

- Institut Penyelidikan dan Kemajuan Pertanian Malaysia (MARDI)
- Lembaga Getah Malaysia (LGM)
- Institut Penyelidikan Perhutanan Malaysia (FRIM)
- *Malaysian Institute of Micro Electronic System* (MIMOS)
- Lembaga Minyak Sawit Malaysia (MPOB)
- Institut Piawaian dan Penyelidikan Perindustrian Malaysia (SIRIM)
- Institut Penyelidikan Perubatan (IMR)
- Pusat *Remote Sensing* Negara
- Institut Penyelidikan Haiwan
- Institut Penyelidikan Perikanan
- Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT)
- Unit Pengurusan Penyelidikan, Universiti Kebangsaan Malaysia
- Pusat Inovasi dan Perundingan, Universiti Sains Malaysia
- Pusat Penyelidikan dan Perundingan, Universiti Utara Malaysia
- Unit Penyelidikan, Universiti Putra Malaysia
- Pusat Penyelidikan, Universiti Islam Antarabangsa Malaysia
- Unit Perundingan, Universiti Malaya

- Unit Penyelidikan dan Pembangunan, Universiti Teknologi Malaysia
- Unit Penyelidikan, Universiti Malaysia Sabah
- Unit Pemindahan Teknologi & Perundingan, Universiti Malaysia Sarawak
- Pusat Sains dan Teknologi Pertahanan, Kementerian Pertahanan
- Biro Penyelidikan & Perundingan, Universiti Teknologi MARA (UiTM)

Bagi tujuan galakan ini, R&D didefinisikan sebagai:

Sebarang kajian intensif atau sistematik yang dijalankan dalam bidang sains atau teknologi dengan tujuan menggunakan hasil kajian untuk pengeluaran atau pembaikan bahan, peralatan, barangan, keluaran atau proses tetapi tidak termasuk:

- i. Kawalan kualiti barangan atau ujian rutin bahan, peralatan, keluaran atau proses;
- ii. Penyelidikan dalam sains kemanusiaan;
- iii. pengumpulan data secara rutin;
- iv. Kajian atau banci keberkesanan atau kajian pengurusan;
- v. Penyelidikan pasaran atau promosi jualan; dan
- vi. Mulai tahun taksiran 1998, syarikat yang menjalankan aktiviti rekabentuk atau prototaip sebagai aktiviti berasingan adalah layak untuk galakan R&D.

Perbelanjaan aktiviti R&D yang dibuat di luar negara, termasuk melatih pekerja Malaysia akan dipertimbangkan potongan dua kali, berdasarkan kes.

(b) Latihan

Syarikat yang tidak menyumbang kepada Tabung Pembangunan Sumber Manusia (HRDF) yang mempunyai pekerja sepenuh masa warganegara Malaysia, tetapi menjalankan latihan adalah layak untuk potongan dua kali.

i. Institusi Latihan yang Diluluskan

Syarikat termasuk syarikat di bawah sektor perkhidmatan yang tidak diliputi di bawah HRDF layak untuk potongan dua kali ke atas perbelanjaan latihan sekiranya latihan dijalankan di institusi latihan yang diluluskan atau institusi latihan Kerajaan. Syarikat yang menjalankan latihan di institusi latihan yang diluluskan boleh menuntut potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dikenakan oleh institusi latihan yang diluluskan. (Perbelanjaan lain tidak dibenarkan bagi potongan dua kali). Institusi latihan yang diluluskan adalah seperti berikut:

- Perbadanan Produktiviti Negara
- SIRIM
- UiTM
- MARDI
- FRIM
- Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan
- Pusat Pembangunan Kemahiran Pulau Pinang
- Institut Kemahiran Mara
- Institut Latihan Perindustrian
- German-Malaysia Institute
- Lembaga Perindustrian Kayu Malaysia
- FMM-Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran
- Pusat Pembangunan Usahawan dan Kemahiran Perak
- Tuas Polytech (British Malaysian Institute)

- ASEAN Timber Technology Centre
- Pusat Pembangunan Kemahiran Sarawak
- Pusat Pembangunan Kemahiran Industri dan Pengurusan Kedah
- Malaysia France Institute
- Pusat Pembangunan Tenaga Manusia Selangor
- Pusat Pembangunan Tenaga Industri Johor
- MINT
- Pusat Pembangunan Kemahiran Pahang

ii. Program Latihan yang Diluluskan

- Syarikat perkilangan dalam pengeluaran

Syarikat perkilangan yang tidak menyumbang kepada HRDF yang menjalankan program latihan yang diluluskan MIDA, dalam negeri atau di luar negara bagi tujuan meningkatkan atau membangunkan kraf, kemahiran penyeliaan, kemahiran teknikal, produktiviti dan pembaikan kualiti.

- Syarikat perkilangan yang belum memulakan pengeluaran

Syarikat perkilangan yang layak yang tidak menyumbang kepada HRDF yang menjalankan program latihan yang diluluskan oleh MIDA bagi tujuan memperolehi atau membangunkan kraft, kemahiran penyeliaan atau teknikal yang boleh menyumbang kepada pengeluaran pada masa hadapan.

- Latihan untuk orang kurang upaya

Syarikat yang membiayai perbelanjaan latihan bagi melatih orang kurang upaya yang bukan pekerja syarikatnya. Latihan hendaklah dijalankan secara dalaman atau di institusi latihan yang

diluluskan di Malaysia. Orang kurang upaya berkenaan hendaklah diklasifikasikan sebagai kurang upaya oleh Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat dan latihan yang dijalankan hendaklah bagi memajukan prospek kerjayanya.

- Industri Pelancongan

Syarikat dalam perniagaan hotel atau pengendalian pelancongan yang menjalankan latihan bagi tujuan meningkatkan tahap kemahiran dan profesionalisme dalam industri pelancongan dan diluluskan oleh Menteri Pelancongan.

- Syarikat bukan perkilangan

Syarikat bukan perkilangan yang menghantar pekerjaannya mengikuti latihan yang diluluskan oleh Menteri Kewangan dalam institusi berikut:

- Institut Bank-Bank Malaysia;
- Institut Insurans Malaysia;
- Persekutuan Penghantar Fret Malaysia;
- Institusi Perunding Jurutera Malaysia
- Persatuan Elektrik & Elektronik Malaysia;
- AFCM Training Services Sdn. Bhd;
- Institut Pengurusan Malaysia; dan
- Institut Jurutera Malaysia.

(c) Caj fret

- Potongan dua kali ke atas caj fret bagi pengilang di Sabah dan Sarawak yang mengeksport barangan berasaskan kayu dan rotan kecuali kayu gergaji dan venir.
- Potongan dua kali ke atas caj fret bagi pengilang yang menghantar barangan mereka dari Sabah dan Sarawak ke

Semenanjung Malaysia melalui mana-mana pelabuhan di Semenanjung Malaysia.

(d) Premium Insurans

- Potongan dua kali ke atas premium yang dibayar untuk insurans kredit eksport.
- Potongan dua kali ke atas premium insurans yang dibayar bagi pengimportan barangan sekiranya risiko adalah dilindungi dengan syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.
- Potongan dua kali ke atas premium insurans yang dibayar bagi pengeksporan barangan sekiranya risiko adalah dilindungi dengan syarikat insurans yang diperbadankan di Malaysia.

(e) Promosi Luar Negeri

- Industri Pelancongan

Potongan dua kali adalah diberi ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh hotel dan pengusaha pelancong untuk promosi luar negeri seperti berikut:

- perbelanjaan ke atas publisiti dan pengiklanan dalam mana-mana media masa di luar Malaysia;
- perbelanjaan ke atas penerbitan risalah, majalah dan buku panduan termasuk kos penghantaran yang tidak dikenakan kepada pelanggan di luar negeri;
- perbelanjaan bagi penyelidikan pasaran untuk mencari pasaran baru di luar negeri, tertakluk kepada kelulusan terlebih dahulu daripada Kementerian Pelancongan;
- perbelanjaan yang meliputi tambang kapal terbang mengikut kadar kelas ekonomi ke mana-mana negeri di luar Malaysia bagi tujuan perundingan atau mendapatkan

kontrak untuk pengiklanan atau penyertaan dalam pameran perdagangan, persidangan atau forum yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan. Perbelanjaan seumpama ini adalah tertakluk kepada jumlah maksimum RM300 sehari untuk penginapan dan sebanyak RM150 sehari untuk makanan bagi jangka masa berada di luar negeri;

- Perbelanjaan bagi menganjurkan pameran perdagangan, persidangan atau forum di luar negara yang diluluskan oleh Kementerian Pelancongan. Perbelanjaan seumpama ini adalah tertakluk kepada jumlah maksimum RM300 sehari untuk penginapan dan sebanyak RM150 sehari untuk makanan bagi jangka masa berada di luar negara; dan
- Kos penyelenggaraan pejabat jualan di luar negara untuk tujuan mempromosi produk pelancongan Malaysia.

ii. Pameran Perdagangan Antarabangsa yang diluluskan

Potongan dua kali dibenarkan ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi menyertai pameran perdagangan antarabangsa yang diluluskan yang diadakan di Malaysia.

iii. Eksport Perkhidmatan

Galakan potongan dua kali ke atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat pemastautin dalam mencari peluang eksport untuk produk pertanian, perkilangan dan perkhidmatan. Galakan ini juga disediakan untuk sektor pelancongan. Perbelanjaan yang layak adalah seperti berikut:

- penyelidikan pasaran eksport;
- penyediaan tender untuk membekalkan perkhidmatan ke luar negara;

- penghantaran maklumat teknikal ke luar negara;
- tambang kapalterbang kelas ekonomi ke luar negara bagi seorang wakil syarikat atas urusan perniagaan;
- perbelanjaan penginapan dan belanja sara hidup peniaga-peniaga Malaysia yang pergi ke luar negara untuk mempromosi eksport perkhidmatan, tertakluk kepada RM300 sehari bagi penginapan dan RM150 sehari bagi makanan;
- kos penyelenggaraan pejabat di luar negara bagi tujuan menggalakkan eksport perkhidmatan;
- kajian kemungkinan bagi projek luar negeri yang telah dikenalpasti untuk tujuan tender;
- penyertaan dalam pameran perdagangan atau perindustrian di Malaysia atau di luar negara;
- penyertaan dalam pameran di Pusat Perdagangan dan Pameran Tetap Malaysia di luar negara; dan
- publisiti, iklan dan perhubungan awam di luar Malaysia.
- perbelanjaan menyediakan model senibina dan kejuruteraan, lukisan perspektif dan animasi 3-D bagi menyertai pertandingan antarabangsa.

Galakan ini diperluaskan kepada perkhidmatan profesional yang disediakan oleh rakan kongsi atau peniaga tunggal seperti berikut:

- i. Perundangan;
- ii. Perakaunan (termasuk percukaian dan perkhidmatan pengurusan perunding);
- iii. Seni bina (termasuk perkhidmatan perancangan bandar dan lanskap);

iv. Kejuruteraan dan kejuruteraan bersepadu (termasuk penilaian dan juru ukur bahan); dan

v. Perubatan dan pergigian.

(f) Promosi Jenama Tempatan

Potongan dua kali diberi ke atas perbelanjaan berikut:

- i. kos pengiklanan melalui internet, majalah dan surat khabar, television, iklan dalam terbitan perdagangan atau penajaan acara sukan antarabangsa yang diluluskan atau persidangan atau pameran perdagangan antarabangsa yang diluluskan; dan
- ii. yuran profesional kepada syarikat mempromosi jenama Malaysia.

Bagi layak mendapat insentif ini, jenama tempatan mesti memenuhi kriteria berikut:

- i. jenama dimiliki oleh syarikat yang diperbadankan di Malaysia dengan sekurang-kurangnya 70% ekuiti dimiliki rakyat Malaysia;
- ii. jenama tersebut didaftarkan di Malaysia atau di luar negara;
- iii. barangan berjenama tempatan itu hendaklah mencapai mutu bertaraf eksport; dan
- iv. perbelanjaan pengiklanan hendaklah dilakukan di Malaysia.

(g) Sijil halal dan sijil sistem kualiti dan standard

Potongan dua kali ke atas perbelanjaan berikut:

- i. sijil sistem kualiti dan standard serta sijil halal daripada JAKIM
- ii. sijil sistem kualiti dan standard antarabangsa

4. Potongan Sekali

(a) Pelaburan Luar Negara Yang Diluluskan

Potongan sekali atas perbelanjaan sebelum memulakan operasi seperti kos penyelidikan pemasaran untuk pelaburan luar negara yang diluluskan.

(b) Perbelanjaan Latihan

Potongan sekali ke atas perbelanjaan latihan sebelum memulakan operasi yang dilakukan oleh mana-mana syarikat.

(c) Institut Latihan Teknikal atau Vokasional

Potongan sekali ke atas sumbangan wang tunai kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Kerajaan atau badan berkanun.

(d) Organisasi untuk promosi dan pemuliharaan alam sekitar

Potongan sekali ke atas derma kepada organisasi yang diluluskan yang ditubuhkan khusus untuk pengawalan dan pemuliharaan alam sekitar.

(e) Potongan sekali ke atas sumbangan hadiah di bawah Seksyen 44(6A)

(f) Potongan sekali ke atas sumbangan hadiah dan benda di bawah Seksyen 34(6)

Potongan sekali ke atas jumlah bersamaan dengan perbelanjaan yang dilakukan bagi:

- i. perbelanjaan operasi termasuk bayaran kepada konsultan berkaitan dengan kegunaan IT untuk membaiki proses pengurusan dan pengeluaran; dan
- ii. bagi mendapatkan kualiti sistem dan standard dan persijilan halal.

(g) Potongan sekali ke atas perbelanjaan syarikat dalam menyediakan latihan amali kepada residen bukan kakitangan syarikat.

- (h) Potongan sekali ke atas perbelanjaan dan sumbangan syarikat dalam pengurusan dan operasi RosettaNet Malaysia dan dalam membantu PKS tempatan menggunakan RosettaNet.
- (i) Potongan sekali atas perbelanjaan yang dilakukan oleh syarikat bagi mendraf pelan induk korporat berasaskan pengetahuan.
- (j) Galakan eksport:
 - i. potongan sekali ke atas bayaran pendaftaran paten, cap dagangan dan pelesenan barangan di luar negara; dan
 - ii. potongan sekali ke atas bayaran sewa hotel, maksimum tiga (3) malam kepada syarikat yang memberi hospitaliti kepada bakal pengimport yang dijemput ke Malaysia sebagai susulan kepada misi perdagangan dan pelaburan yang dianjurkan oleh agensi Kerajaan atau persatuan perindustrian dan perdagangan. Tarikh jemputan ini hendaklah dalam tempoh 12 bulan daripada tarikh misi.

5. Elaun Bangunan Industri

Elaun Bangunan Industri diberi kepada syarikat ke atas perbelanjaan membina atau membeli bangunan yang digunakan khusus untuk operasi tertentu seperti di Jadual 3 Akta Cukai Pendapatan 1967. Syarikat adalah layak mendapat elaun permulaan 10% dan elaun tahunan 3% supaya tuntutan Elaun Bangunan Industri dapat dibuat dalam tempoh 30 tahun.

Elaun Bangunan Industri diberi kepada bangunan industri dan bangunan yang diluluskan untuk digunakan bagi tujuan berikut:

- (a) kilang;
- (b) dermaga, jeti atau bangunan seumpama;
- (c) gudang dalam perniagaan sewaan ruang penyimpanan kepada orang awam;
- (d) projek pembekalan air dan elektrik atau projek telekomunikasi kepada orang awam;

- (e) bangunan yang digunakan untuk ladang atau perniagaan adalah merupakan aktiviti perladangan;
- (f) bangunan yang digunakan untuk aktiviti perlombongan dan perniagaan adalah merupakan aktiviti perlombongan;
- (g) hospital, hospital bersalin dan rumah penjagaan orang tua swasta yang dilesenkan di bawah undang-undang berkaitan;
- (h) R&D yang diluluskan oleh Menteri;
- (i) aktiviti R&D oleh syarikat yang menjalankan program penyelarasan perindustrian;
- (j) bangunan yang digunakan untuk latihan oleh syarikat yang menjalankan penyelarasan perindustrian;
- (k) penyelidikan oleh syarikat kontrak R&D dan syarikat R&D yang diluluskan di bawah Akta Penggalakan Pelaburan, 1986;
- (l) bangunan yang digunakan untuk menjalankan projek perkhidmatan yang diluluskan;
- (m) bangunan hotel yang telah berdaftar dengan Kementerian Pelancongan; dan
- (n) perniagaan membina, membina semula atau memperbaiki jalan awam dan bangunan sampingan di bawah perjanjian yang dibuat dengan Kerajaan.

Elaun Bangunan Industri istimewa sebanyak 10% atas perbelanjaan untuk membina atau membeli bangunan dituntut sepenuhnya dalam tempoh 10 tahun bagi:

- (a) bangunan yang digunakan untuk menyimpan barangan untuk eksport atau barangan dieksport semula;
- (b) bangunan untuk latihan industri, teknikal atau vokasional yang diluluskan;
- (c) bangunan untuk rumah kediaman pekerja dalam sektor pembuatan, projek perkhidmatan yang diluluskan, hotel atau perniagaan pelancongan;

- (d) bangunan untuk penyediaan kemudahan penjagaan anak kakitangan bagi sektor di (c);
- (e) bangunan untuk sekolah atau fakulti yang diluluskan;
- (f) bangunan untuk perindustrian, teknikal atau latihan vokasional; dan
- (g) bangunan dibina di bawah perjanjian yang dibuat oleh sesebuah syarikat dengan Kerajaan di bawah '*build-lease transfer*' diberi Elaun Bangunan Industri sebanyak 3/5 daripada perbelanjaan yang layak.

Bagi bangunan industri dan bangunan yang dibina untuk kegunaan kediaman pekerja, elaun awal sebanyak 2/5 daripada perbelanjaan yang layak adalah diberi.

6. Elaun Modal Dipercepatkan

6.1 Pertanian

- (a) syarikat perladangan yang bukan berasaskan getah yang menanam sekurang-kurangnya 10% ladangnya dengan pokok getah diberi Elaun Pertanian Dipercepatkan sebanyak 100%.
- (b) jentera dan peralatan yang digunakan dalam projek pertanian yang diluluskan di bawah Jadual 4A Elaun Cukai Pelaburan diberi elaun 100%.
- (c) jentera dan peralatan kilang atau syarikat pemprosesan makanan yang menghasilkan produk pada akhir tempoh elaun pelaburan semula diberi elaun permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan 20%.
- (d) jentera dan peralatan yang digunakan dalam sektor pertanian dan perladangan diberikan elaun permulaan 20% dan elaun tahunan 40%.

6.2 ICT

- (a) komputer dan peralatan teknologi maklumat termasuk perisian. Elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan sebanyak 40%.

6.3 Alam Sekitar

- (a) peralatan perlindungan alam sekitar diberi permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan sebanyak 20%.
- (b) jentera dan peralatan yang digunakan khas untuk pemuliharaan tenaga diberi elaun permulaan sebanyak 40% dan elaun tahunan 20%.
- (c) jentera dan peralatan syarikat perkilangan untuk memproses dan mengitar semula sisa buangan diberi elaun permulaan 40% dan elaun tahunan 20%.
- (d) jentera dan peralatan yang digunakan untuk menjana tenaga untuk kegunaan syarikat sendiri diberi elaun permulaan sebanyak 20% dan elaun tahunan 80%.
- (e) peralatan untuk menyelenggara kualiti bekalan tenaga akan diberi elaun permulaan 20% dan elaun tahunan sebanyak 40%.

7. Potongan bagi Memperoleh Hak Milik

Amaun sebanyak 20% daripada kos setahun diberikan sebagai potongan untuk perbelanjaan modal dalam memperolehi pemilikan hak seperti paten, reka bentuk industri atau cap dagangan dibenarkan dalam menentukan pendapatan penyesuaian.

8. Potongan bagi Memperolehi Syarikat Milik Asing

Amaun bersamaan dengan 20% daripada kos perolehan dibenarkan sebagai potongan dalam menentukan pelarasan pendapatan selama lima (5) tahun bagi tujuan:

- i. perolehan teknologi tinggi bagi pengeluaran dalam negara; **atau**
- ii. menambah pasaran eksport baru bagi pasaran barangan tempatan.

9. Potongan bagi Membangunkan Laman Web

Kos membangunkan laman web dibenarkan sebagai potongan tahunan sebanyak 20% selama lima (5) tahun.

10. Potongan untuk Perbelanjaan Modal bagi Projek Pertanian yang Diluluskan

Galakan ini menyediakan elaun 100% terhadap perbelanjaan modal ke atas projek pertanian yang diluluskan di bawah Jadual 4A Akta Cukai Pendapatan 1967. Individu yang menjalankan projek pertanian yang diluluskan dibenarkan memilih supaya perbelanjaan modal yang layak yang dilakukannya bagi projek tersebut dipotong daripada jumlah pendapatan agregatnya, termasuk pendapatan daripada sumber yang lain. Apabila jumlah pendapatan agregat tidak mencukupi, perbelanjaan modal yang tidak digunakan itu dibenarkan dibawa ke tahun taksiran berikutnya. Bagaimanapun, sekiranya potongan sebegini dipilih, maka projek tersebut tidak layak mendapat sebarang elaun modal atau elaun pertanian ke atas perbelanjaan modal yang sama.

Perbelanjaan modal yang layak dipertimbangkan potongan bagi tujuan galakan ini adalah seperti berikut:

- (a) pembersihan dan penyediaan tanah;
- (b) penanaman tanaman baru (bukan tanam semula) yang berkaitan dengan projek pertanian yang diluluskan;

- (c) peruntukan untuk jentera dan peralatan untuk tujuan penanaman tanaman, ternakan haiwan, akuakultur, ternakan ikan air tawar atau perikanan laut dalam;
- (d) pembinaan jalan atau jambatan di kawasan ladang;
- (e) pembinaan atau pembelian bangunan di ladang yang digunakan untuk tujuan projek pertanian yang diluluskan atau pembinaan bangunan di ladang untuk tujuan kebajikan dan tempat tinggal pekerja projek tersebut dan sekiranya projek tidak dijalankan bangunan itu tidak atau kurang bermakna kepada mana-mana individu selain daripada kaitannya dengan kerja di ladang yang lain; dan
- (f) pembinaan kolam atau pemasangan sistem perparitan atau saluran yang digunakan dalam projek pertanian yang diluluskan.

Hanya perbelanjaan yang dibuat dalam tempoh yang ditetapkan dan berkaitan dengan perladangan dan mengikut keluasan minimum penanaman bagi setiap projek yang diluluskan oleh Menteri Kewangan adalah layak. Projek pertanian yang diluluskan adalah seperti berikut:

Projek	Tempoh	Keluasan Minimum
1. Penanaman:		
betik,	1 tahun	40 hektar
pisang	1 tahun	40 hektar
buah markisa	1 tahun	40 hektar
belimbing	2 tahun	8 hektar
jambu batu	2 tahun	8 hektar
manggis	7 tahun	8 hektar
2. Florikultur *	2 tahun	8 hektar
3. Penanaman sayur-sayuran, ubi, akar,herba, rempah ratus, tanaman untuk ternakan dan produk hidroponik	3 tahun	40 hektar

* (Tumbuhan bebawang, ubi dan akar sama ada mempunyai bunga atau kudup, jenis seperti yang dinyatakan di dalam Bab 6 Perintah Duti Kastam, 1988 yang sesuai untuk tanaman atau bahan hiasan kecuali cendawan, cantuman atau anak benih getah dan kayu mata tunas getah).

Projek	Tempoh	Keluasan Minimum
4. Ternakan ikan hiasan secara terbuka (dalam kolam tanah/simen).	2 tahun	5 hektar
5. Ternakan ikan hiasan secara tertutup.	2 tahun	0.25 hektar
6. Ternakan ikan dan udang dalam kolam tanah (air payau/air tawar).	2 tahun	20 hektar
7. Ternakan ikan dalam tangki (air payau/air tawar)	2 tahun	1 hektar
8. Ternakan ikan dalam sangkar-laut terbuka	2 tahun	0.5 hektar
9. Ternakan ikan dalam sangkar (air payau/air tawar)	2 tahun	0.5 hektar
10. Ternakan kerang	1 tahun	10 hektar
11. Ternakan kupang (siput sudu) dan tiram	2 tahun	0.5 hektar
12. Ternakan rumpai laut	1 tahun	5 hektar
13. Pembiakan udang laut	2 tahun	0.25 hektar
14. Pembiakan udang galah	2 tahun	0.25 hektar
15. Pembiakan ikan (air laut/air payau/air tawar)	2 tahun	0.5 hektar

11. Galakan Tambahan bagi Pengeluaran Bahan Makanan

Syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan layak mendapat galakan seperti pilihan **A** atau **B**:

Pilihan A:

- (a) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; **dan**
- (b) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan, di mana:
 - i. kerugian sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa

ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun;

- ii. kerugian dalam tempoh pengecualian cukai juga dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
- iii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

atau, Pilihan B:

- (a) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam pengeluaran bahan makanan diberi *group relief* ke atas kerugian syarikat subsidiari bagi tempoh sebelum syarikat subsidiari tersebut membuat keuntungan; **dan**
- (b) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat membuat keuntungan, yang mana:
 - i. kerugian dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan dibawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
 - ii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai dikecualikan di peringkat pemegang saham.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- i. syarikat yang melabur hendaklah memiliki 70% syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti pengeluaran bahan makanan tersebut;
- ii. bahan makanan yang layak adalah seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan. Sebagai permulaan, bahan makanan yang diluluskan ialah sayur-sayuran, buah-buahan, herba, rempah ratus, akuakultur,

daging lembu dan kambing serta *kenaf* untuk makanan haiwan; dan

- iii. projek pengeluaran bahan makanan hendaklah dilaksanakan dalam tempoh satu tahun daripada tarikh galakan diluluskan.

Galakan di atas dipanjangkan kepada syarikat yang melabur semula dalam pengeluaran bahan makanan yang sama tapi tempoh galakan adalah selama lima (5) tahun tertakluk kepada syarat yang sama.

12. Galakan bagi Aktiviti Perikanan Laut Dalam

Galakan semasa bagi pengeluaran bahan makanan diperluaskan kepada syarikat baru yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam seperti berikut:

Alternatif Pertama:

- (a) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam aktiviti perikanan laut dalam diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan yang dibuat dalam syarikat subsidiari tersebut; **dan**
- (b) syarikat subsidiari yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam diberi pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan, di mana:
 - i. kerugian dialami sebelum bermula tempoh pengecualian cukai dibenarkan di bawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun;
 - ii. kerugian dialami dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan di bawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
 - iii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai diberi pengecualian di peringkat pemegang saham.

atau, Alternatif Kedua:

- (a) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang terlibat dalam aktiviti perikanan laut dalam diberi *group relief* ke atas kerugian syarikat subsidiari sebelum syarikat tersebut membuat keuntungan; **dan**
- (b) syarikat subsidiari yang terlibat dalam aktiviti perikanan laut dalam diberi pengecualian cukai pendapatan sebanyak 100% ke atas pendapatan berkanun selama 10 tahun bermula dari tahun pertama syarikat mendapat keuntungan, di mana;
 - i. kerugian dalam tempoh pengecualian cukai dibenarkan di bawa ke hadapan selepas tempoh pengecualian cukai 10 tahun; dan
 - ii. dividen yang dibayar daripada pendapatan yang dikecualikan cukai dikecualikan di peringkat pemegang saham.

Galakan ini diberi dengan syarat:

- i. syarikat yang melabur hendaklah memiliki 70% syarikat yang menjalankan aktiviti perikanan laut dalam tersebut;
- ii. projek hendaklah dilaksanakan dalam tempoh selewat-lewatnya satu tahun daripada galakan diluluskan; dan
- iii. projek hendaklah patuhi peruntukan di bawah Akta Perikanan, 1985.

Bagi pelabur dan syarikat yang telah terlibat dalam perikanan laut dalam, insentif diberi untuk tempoh lima (5) tahun tertakluk kepada syarat seperti di atas.

13. Pengeluaran Makanan Halal

Syarikat yang melabur dalam pengeluaran makanan halal untuk pasaran eksport dan meningkatkan penggunaan mesin dan peralatan moden dalam menghasilkan makanan halal yang berkualiti tinggi serta menetapi piawaian antarabangsa diberi Elaun Cukai Pelaburan 100%

daripada perbelanjaan modal yang layak yang dilakukan dalam tempoh lima (5) tahun bagi dikurangkan sehingga 100% daripada pendapatan berkanun bagi suatu tahun taksiran. Elaun ini diberi dengan syarat syarikat memperolehi sijil halal Malaysia daripada JAKIM dan lain-lain sijil yang berkaitan terlebih dahulu.

14. Galakan bagi Penyatuan Pengurusan Kebun Kecil dan Tanah Terbiar

Galakan yang diberikan kepada Penyatuan Pengurusan Kebun Kecil dan Tanah Terbiar adalah seperti berikut:

- (a) syarikat yang melabur dalam syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya yang terbabit dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar diberi potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dibuat; dan
- (b) syarikat subsidiari yang dimiliki sepenuhnya yang terbabit dengan aktiviti penyatuan pengurusan kebun kecil dan tanah terbiar diberi pengecualian cukai perkhidmatan.

15. Galakan untuk Meningkatkan Penanaman Pokok Kayu Getah

Syarikat perladangan yang bukan berasaskan pokok kayu getah yang menanam sekurang-kurangnya 10% pokok kayu getah di ladangnya, diberi Elaun Pertanian Dipercepatkan bagi modal yang digunakan untuk menyediakan kawasan, menanam dan menyelenggara penanaman pokok kayu getah. Elaun ini mesti dihapuskan dalam tempoh satu tahun.

16. Galakan bagi Memodenkan Sistem Penternakan Ayam dan Itik

Penternak ayam dan itik yang membuat pelaburan semula bagi menukar daripada sistem reban terbuka kepada sistem reban tertutup diberi galakan Elaun Pelaburan Semula selama 15 tahun berturut-turut mulai daripada tahun pertama pelaburan semula dibuat.

- (a) Projek terletak di kawasan yang digalakkan - Elaun Pelaburan Semula 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu

tahun taksiran sehingga 100% daripada pendapatan berkanun; dan

- (b) Projek di luar kawasan yang digalakkan - Elaun Pelaburan Semula 60% daripada perbelanjaan modal yang layak dengan jumlah elaun yang dikurangkan bagi suatu tahun taksiran sehingga 70% daripada pendapatan berkanun.

Galakan ini akan diberi dengan syarat:

- i. memenuhi kapasiti minimum penternakan berikut:
 - menternak sekurang-kurangnya 20,000 ekor ayam/itik daging bagi setiap pusingan; dan
 - menternak sekurang-kurangnya 50,000 ekor ayam/itik telur bagi setiap pusingan; dan
 - menternak sekurang-kurangnya 20,000 ekor ayam/itik baka bagi setiap pusingan; dan
- ii. projek hendaklah mendapat kelulusan Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani.

17. Galakan Cukai bagi Perdagangan Luar Persisir Melalui Laman web di Malaysia

Pendapatan syarikat yang menjalankan perdagangan luar persisir melalui laman web di Malaysia dikenakan cukai pada kadar konsesi 10% untuk tempoh lima (5) tahun.

18. Layanan Cukai Khas bagi Hadiah

- (a) Aktiviti Latihan

Layanan cukai khas ke atas hadiah mesin atau peralatan terpakai kepada institut latihan teknikal atau vokasional yang ditubuhkan dan dikendalikan oleh Kerajaan atau badan berkanun atau institusi latihan teknikal atau vokasional yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

- (b) Aktiviti Penyelidikan

Layanan cukai khas bagi hadiah mesin dan peralatan terpakai kepada institut penyelidikan yang diluluskan.

Bagi kedua-dua (a) dan (b)

Nilai pelupusan mesin atau peralatan tersebut akan diandaikan sebagai kosong. Baki elaun modal bagi mesin atau peralatan berkenaan, yang belum dituntut (jika ada), akan ditolak sekali gus dalam tahun taksiran ianya disumbangkan.

C. AKTA CUKAI AKTIVITI PERNIAGAAN LUAR PESISIR LABUAN, 1990

Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan (LOBATA), 1990 memperuntukkan pengenaan, pentaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir yang dijalankan oleh suatu syarikat luar pesisir di atau dari Labuan dan perkara-perkara yang berkaitan dengannya. Aktiviti perniagaan luar pesisir bererti aktiviti perdagangan atau bukan perdagangan dengan bukan pemastautin dan dalam mata wang selain dari Ringgit Malaysia. Bagaimanapun, terdapat pengecualian dimana transaksi dibenarkan dengan pemastautin atau dalam matawang Ringgit Malaysia, seperti berikut:

- (a) Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perbankan atau insurans luar pesisir boleh berurusan dengan pemastautin dan dalam Ringgit Malaysia, seperti dibenarkan menurut seksyen 20(2), Akta Bank Luar Pesisir 1990 dan Akta Insurans Luar Pesisir 1990;
- (b) di mana dibenarkan syarikat luar pesisir boleh memegang saham di dalam syarikat domestik dalam Ringgit Malaysia;
- (c) syarikat luar pesisir boleh menjalankan aktiviti pembrokeran wang atau pemajakan dengan pemastautin, dimana dibenarkan; dan
- (d) lain-lain seperti yang diluluskan oleh Menteri Kewangan.

Aktiviti perniagaan luar pesisir adalah dikategorikan kepada:

- (a) Aktiviti perdagangan luar pesisir, termasuk perbankan, insurans, perdagangan, pengurusan, perlesenan, operasi

petroleum, atau aktiviti lain yang bukan aktiviti bukan-perdagangan luar pesisir tetapi tidak termasuk operasi perkapalan;

- (b) Operasi bukan-perdagangan luar pesisir adalah aktiviti berkaitan pemegangan saham dalam sekuriti, stok, saham, pinjaman, simpanan dan harta tak alih oleh sebuah syarikat luar pesisir bagi pihaknya.

Syarikat luar pesisir di Labuan yang menjalankan aktiviti perdagangan boleh memilih untuk:

- (a) membayar cukai pada kadar 3% ke atas keuntungan bersih yang diaudit; atau
- (b) membayar jumlah tetap sebanyak RM20,000.

Pendapatan syarikat luar pesisir daripada aktiviti bukan perdagangan luar pesisir tidak tertakluk kepada sebarang cukai. Bagaimanapun syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir dan bukan perdagangan luar pesisir, adalah dianggap menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir.

Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir di Labuan, terutamanya syarikat-syarikat yang berasal dari negara-negara Islam, di mana zakat perniagaan dan bukan cukai perniagaan yang dibayar ke atas keuntungan perniagaan, mereka akan diberi rebat cukai perniagaan bersamaan dengan zakat perniagaan yang dibayar dengan pihak pungutan zakat Labuan, tertakluk kepada 3% keuntungan bersih atau maksimum RM 20,000.

Pengecualian Cukai untuk Mempromosi Labuan Sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa:

- i. Dividen yang diterima daripada syarikat luar pesisir (SLP) oleh pemegang saham termasuk syarikat domestik Malaysia (SDM) yang dibayar, dikredit atau diagihkan daripada pendapatan yang diperolehi daripada aktiviti perniagaan luar pesisir adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan. Sebagai tambahan, dividen yang diterima oleh pemegang saham SDM

daripada pendapatan dividen yang diterima oleh SDM daripada SLP, adalah juga dikecualikan daripada cukai pendapatan.

- ii. Royalti yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir lain adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- iii. Faedah yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh pemastautin, bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir lain adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- iv. Fi teknikal dan pengurusan yang diterima daripada syarikat luar pesisir oleh bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir lain dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- v. Pengagihan yang diterima daripada syarikat amanah luar pesisir oleh pemegang amanahnya adalah dikecualikan daripada cukai pendapatan.
- vi. Dokumen aktiviti perniagaan luar pesisir, pemindahan saham dalam syarikat luar pesisir dan Memorandum dan Artikel Persatuan suatu syarikat luar pesisir adalah dikecualikan daripada duti setem.
- vii. Pengecualian cukai 50% ke atas pendapatan kasar pegawai amanah bukan warganegara yang berkerja dengan syarikat amanah sehingga tahun taksiran 2005.
- viii. Pengecualian cukai pendapatan sebanyak 50% ke atas Elaun Labuan dan elaun perumahan yang diterima oleh warganegara Malaysia yang berkhidmat di Labuan dengan Kerajaan Persekutuan atau negeri, badan berkanun dan syarikat luar pesisir sehingga tahun taksiran 2005.
- ix. Pengecualian cukai pegangan ke atas bayaran sewa yang diterima oleh bukan pemastautin bagi penggunaan harta alih oleh syarikat pajakan luar pesisir.
- x. Pengecualian cukai pendapatan 100% ke atas fi pengarah yang diterima oleh pengarah bukan warganegara syarikat luar pesisir daripada tahun taksiran 2002 hingga 2006.

- xi. Barangan bebas cukai untuk individu yang tinggal 24 jam di Labuan.

D. AKTA KASTAM, 1967; AKTA CUKAI JUALAN, 1972; AKTA EKSAIS, 1976 DAN AKTA ZON BEBAS, 1990

1. Sektor Perkilangan

- (a) Pengecualian duti import ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan dalam:

- i. Pengeluaran untuk pasaran eksport - Pengecualian sepenuhnya duti import ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan secara langsung dan tidak dikeluarkan dalam negara atau dikeluarkan dalam negara tetapi harga dan mutunya tidak boleh diterima.

- ii. Pengeluaran untuk pasaran tempatan - Mulai 1 Januari 1999, pengecualian sepenuhnya duti import ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan secara langsung dan tidak dikeluarkan dalam negara.

- iii. pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah dan komponen yang tidak dikeluarkan dalam negara serta keluaran separuh siap yang diimport daripada pengilang kontrak di luar negara oleh pemilik jenama Malaysia yang melakukan persumberan luar aktiviti pembuatannya.

- (b) Pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin dan peralatan, alat ganti dan bahan guna habis

Adalah menjadi polisi Kerajaan untuk tidak mengenakan cukai ke atas mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara dan yang digunakan secara langsung dalam proses

pengeluaran. Bagaimanapun, disebabkan oleh kesukaran daripada peraturan klasifikasi tarif, beberapa mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara turut dikategorikan di bawah barangan bercukai. Oleh itu, pengecualian sepenuhnya diberi ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara;
- ii. Cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli dalam negara.

Bagi alat ganti dan bahan guna habis, pengecualian cukai telah dilanjutkan. Kriteria-kriteria untuk pengecualian cukai adalah seperti berikut:

- i. Syarikat mesti mengeksport sekurang-kurangnya 80% daripada pengeluarannya; atau
- ii. Alat ganti dan bahan guna-habis berkenaan terhad permintaannya dan tidak berpotensi untuk dikeluarkan dalam negara; atau
- iii. Duti import ke atas barangan tersebut melebihi 5%.

(c) Peralatan perubatan bagi tujuan *kitting*

Pengecualian sepenuh duti import diberi ke atas peralatan perubatan yang diimport bagi tujuan menyediakan set sedia guna (*kitting*) dengan syarat peralatan tersebut tidak dikeluarkan dalam negara

(d) “Duty Drawback”

Pengilang yang telah membayar duti ke atas pengimportan bahan mentah dan komponen dan menggunakannya untuk mengeluarkan barangan bagi pasaran eksport dalam tempoh satu tahun adalah layak untuk menuntut *duty drawback* ke atas duti yang telah dibayar. Pengilang hendaklah mengemukakan tuntutan kepada Jabatan Kastam tetapi hendaklah

memenuhi syarat yang ditetapkan di bawah seksyen 99 Akta Kastam 1967.

(e) Pengecualian Cukai Jualan

Pengilang barangan bercukai dengan jualan tahunan melebihi RM100,000 perlu dilesenkan di bawah Akta Cukai Jualan 1972 dan dengan itu layak mendapat pengecualian cukai jualan ke atas input (selaras dengan konsep cukai seperingkat). Bagi pengilang dengan jualan tahunan kurang daripada RM100,000, mereka mempunyai pilihan untuk memohon pengecualian cukai jualan ke atas input (melalui pelesenan) atau membayar cukai jualan ke atas input tetapi menikmati pengecualian ke atas pengeluarannya.

Beberapa kategori barangan adalah dikecualikan cukai jualan pada peringkat input dan pengeluaran, iaitu semua barangan (termasuk bahan pembungkusan) yang digunakan dalam perkilangan berikut:

- i. barang kawalan;
- ii. barangan farmaseutikal;
- iii. barangan berasaskan susu;
- iv. fabrik batik;
- v. minyak wangi, *eu d'toilette*, barangan kecantikan dan solekan;
- vi. kamera, jam tangan, pen;
- vii. komputer dan peralatan komputer, komponen dan aksesori;
- viii. “*carton boxes, corrugated paper or paperboard, folding carton boxes and cases of non-corrugated paper and paperboard*”;
- ix. produk dalam industri percetakan;
- x. alat semburan untuk pertanian dan hotikultur;
- xi. papan lapis;
- xii. tayar celup;
- xiii. sistem kuasa tanpa gangguan;
- xiv. mesin; dan
- xv. barangan pengilangan untuk eksport.

2. Sektor Pertanian

- (a) Pengecualian duti import sepenuhnya ke atas bahan mentah atau komponen yang digunakan dalam:
 - i. Pengeluaran untuk pasaran eksport.
 - ii. Bahan mentah langsung atau komponen yang diimport yang tidak dikeluarkan dalam negara atau ada dikeluarkan dalam negara tetapi harga atau mutunya tidak boleh diterima.
 - iii. Pengeluaran untuk pasaran tempatan.
 - iv. Bahan mentah langsung atau komponen yang digunakan secara langsung yang tidak dikeluarkan dalam negara.
- (b) Pengecualian sepenuhnya duti import atau eksais dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan. Pengecualian sepenuhnya ke atas:
 - i. mesin atau peralatan yang tidak terdapat dalam negara; dan
 - ii. mesin atau peralatan yang dibeli daripada pengeluar tempatan.

3. Sektor Perkhidmatan Yang Diluluskan

- (a) Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan yang digunakan secara langsung dalam pelaksanaan projek perkhidmatan yang diluluskan dan tidak dikeluarkan dalam negara.
- (b) Pengecualian cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli di pasaran tempatan yang digunakan secara langsung dalam pelaksanaan projek perkhidmatan yang diluluskan.

4. Sektor Pelancongan

- (a) Pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas bahan dan peralatan terpilih untuk projek pelancongan yang menyediakan penginapan dan yang tidak menyediakan penginapan.

- (b) Pengecualian duti import ke atas komponen CKD dan pengecualian duti eksais ke atas bas pelancong yang dipasang dalam negeri.
- (c) Pengecualian duti eksais ke atas pembelian kereta nasional untuk pengusaha kereta sewa bagi pelancong.
- (d) Pengecualian duti import ke atas barangan berjenama yang bernilai lebih daripada RM200.00 f.o.b.
- (e) Pengecualian Duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas sebuah kereta bagi peserta program Malaysia Rumah Kedua Ku.

5. Sektor Filem dan Muzik

Pengecualian duti ke atas peralatan untuk studio rakaman, syarikat pengeluaran dan panggung wayang. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas peralatan diimport yang dikenalpasti; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas peralatan terpilih yang dibeli di pasaran tempatan.

6. Aktiviti Penyelidikan

Pengecualian duti ke atas mesin atau peralatan, bahan dan sampel yang digunakan untuk projek penyelidikan yang diluluskan, penyelidikan dalaman, syarikat kontrak R&D dan syarikat R&D. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas barangan import yang digunakan untuk R&D tanpa mengira sama ada dikeluarkan dalam negara atau tidak; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan yang digunakan untuk R&D.

7. Aktiviti Latihan

Pengecualian duti ke atas mesin atau peralatan, bahan dan sampel yang digunakan untuk program latihan yang diluluskan atau institut latihan yang

diluluskan dan syarikat latihan teknikal atau vokasional. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas barangan yang diimport yang digunakan dalam latihan tanpa mengira sama ada dikeluarkan dalam negara atau tidak; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas barangan yang dibeli di pasaran tempatan yang digunakan dalam latihan.

8. Perlindungan Alam Sekitar

(a) Syarikat perkilangan yang membeli mesin atau peralatan mengawal pencemaran. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

(b) Syarikat yang menjalankan aktiviti penstoran, perawatan dan pelupusan buangan toksik dan berbahaya. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan yang diimport yang tidak dikeluarkan dalam negara; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

Tahap dan kriteria pengecualian ke atas bahan mentah atau komponen adalah sama seperti pengecualian ke atas bahan mentah atau komponen untuk sektor pembuatan

(c) *Catalytic Converters*

Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas *catalytic converters* untuk pemasangan kenderaan bermotor.

(d) Syarikat yang memberi perkhidmatan penjimatan penggunaan tenaga dan syarikat yang membuat perbelanjaan modal bagi tujuan penjimatan penggunaan tenaga syarikatnya. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

(e) Syarikat yang menggunakan biomass sebagai sumber tenaga baru. Pengecualian sepenuhnya ke atas:

- i. duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan yang tidak dikeluarkan dalam negara; dan
- ii. cukai jualan dan duti eksais ke atas mesin atau peralatan yang dibeli di pasaran tempatan.

9. Sektor Pendidikan

Semua institusi pengajian tinggi swasta dan institusi bahasa swasta diberi pengecualian duti import, cukai jualan dan duti eksais ke atas semua peralatan pendidikan termasuk peralatan makmal, bengkel, studio dan makmal bahasa.

RINGKASAN INSENTIF CUKAI LANGSUNG & CUKAI TIDAK LANGSUNG MENGIKUT SEKTOR

1. Sektor Perkilangan

1. Taraf Perintis.
2. Elaun Cukai Pelaburan.
3. Elaun Penyelarasan Industri.
4. Elaun Infrastruktur.
5. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan:
 - a. promosi eksport;
 - b. R&D;

- c. latihan;
 - d. caj fret;
 - e. premium insurans;
 - f. promosi luar negara; dan
 - g. promosi jenama tempatan.
6. Potongan sekali ke atas perbelanjaan:
- a. perbelanjaan pra-operasi ke atas pelaburan luar negara yang diluluskan;
 - b. perbelanjaan pra-operasi latihan;
 - c. sumbangan dalam bentuk tunai kepada institut latihan teknikal atau vokasional;
 - d. sumbangan kepada organisasi penggalakan dan pemuliharaan alam sekitar yang diluluskan;
 - e. hadiah di bawah seksyen 44(6A) dan 34(6);
 - f. penyediaan latihan amali kepada bukan kakitangan;
 - g. pengurusan dan operasi RosettaNet Malaysia;
 - h. promosi eksport; dan
 - i. deraf pelan induk korporat berasaskan pengetahuan.
7. Pengecualian cukai ke atas peningkatan nilai eksport;
8. Elaun Modal Dipercepatkan;
9. Elaun Pelaburan Semula;
10. Elaun Bangunan Industri.
11. Potongan bagi:
- a. perolehan hak milik;
 - b. perolehan syarikat milik asing; dan
 - c. pembangunan laman web.

12. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah atau komponen.

13. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan dan alat ganti dan bahan guna habis.

14. *"Duty drawback"*.

2. Sektor Pertanian

1. Taraf Perintis.

2. Elaun Cukai Pelaburan.

3. Elaun Infrastruktur .

4. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan:

- a. promosi eksport;
- b. R&D; dan
- c. premium insurans

5. Potongan sekali ke atas perbelanjaan:

- a. perbelanjaan pra-operasi ke atas pelaburan luar negara;
- b. sumbangan kepada organisasi penggalakan dan pemuliharaan alam sekitar yang diluluskan ; dan
- c. hadiah di bawah seksyen 44(6A) dan 34(6).

6. Pengecualian cukai ke atas peningkatan nilai eksport

7. Elaun Modal Dipercepatkan

8. Elaun Pelaburan Semula

9. Elaun Bangunan Industri

10. Potongan ke atas perbelanjaan modal bagi projek pertanian yang digalakkan

11. Galakan tambahan ke atas projek pengeluaran makanan dan aktiviti perikanan laut dalam

12. Elaun Pertanian Dipercepatkan ke atas penanaman pokok kayu getah

13. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan mentah atau komponen

14. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan

15. *"Duty drawback"*.

3. Sektor Perkhidmatan

3.1 Projek Perkhidmatan Yang Diluluskan

1. Pengecualian cukai pendapatan.
2. Elaun Pelaburan.
3. Elaun Infrastruktur.
4. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan:
 - a. promosi eksport perkhidmatan;
 - b. R&D; dan
 - c. latihan.
5. Potongan sekali ke atas perbelanjaan:
 - a. perbelanjaan pra-operasi ke atas pelaburan luar negara; dan
 - b. perbelanjaan pra-operasi latihan.
6. Elaun Bangunan Industri
7. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin atau peralatan

3.2 Pelancongan

1. Taraf Perintis
2. Elaun Cukai Pelaburan
3. Elaun Infrastruktur
4. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan:
 - a. promosi eksport; dan
 - b. latihan.

5. Potongan sekali ke atas perbelanjaan:

- a. perbelanjaan pra-operasi ke atas pelaburan luar negara; dan
- b. perbelanjaan pra-operasi latihan.

6. Elaun Bangunan Industri

7. Pengecualian cukai pendapatan:

- a. operator pelancong;
- b. penganjur persidangan atau pameran perdagangan antarabangsa;
- c. lumba kereta dan motorsikal;
- d. pembaikan dan penyelenggaraan bot dan kapal layar mewah di Langkawi; dan
- e. perkhidmatan sewaan kapal layar mewah.

8. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan dan peralatan terpilih

3.3 R&D

1. Taraf Perintis
2. Elaun Cukai Pelaburan
3. Potongan dua kali ke atas:
 - a. perbelanjaan bukan modal yang dibelanjakan ke atas R&D; dan
 - b. perbelanjaan bayaran penggunaan perkhidmatan.
4. Elaun Modal Dipercepatkan.
5. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan, sampel dan peralatan

3.4 Aktiviti Latihan

1. Elaun Cukai Pelaburan.

2. Potongan dua kali ke atas perbelanjaan latihan.
3. Potongan sekali ke atas perbelanjaan:
 - a. perbelanjaan pra-operasi latihan;
 - b. sumbangan dalam bentuk tunai kepada institut latihan teknikal atau vokasional; dan
 - c. penyediaan latihan amali kepada bukan kakitangan.
4. Elaun Bangunan Industri.
5. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas bahan, sampel dan peralatan.
6. *"Duty drawback"*.

4. Aktiviti Perlindungan Alam Sekitar

1. Taraf Perintis atau Elaun Cukai Pelaburan bagi menjalankan aktiviti yang digalakkan seperti:
 - a. perladangan hutan;
 - b. kitar semula bahan buangan;
 - c. penstoran, rawatan dan buangan toksik merbahaya;
 - d. pemuliharaan tenaga; dan
 - e. penggunaan biojisim sebagai punca tenaga baru.
2. Elaun Modal Dipercepatkan bagi peralatan pemuliharaan alam sekitar.
3. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan peralatan.
4. Pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas *catalytic converters*.
5. Elaun Pelaburan Semula bagi memodenkan sistem peliharaan ayam dan itik.

5. Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa Labuan

1. Syarikat luar pesisir boleh diperbadankan atau didaftar di Labuan untuk menjalankan aktiviti kewangan atau bukan kewangan dengan bukan pemastautin dan dalam matawang selain daripada Ringgit Malaysia. Bagaimanapun, syarikat luar pesisir boleh berurusan dengan pemastautin atau dalam matawang Ringgit Malaysia tertakluk kepada keadaan-keadaan tertentu.
2. syarikat luar pesisir di Labuan yang menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir layak menikmati cukai di bawah Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990, pengecualian cukai pendapatan dan Duti Setem.
3. syarikat luar pesisir juga diisytiharkan sebagai bukan-pemastautin di bawah Akta Kawalan Pertukaran Malaysia. Oleh yang demikian, syarikat luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada kawalan pertukaran, kecuali apabila berurusan dengan pemastautin atau dalam Ringgit Malaysia.

E. INSENTIF BUKAN CUKAI

Beberapa insentif bukan cukai juga telah disediakan untuk menggalakkan sektor swasta mengambil peluang pelaburan yang boleh membantu pembangunan ekonomi Malaysia. Insentif-insentif ini termasuklah:

1. Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport.
2. Skim Insurans dan Jaminan Kredit Eksport.
3. Skim Bantuan Kewangan kepada EKS.

1. Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport

Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport adalah skim di mana Export Import Bank of

Malaysia Berhad (Exim Bank) menyediakan pembiayaan jangka pendek kepada pengeksport langsung dan tidak langsung melalui bank-bank komersial (bank Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport).

(a) Objektif Skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport:

- i. Menggalakkan eksport barang buatan, barang pertanian serta komoditi utama;
- ii. Menyediakan pengeksport dengan kemudahan kredit pada kadar faedah yang kompetitif; dan
- iii. Membentuk rantai ke belakang dalam industri berasaskan eksport.

(b) Dua jenis kemudahan (Jadual I) yang ditawarkan kepada para pengeksport di bawah skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport:

- i. Kemudahan pra-hantaran; dan
- ii. Kemudahan selepas-hantaran

(c) Kriteria kelayakan di bawah skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport:

- i. Pengeksport yang layak
 - Pengeksport langsung, sama ada:
 - Syarikat pembuatan
 - Pengeluar barangan pertanian
 - Syarikat perdagangan
 - Pengeksport tidak langsung (pembekal input domestik).
- ii. Kriteria produk yang layak:
 - Akses kepada kemudahan Skim KPSKE tertakluk kepada produk yang tidak disenaraikan di bawah Jadual Pertama "*Custom Duties Order*" (senarai barangan yang dilarang untuk dieksport)

(d) Lain-lain kemudahan yang ditawarkan:

- i. Kemudahan jaminan

- ii. Kemudahan kredit pembekal
- iii. Kemudahan kredit pembeli
- iv. Kemudahan pembiayaan projek luar Negara
- v. Kemudahan eksport perkhidmatan

2. Skim Insurans dan Jaminan Kredit Eksport

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (MECIB) yang melaksanakan skim insurans ditubuhkan pada tahun 1977. MECIB adalah sebuah anak syarikat Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad, sebuah institusi kewangan yang dimiliki 100% oleh Kerajaan. Objektif MECIB ialah untuk membantu mengembangkan eksport serta pelaburan Malaysia ke luar negara dengan menyediakan pelbagai jenis kemudahan insurans kredit dan pelaburan serta jaminan kewangan. mecib melindungi firma pelanggan, pengeksport dan bank daripada menanggung kerugian akibat daripada kegagalan menerima bayaran atau kegagalan pembeli memenuhi syarat kontrak, di sebabkan oleh pelbagai risiko perdagangan dan bukan perdagangan yang terdapat di dalam aktiviti perdagangan antarabangsa seperti berikut.

(a) Risiko yang dilindungi

- i. Risiko Perdagangan
 - Pembeli muflis;
 - Kegagalan pembeli untuk membuat pembayaran; dan
 - Keengganan atau kegagalan pembeli menerima barangan.
- ii. Risiko Politik
 - Sebarang sekatan atau kelewatan pemindahan bayaran ke Malaysia;
 - Peperangan, revolusi dan pelbagai bentuk kekacauan termasuk peperangan antara negara pembeli dan Malaysia;
 - Sekatan import;
 - Pembatalan lesen import;

Jadual 1: Kemudahan Di bawah Skim Pembiayaan Semula Kredit Eksport

	Pra-hantaran		Selepas-hantaran
Jenis Kemudahan	Pinjaman kepada syarikat pembuatan/pengeluar barangan pertanian untuk membantu pengeluaran produk yang layak dibiayai atau pinjaman kepada syarikat perdagangan untuk pembelian barangan separuh siap/barangan siap sebelum dieksport.		Pembiayaan selepas-hantaran bagi produk yang layak dieksport secara tampak atau usans.
Kaedah Pembayaran	Berasaskan Pesanan	Sijil Prestasi (CP)	Pendiskaunan Bil
Jenis Pengeksport	<i>Pengeksport Langsung:</i> - Pengeksport baru; atau - Pengeksport bermusim; atau - Pengeksport di mana jumlah eksport bagi produk yang layak dibiayai untuk 12 bulan yang terdahulu kurang daripada RM1.0 juta. <i>Pengeksport Tidak Langsung</i>	<i>Pengeksport langsung</i> di mana jumlah eksport bagi produk yang layak dibiayai untuk 12 bulan yang terdahulu melebihi RM1.0 juta.	<i>Pengeksport langsung.</i>
Limit/Margin Pembiayaan	<i>Pengeksport Langsung</i> - Maksimum 95% dari nilai pesanan eksport. <i>Pengeksport Tidak Langsung</i> - Maksimum 95% dari nilai Surat Kredit Tempatan KPSKE/Pesanan Belian Domestik KPSKE atau Pesanan Belian Tempatan	<i>Syarikat Pembuatan</i> - 80% dari nilai eksport produk yang layak bagi 12 bulan yang terdahulu. <i>Syarikat Perdagangan</i> - 90% dari nilai eksport produk yang layak bagi 12 bulan yang terdahulu.	Maksimum 100% dari nilai bil eksport.
Tempoh Pinjaman	Maksimum 4 bulan	Maksimum 4 bulan	Maksimum 4 bulan.
Kadar Faedah	Mengikut kadar faedah KPSKE yang ditetapkan oleh EXIM Bank.	Mengikut kadar faedah KPSKE yang ditetapkan oleh EXIM Bank.	Mengikut kadar faedah KPSKE yang ditetapkan oleh EXIM Bank.
Pembiayaan Balik Pinjaman	<i>Pengeksport Langsung</i> - Hasil eksport atau hasil selepas-hantaran <i>Pengeksport Tidak Langsung</i> - Hasil dari pengeksport langsung	Hasil eksport dan/atau hasil selepas-hantaran	Hasil eksport atau tarikh matang bil selepas-hantaran yang mana terdahulu.

Maklumat lanjut mengenai skim Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport ini boleh didapati daripada Bank Exim mengenai Garis panduan Kemudahan Pembiayaan Semula Kredit Eksport.

Export-Import Bank of Malaysia Berhad (357198-K)
 (A subsidiary of Bank Industri & Teknologi Malaysia Berhad)
 Level 18, Bangunan Bank Industri
 Bandar Wawasan
 No. 1016, Jalan Sultan Ismail
 P.O. Box 11048
 50734 Kuala Lumpur.
 Tel: 03 - 26910677 Fax: 03 - 26910353
 Website : www.exim.com.my
 Email : enquiry@exim.com.my

- Kegagalan Kerajaan negara asing sebagai pembeli dalam membuat pembayaran atau memenuhi jaminan yang di buat; dan
- Kejadian bencana alam seperti gempa bumi, banjir, ribut taufan dan lain-lain di negara pembeli.

(b) Kemudahan yang ditawarkan

i. Kemudahan Jangka Pendek

- **Polisi Komprehensif (Peng-hantaran)**

Polisi insurans ini memberi perlindungan dari kerugian akibat kegagalan menerima bayaran berpunca dari risiko perdagangan atau risiko politik ke atas barangan atau komoditi yang telah dieksport secara bayaran kredit bagi tempoh tidak melebihi 180 hari. Perlindungan ini bermula dari tarikh penghantaran dibuat. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% daripada jumlah nilai kerugian yang dialami. Premium risiko yang dibayar oleh pengeksport melayakkan mereka mendapat Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- **Polisi Komprehensif (Kontrak)**

Polisi insurans ini memberi perlindungan kepada pengeksport dari kerugian disebabkan tidak menerima bayaran akibat dari kegagalan pembeli luar negara membayar atau memenuhi syarat kontrak sebelum atau selepas penghantaran dibuat. Perlindungan ini bermula dari tarikh kontrak ditandatangani. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% dari nilai kerugian yang dialami. Premium risiko yang dibayar oleh pengeksport melayakkan mereka mendapat Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- **Polisi Komprehensif (Perkhidmatan)**

Polisi insurans ini memberi perlindungan dari kerugian tidak menerima pembayaran keatas perkhidmatan yang di eksport seperti khidmat teknikal atau profesional, membaiki dan membaikpulih kapal atau bayaran perjanjian royalti dan sebagainya di mana tempoh kredit yang diberikan tidak melebihi 180 hari. Perlindungan ini bermula dari tarikh invois dikeluarkan. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% daripada nilai kerugian yang dialami. Premium risiko yang dibayar oleh pengeksport melayakkan mereka mendapat Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- **Polisi Surat Kredit Bank**

Polisi Surat Kredit Bank (LC) ditawarkan kepada bank-bank komersil Malaysia yang membiayai pinjaman selepas penghantaran kepada pengeksport di mana terma pembayaran adalah melalui LC. Dengan adanya polisi ini, kemusykilan yang dihadapi oleh bank-bank komersial Malaysia mengenai taraf kredit bank-bank yang mengeluarkan LC dan atau keadaan ekonomi politik di negara pembeli dapat diatasi.

Polisi ini memberi insurans kepada bank-bank komersial Malaysia yang mendiskaunkan LC; sehingga 95% daripada nilai muka disebabkan oleh kegagalan bank pengeluar LC membuat pembayaran. Polisi ini membantu meningkatkan eksport ke pasaran bukan tradisi dan ekonomi dunia ketiga, dengan memudahkan bank komersil Malaysia yang membiayai eksport ke pasaran tersebut.

ii. Kemudahan Jangka Sederhana dan Jangka Panjang

- **Polisi Khusus**

Polisi insurans ini memberi perlindungan ke atas eksport barangan modal atau separa modal dan/atau perkhidmatan yang melibatkan tempoh perkilangan dan/atau pembayaran kredit yang panjang dan melibatkan nilai kontrak yang besar. Polisi insurans ini di buat khas untuk memenuhi keperluan dan ciri khusus untuk pengeluar dan sesuatu projek di Malaysia yang mana tempoh kredit melebihi dua tahun dikeluarkan sekali untuk sesuatu projek tertentu sahaja. Peratusan perlindungan adalah sehingga 95% dari jumlah kerugian yang dialami.

- **Jaminan Kredit Pembekal**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kredit kepada pembekal atau pengeksport barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia atau kontraktor Malaysia yang mengendalikan projek secara *turnkey* di luar negara. Tanpa kemudahan pinjaman ini, pengeksport atau kontraktor Malaysia berkemungkinan tidak dapat menjalankan projek.

Untuk mengurangkan pendedahan terhadap risiko politik di luar negara, pengeksport atau kontraktor projek *turnkey* Malaysia boleh mendapatkan insurans perlindungan risiko tersebut dari MECIB di bawah Polisi khusus. Peratusan perlindungan bagi pinjaman kredit pembekal adalah bergantung kepada sesuatu kes, tetapi secara umumnya ia memberi perlindungan komprehensif sebanyak 100%.

Pinjaman kredit ini memberi pembiayaan sehingga 85% dari nilai

kontrak sesuatu projek atau urus niaga eksport. Sekiranya kontrak tersebut mengandungi barangan selain dari barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia, nilai kandungan dan nilai tambah bagi barangan Malaysia sebanyak 30% adalah disyaratkan.

- **Jaminan Kredit Pembeli**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kredit kepada pembeli luar negara sama ada kerajaan, pembeli sektor awam ataupun swasta bagi pembiayaan pembelian barangan Malaysia dan/atau perkhidmatan dan permodalan atau projek *turnkey*, di mana pembayaran diberi terus kepada pembekal. Tanpa kemudahan pinjaman, pembeli luar negara tidak akan dapat membeli barangan dan perkhidmatan dari Malaysia.

Peratusan perlindungan adalah bergantung kepada sesuatu kes, tetapi umumnya pinjaman kredit pembeli ini memberi perlindungan komprehensif sebanyak 100%. Pinjaman kredit ini boleh memberi pembiayaan sehingga 85% dari nilai kontrak sesuatu projek atau urus niaga eksport. Sekiranya kontrak tersebut mengandungi barangan selain dari barangan dan/atau perkhidmatan Malaysia, nilai kandungan dan nilai tambah bagi barangan Malaysia sebanyak 30% adalah diperlukan.

- **Jaminan Pembiayaan Projek**

Jaminan ini diberi kepada institusi kewangan yang memberi pinjaman kepada syarikat Malaysia yang mengendalikan projek penswastaan di luar negara seperti projek Bina-Urus-Pindah (*Build-Operate-Transfer*) atau Bina-Milik-Urus-Pindah (*Build-Owned-Operate-Transfer*) yang berasaskan

pembiayaan berbantuan terhad di mana sumber pembayaran balik adalah dari aliran tunai projek itu sendiri.

Jaminan yang disediakan adalah jaminan risiko perlindungan politik dan/atau risiko perdagangan. Peraturan perlindungan risiko perdagangan adalah bergantung kepada sesuatu kes dan had maksimum adalah 100%. Projek biasanya dibiayai melalui kombinasi hutang dan ekuiti dengan keperluan nisbah 70:30 bagi projek-projek infrastruktur.

- **Insurans Pelaburan Luar Negara**

Insurans ini adalah untuk melindungi pelaburan individu dan syarikat Malaysia di negara asing dalam bentuk ekuiti atau pinjaman komersial daripada mengalami kerugian akibat dari risiko politik seperti sekatan atau halangan membawa pulang keuntungan, dividen, pembayaran balik pinjaman, rampasan oleh kerajaan tuan rumah secara langsung atau tidak langsung dan kerosakan aset ketara akibat gangguan ketenteraman awam dan peperangan.

Di mana sesuatu konsesi diberikan kepada pelabur oleh kerajaan tuan rumah, perlindungan tambahan berkenaan pembatalan kontrak oleh kerajaan tuan rumah boleh dipertimbangkan bergantung kepada sesuatu kes. Perlindungan sebanyak 90% diberikan kepada pelaburan yang mengalami kerugian seperti yang tersebut di atas.

- **Polisi Jaminan Bon**

MECIB boleh mengeluarkan bon atau memberi jaminan kepada bank-bank perdagangan sebagai galakan

penerbitan bon bagi pihak pengeksport Malaysia memenuhi syarat-syarat dari pembeli luar negara bagi barangan dan/atau perkhidmatan dari Malaysia. Jenis-jenis perlindungan bon adalah bon tender, bon pembayaran pendahuluan dan bon prestasi. Perlindungan diberi adalah 100%. Polisi pemanggilan bon tanpa sebab munasabah juga disediakan untuk memberi perlindungan kepada syarikat Malaysia daripada pemanggilan bon tanpa sebab munasabah oleh pembeli atau prinsipal di luar negara. Perlindungan yang biasa diberikan adalah sebanyak 95%.

- **Polisi Jaminan Pembiayaan Perdagangan**

Polisi tanpa cagaran yang dikeluarkan kepada bank ini telah dirangka atas kehendak Majlis Pembangunan Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) Kebangsaan untuk memenuhi keperluan Pengusaha Kecil dan Sederhana Malaysia yang terlibat dalam pengeksportan barangan dan perkhidmatan ke luar negara dari segi pembiayaan tanpa dakwa yang diberi oleh bank.

Untuk perlindungan pra-penghantaran, MECIB dan bank komersil masing-masing menanggung risiko kredit pada kadar 75% dan 25%. MECIB juga menawarkan jaminan 100% kepada bank ke atas kegagalan melunaskan Surat Kredit Tidak Boleh Mansuh kepada pengeksport.

Premium risiko yang dibayar oleh pengeksport melayakkan mereka mendapat Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

- **Polisi Pembiayaan Akaun Belum Terima Tempatan MECIB**

Di bawah polisi tanpa cagaran ini, MECIB memberi perlindungan kepada bank terhadap kegagalan pihak pembeli tempatan membayar balik pinjaman kepada bank berkenaan dengan pembelian akaun belum terima oleh bank dari pembekal tempatan. Di bawah polisi ini, MECIB menanggung 90% risiko manakala 10% yang selebihnya ditanggung oleh pihak bank.

Premium risiko yang dibayar oleh pembekal melayakkan mereka mendapat Potongan Cukai Dua Kali di bawah Seksyen 33 Akta Cukai Pendapatan 1967.

Untuk mendapatkan maklumat lanjut, sila hubungi MECIB di pejabat yang berhampiran:

Kuala Lumpur

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (32522-U)
Level 17, Bangunan Bank Industri, Bandar Wawasan
No 1016, Jalan Sultan Ismail
P.O. Box 11048
50734 Kuala Lumpur.
Tel: 03 - 26910677 Fax: 03 - 26910353
E-mail : mecib@mecib.com.my
Website: www.mecib.com.my

Pejabat Cawangan Utara (Pulau Pinang)

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (32522-U)
2nd Floor, 53 Jalan Selat, Taman Selat
P.O. Box 157
12000 Butterworth
Penang.
Tel : 604 - 3321862
Fax: 604 - 3322172
E-mail : ron@mecib.com.my

Pejabat Cawangan Selatan (Johor)

Malaysia Export Credit Insurance Berhad (32522-U)
2nd Floor, No 95, Jalan Damai
Taman Setia, Off Jalan Stulang Darat
80300 Johor Bahru
Johor Darul Takzim.
Tel : 607 - 2231191
Fax: 607 - 2240370
E-mail : ros@mecib.com.my

3. Skim Bantuan Kewangan kepada PKS

Bantuan kewangan dalam bentuk geran dan pinjaman mudah disediakan kepada enterprise kecil dan sederhana (PKS) untuk menambahbaik proses pengeluaran, meningkatkan produktiviti dan memudahkan capaian pasaran yang lebih luas.

3.1 Geran

(a) Tabung Bantuan Teknikal Perindustrian

Skim ini dilaksanakan untuk membantu EKS di bidang-bidang berikut:

- i. Perancangan dan pembangunan perniagaan
- ii. Peningkatan produk dan proses
- iii. Peningkatan produktiviti dan kualiti dan persijilan; dan
- iv. Pembangunan pasaran

- Geran Perancangan dan Pembangunan Perniagaan

Skim ini menawarkan bantuan kepada EKS untuk membuat kajian perancangan perniagaan, teknologi dan pembangunan pasaran. EKS juga boleh melaksanakan Projek Pengeluaran Bersih (*Cleaner Production Project*) untuk mengurangkan sisa pembuangan atau meningkatkan kecekapan penggunaan tenaga dalam proses pengeluaran. Jumlah maksimum peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM40,000.

- Geran Penambahbaikan Produk dan Proses

Skim ini menyediakan bantuan kepada EKS untuk menambahbaik produk

sedia ada, rekabentuk produk dan proses pengeluaran, jumlah maksimum peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM500,000.

- Geran Peningkatan Produktiviti dan Kualiti dan Persijilan

Skim ini menyediakan bantuan kepada EKS untuk *mempertingkatkan* produktiviti dan kualiti serta mematuhi piawaian dan persijilan antarabangsa. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM250,000.

- Geran Pembangunan Pasaran

Untuk menggalakkan EKS menjalankan aktiviti pembangunan pasaran eksport, Kerajaan telah memperkenalkan Geran untuk Pembangunan Pasaran (MDG) yang dilaksanakan oleh Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE). Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM100,000.

- (b) Dana Peningkatan Keupayaan Rekabentuk Pembungkusan dan Pelabelan Produk EKS
- Skim ini menyediakan bantuan kepada EKS untuk *mempertingkatkan* keupayaan rekabentuk pembungkusan dan pelabelan produk bagi meningkatkan penampilan produk dan memenuhi keperluan dan peraturan pasaran. Jumlah

maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM200,000.

- (c) Dana Khas Pembangunan dan Promosi Produk Halal

Skim ini diperkenalkan bagi menggalakkan penyertaan syarikat-syarikat Malaysia dalam membangun dan mempromosikan produk (makanan dan bukan makanan) dan perkhidmatan halal. Bantuan ini ditawarkan kepada syarikat yang terlibat dalam sektor makanan dan bukan makanan seperti farmaseutikal, kosmetik dan *toiletries* serta perkhidmatan berkaitan pengendalian, penstoran dan pengedaran produk halal. Jumlah maksima peruntukan geran untuk setiap syarikat ialah RM150,000.

3.2 Skim Pinjaman Mudah

- (a) Skim Pinjaman untuk Enterpris Kecil dan Sederhana

Skim pinjaman mudah ini bertujuan untuk membantu syarikat yang sedia ada dan syarikat baru dalam pembiayaan projek, aset tetap dan modal kerja.

- (b) Skim Pinjaman Mudah bagi Penempatan Semula Kilang

EKS yang menjalankan operasi di lokasi yang tidak sah adalah sukar untuk mendapatkan bantuan daripada institusi-institusi kewangan, program bantuan kerajaan disamping perkembangan yang terhad. Skim pinjaman mudah ini menyediakan bantuan kepada EKS bagi menempatkan semula kilang ke lokasi yang dibenarkan.

- (c) Skim Pinjaman Mudah untuk Penerapan Aplikasi ICT

Skim ini menyediakan bantuan dalam bentuk pinjaman mudah

kepada EKS bagi meningkatkan daya saing, kecekapan dan produktiviti syarikat melalui penggunaan Teknologi Maklumat dan Komunikasi (ICT).

Kriteria Kelayakan

- Syarikat perkilangan atau syarikat yang menyediakan perkhidmatan berkaitan dengan perkilangan, diperbadankan di bawah Akta Syarikat, 1965 mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM25 juta atau mempunyai pekerja sepenuh masa tidak melebihi 150 orang.
- Bagi sektor perkhidmatan, perniagaan yang didaftarkan di bawah Ordinan Perniagaan, 1956 mempunyai nilai jualan tahunan tidak melebihi RM5 juta atau pekerja sepenuh masa tidak melebihi 50 orang.
- Sekurang-kurangnya 60% ekuiti syarikat dimiliki oleh rakyat Malaysia.
- Mempunyai lesen perniagaan yang sah.

Sektor Yang Layak

- Perkilangan atau menyediakan perkhidmatan yang berkaitan dengan perkilangan perkhidmatan sokongan kejuruteraan seperti *calibration, electroplating, machining, heat treatment, metal casting* dan *metal forging*;
- Perdagangan pengedaran;
- Logistik; dan
- Perkhidmatan yang berkaitan dengan pengurusan professional.

Bentuk Bantuan

Bantuan diberi dalam bentuk geran bersamaan di mana 50% daripada kos projek yang diluluskan dibiayai oleh Kerajaan dan bakinya oleh pemohon. Untuk keterangan lanjut mengenai bantuan kewangan SMIDEC dan Geran MDG MATRADE boleh didapati di:

Urusetia Pemprosesan Geran

Perbadanan Pembangunan Industri Kecil dan Sederhana (SMIDEC)
701D, Aras 7, Tower D, Uptown 5
No. 5, Jalan SS 21/39
Damansara Utama
47400 Petaling Jaya
Selangor Darul Ehsan.
No. Telefon: 03 - 7628 7429 / 7524
No Fax: 03 - 7665 1920
Talian Bebas Tol: 1-800-18-1801

Sekretariat Geran Pembangunan Pasaran (MDG),
Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE)
Tingkat 7, Wisma Sime Darby
50350 Kuala Lumpur.
No Telefon: 03 - 2616 3439
No Fax: 03 - 2694 7271

II. AKTA PENYELARASAN PERINDUSTRIAN 1975

Objektif Akta Penyelarasan Perindustrian, 1975 (ICA), ialah untuk memastikan pembangunan dan perkembangan sektor perkilangan yang teratur. ICA menetapkan bahawa seseorang yang terlibat dalam sebarang aktiviti perkilangan perlu mendapatkan lesen daripada Pegawai Pelesen terlibat dengan aktiviti pengilangan yang berkaitan. Hanya syarikat perkilangan dengan dana pemegang saham sekurang-kurangnya RM2.5 juta atau menggaji sekurang-kurangnya 75 orang pekerja sepenuh masa sahaja perlu memohon lesen di bawah ICA. Aktiviti-aktiviti perkilangan yang berkaitan dengan cakera optik tidak tertakluk kepada peruntukan ini. Semua permohonan untuk mendapatkan Lesen Pengilang hendaklah dialamatkan kepada Ketua Pengarah, Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA).

Definisi yang berkaitan dalam ICA ialah seperti berikut:

- (a) **Pegawai Pelesen** ialah Ketua Setiausaha, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI).
- (b) **Aktiviti Perkilangan** bermaksud membuat, mengubah, mengadun, menghias, memperkemas atau dengan cara lain

mengawet atau menyesuaikan apa-apa barang atau bahan dengan tujuan untuk mengguna, menjual, mengangkut, menyerah atau melupuskan dan termasuklah pemasangan bahagian-bahagian dan pembaikan kapal tetapi tidak termasuk sebarang aktiviti yang biasanya dikaitkan dengan perdagangan jual runcit atau jual borong.

(c) **Dana Pemegang Saham** bermaksud jumlah agregat modal dibayar syarikat (dari segi saham keutamaan dan saham biasa dan tidak termasuk sebarang jumlah dalam bentuk saham bonus yang diterbitkan dari modal simpanan yang diterbitkan dari penilaian semula harta tetap) modal simpanan (selain daripada modal simpanan yang diterbitkan dari penilaian semula harta tetap dan peruntukan susut nilai, pembaharuan atau penggantian dan penurunan nilai harta), baki akaun premium saham (tidak termasuk sebarang jumlah yang dikreditkan semasa penerbitan saham bonus pada premium daripada modal simpanan melalui penilaian semula aset) dan baki akaun untung rugi.

(d) **Pekerja Digaji Sepenuh Masa** bermaksud semua pekerja yang biasanya bekerja dengan syarikat sekurang-kurangnya 6 jam sehari dan sekurang-kurangnya 20 hari sebulan untuk tempoh 12 bulan sepanjang tahun dan menerima gaji. Ini termasuk pekerja seperti dalam bidang jualan kembara, kejuruteraan, penyelenggaraan dan baik pulih atau mereka yang dibayar oleh dan di bawah pengawasan syarikat. Pekerja sepenuh masa meliputi pengarah-pengarah perniagaan yang diperbadankan kecuali mereka yang hanya dibayar elaun menghadiri mesyuarat lembaga pengarah. Ahli-ahli keluarga yang bekerja dan menerima gaji tetap atau elaun dan menyumbang kepada Kumpulan Wang Simpanan Pekerja (KWSP) atau tabung "superannuation" yang lain juga termasuk dalam definisi ini.

1. Garis panduan untuk kelulusan projek-projek perkilangan

Kerajaan telah menyediakan garis panduan untuk pertimbangan projek perkilangan berdasarkan Nisbah Modal Pelaburan bagi setiap Pekerja (C/E). Projek dengan nisbah C/E kurang daripada RM55,000 akan ditakrifkan sebagai berintensif buruh dan tidak akan dipertimbangkan untuk Lesen Pengilang atau insentif cukai oleh MITI. Bagaimanapun, projek yang memenuhi kriteria berikut akan dikecualikan daripada garis panduan di atas:

- (a) Sekiranya nilai tambah melebihi 30%.
- (b) Sekiranya Indeks Pengurusan, Teknikal dan Penyeliaan melebihi 15%.
- (c) Sekiranya projek tersebut ialah aktiviti-aktiviti atau keluaran yang disenaraikan sebagai aktiviti-aktiviti yang digalakkan dan keluaran-keluaran berteknologi tinggi.
- (d) Sekiranya projek tersebut ditempatkan di Koridor Pantai Timur Semenanjung Malaysia, Sabah dan Sarawak.
- (e) Syarikat sedia ada yang memohon *regularisation*.

Dasar ini diguna pakai untuk projek perkilangan baru, pempelbagaian atau pengembangan. Untuk projek pempelbagaian atau pengembangan, nisbah C/E sebanyak RM55,000 dikenakan kepada pelaburan modal tetap tambahan dan tambahan buruh (dikecualikan sekiranya tiada pelaburan modal tambahan yang terlibat).

2. Peningkatan kapasiti pengeluaran dan pempelbagaian keluaran

Syarikat berlesen sedia ada yang bercadang meningkatkan kapasiti pengeluaran keluaran yang diluluskan atau pempelbagaian keluaran (tambahan) dikehendaki mengemukakan permohonan untuk pembesaran atau pempelbagaian tersebut.

III. GARIS PANDUAN MENGENAI PELABURAN ASING

1. Dasar ekuiti sektor perkilangan

Kerajaan Malaysia mengalu-alukan pelaburan asing dalam sektor perkilangan dan dalam usaha mencapai objektif meningkatkan penyertaan rakyat Malaysia dalam aktiviti sektor perkilangan, adalah menjadi dasar kerajaan menggalakkan projek-projek dijalankan secara usaha sama antara rakyat Malaysia dengan usahawan asing. Walau bagaimanapun:

- (a) 100% pegangan ekuiti asing dibenarkan untuk semua pelaburan projek baru serta pengembangan atau pempelbagaian projek pelaburan oleh syarikat sedia ada, tanpa mengambil kira tahap eksport dan tanpa sebarang produk atau aktiviti dikecualikan. Dasar ekuiti baru ini turut diguna pakai bagi:

- i. syarikat yang dahulunya diberi pengecualian Lesen Pengilang tetapi dana pemegang sahamnya kini telah mencapai RM2.5 juta atau telah mempunyai sekurang-kurangnya 75 orang pekerja sepenuh masa; dan
- ii. syarikat berlesen sedia ada yang diberi pengecualian syarat ekuiti dan dikehendaki memaklumkan MITI setelah dana pemegang sahamnya mencapai RM2.5 juta.

- (b) Syarat Ekuiti yang Diguna pakai bagi Syarikat Sedia Ada

Syarikat yang dikenakan syarat ekuiti dan eksport sebelum 17 Jun 2003 adalah dikekalkan. Namun begitu, syarikat boleh memohon supaya syarat ini dimansuhkan dan setiap kelulusan akan diberi mengikut merit setiap kes. Syarikat yang dikenakan syarat eksport boleh memohon kelulusan MIDA untuk menjual di pasaran tempatan berdasarkan garis panduan berikut:

- i. sehingga 100% daripada pengeluaran bagi produk yang tidak dikenakan duti import atau produk tidak dikeluarkan di dalam negara.

- ii. sehingga 80% daripada pengeluaran, sekiranya pengeluaran dalam negara tidak mencukupi atau terdapat kenaikan import dari negara-negara ASEAN, untuk produk di bawah Skim Tarif Keutamaan Berkesan (CEPT) sebanyak 5% atau kurang.

2. Perlindungan pelaburan asing

- (a) Hak Milik Ekuiti

Syarikat yang telah diluluskan dengan syarat penyertaan ekuiti tertentu tidak dikehendaki untuk menstrukturkan semula ekuitinya pada bila-bila masa, sekiranya syarikat berkenaan terus mematuhi syarat-syarat asal kelulusan dan mengekalkan ciri-ciri asal projek tersebut.

- (b) Perjanjian Jaminan Pelaburan

Perjanjian Jaminan Pelaburan (IGA) adalah bagi meningkatkan keyakinan dan jaminan kepada para pelabur asing di Malaysia bahawa pelaburan mereka di Malaysia adalah terjamin daripada risiko bukan perniagaan seperti memiliknegerakan dan rampasan hak milik pelaburan asing.

Meliputi

IGA memperuntukkan perkara berikut kepada pelabur asing, iaitu:

- i. Perlindungan daripada memiliknegerakan dan perampasan hak milik kecuali bagi tujuan perundangan atau awam dan melalui proses undang-undang.
- ii. Perpindahan keuntungan, modal dan bayaran-bayaran lain tanpa halangan.
- iii. Pampasan yang segera dan mencukupi apabila berlaku pemilik negara dan perampasan hak milik.
- iv. Penyelesaian pertikaian pelaburan di bawah Konvensyen mengenai Penyelesaian Pertikaian Pelaburan di mana Malaysia telah menjadi ahli sejak tahun 1966.

Penerima Faedah

Di bawah kebanyakan IGA, penerima faedah adalah:

- i. Rakyat atau warga negara mengikut undang-undang setiap negara yang mengikat perjanjian; dan
- ii. Syarikat yang ditubuhkan di negara yang mengikat perjanjian yang sebahagian besarnya dimiliki dan pengurusan serta pengawalannya terletak di tangan rakyat setiap negara yang mengikat perjanjian itu.

Timbang Tara

Di bawah IGA, dua bentuk pertikaian mungkin wujud. Pertama, pertikaian mengenai tafsiran atau pemakaian perjanjian itu sendiri dan kedua, pertikaian berhubung dengan pelaburan di negara yang mengikat perjanjian:

- i. Dalam kebanyakan IGA yang telah ditandatangani oleh Malaysia, adalah diperuntukkan bahawa pertikaian mengenai tafsiran atau pemakaian perjanjian itu hendaklah diselesaikan secara perundingan melalui saluran diplomatik. Ini adalah bertujuan untuk mencapai satu penyelesaian secara baik. Sekiranya pertikaian itu gagal diselesaikan dengan cara sedemikian, maka ia akan dikemukakan kepada satu lembaga timbang tara atau lembaga pengadilan untuk penyelesaian. Sekiranya langkah-langkah di atas gagal menyelesaikan pertikaian, ia akan dirujukkan kepada Mahkamah Pengadilan Antarabangsa.
- ii. Pertikaian berhubung dengan pelaburan di antara rakyat atau syarikat (pelabur) dengan negara penerima hendaklah terlebih dahulu diselesaikan dengan menggunakan kemudahan pentadbiran dan pengadilan tempatan. Sekiranya cara di atas gagal, maka perkara ini hendaklah dikemukakan untuk penyelesaian atau timbang tara kepada Pusat Penyelesaian Pertikaian Pelaburan Antarabangsa yang ditubuhkan di bawah naungan Bank Antarabangsa bagi Pemulihan dan Pembangunan (IBRD) atau Tribunal Timbang Tara *Adhoc* Antarabangsa yang

ditubuhkan di bawah kaedah Timbang tara Suruhanjaya Bangsa-bangsa Bersatu mengenai Undang-undang Perdagangan Antarabangsa.

Pusat Serantau untuk Timbang Tara

Pusat Serantau Kuala Lumpur untuk Timbang Tara telah ditubuhkan dalam tahun 1978 di bawah naungan Jawatankuasa Perundingan Undang-Undang Asia-Afrika - sebuah organisasi antara kerajaan dengan kerjasama dan bantuan Kerajaan Malaysia.

Tugas pusat ini meliputi kawasan Asia dan Pasifik. Ia ialah sebuah organisasi tanpa untung dan telah ditubuhkan dengan objektif untuk menyediakan satu sistem untuk penyelesaian pertikaian bagi faedah semua pihak yang terlibat dengan perdagangan dan pelaburan, dan antara kawasan.

Pusat ini boleh dihubungi di:-

Regional Centre for Arbitration
No. 12, Jalan Conlay
50450 Kuala Lumpur.
Tel : 603 - 2142 0103 / 2142 0702 / 2142 0384
No. Fax : 603 - 2142 4513

Status IGA

Malaysia telah menandatangani IGA dengan negara-negara berikut:

Negara	Tarikh IGA Ditandatangani
1. Amerika Syarikat	21.04.1959 (Pindaan 24.06.1965)
2. Jerman	22.12.1960 (Pindaan 5.11.1965)
3. Kanada	1.10.1971
4. Belanda	15.06.1971
5. Perancis	24.04.1975
6. Switzerland	1.03.1976
7. Sweden	3.03.1979
8. Belgo-Luxembourg	22.11.1979
9. United Kingdom	21.05.1981
10. Sri Lanka	16.04.1982
11. Romania	26.11.1996

Negara		Tarikh IGA Ditandatangani
		(Pindaan 25.06.1996)
12.	Norway	6.11.1984
13.	Austria	12.04.1985
14.	Finland	15.04.1985
15.	Pertubuhan Persidangan Islam (OIC)	30.09.1987
16.	Kuwait	21.11.1987
17.	Pertubuhan Negara-negara Asia Tenggara (ASEAN)	15.12.1987
18.	Itali	4.01.1988
19.	Republik Korea	11.04.1988
20.	Republik Rakyat China	21.11.1988
21.	Emiriyah Arab Bersatu	11.10.1991
22.	Denmark	6.01.1992
23.	Republik Sosialis Vietnam	21.01.1992
24.	Papua New Guinea	27.10.1992
25.	Republik Chile	11.11.1992
26.	Republik Demokratik Rakyat Lao	8.12.1992
27.	Taiwan	18.02.1993
28.	Republik Hungary	19.02.1993
29.	Republik Poland	21.04.1993
30.	Republik Indonesia	22.01.1994
31.	Republik Albania	24.01.1994
32.	Republik Zimbabwe	28.04.1994
33.	Turkmenistan	30.05.1994
34.	Republik Namibia	12.08.1994
35.	Kerajaan Kemboja	17.08.1994
36.	Republik Argentina	6.09.1994
37.	Jordan	2.10.1994
38.	Republik Bangladesh	12.10.1994
39.	Republik Croatia	16.12.1994
40.	Bosnia Herzegovina	16.12.1994
41.	Sepanyol	4.04.1995
42.	Pakistan	7.07.1995
43.	Republik Kyrgyz	20.07.1995
44.	Mongolia	27.07.1995
45.	Republik India	3.08.1995
46.	Republik Uruguay	9.08.1995
47.	Republik Peru	13.10.1995
48.	Republik Kazakstan	27.05.1996
49.	Republik Malawi	27.05.1996
50.	Republik Czech	9.09.1996

Negara		Tarikh IGA Ditandatangani
51.	Republik Guinea	7.11.1996
52.	Republik Ghana	11.11.1996
53.	Republik Arab Mesir	14.04.1997
54.	Republik Botswana	31.07.1997
55.	Republik Cuba	26.09.1997
56.	Republik Uzbekistan	6.10.1997
57.	Macedonia	11.11.1997
58.	Republik Demokratik Rakyat Korea	4.02.1998
59.	Republik Yemen	11.02.1998
60.	Republik Turki	25.02.1998
61.	Republik Lebanon	26.02.1998
62.	Burkina Faso	23.04.1998
63.	Republik Sudan	14.05.1998
64.	Republik Djibouti	3.08.1998
65.	Republik Ethiopia	22.10.1998
66.	Senegal	11.02.1999
67.	Negara Bahrain	15.06.1999
68.	Algeria	27.01.2000
69.	Arab Saudi	25.10.2000
70.	Morocco	16.04.2002
71.	Iran	22.07.2002

IV. PERJANJIAN MENGELAKKAN CUKAI DUA KALI

Perjanjian mengelakkan cukai dua kali (DTA) adalah bertujuan untuk mengelakkan berlakunya cukai dua kali ke atas pendapatan antarabangsa seperti keuntungan perniagaan, dividen, faedah dan royalti yang diperoleh di sesebuah negara dan dikirimkan ke negara lain. Dengan itu, ia menghapuskan “halangan cukai” ke atas perdagangan dan pelaburan antarabangsa. Perjanjian ini juga membolehkan pertukaran maklumat mengenai pendapatan yang berkaitan untuk mencegah pengelakan cukai pendapatan.

Di bawah DTA, keuntungan perniagaan adalah dikenakan cukai di negara di mana perusahaan itu ditempatkan. Jika perusahaan itu dijalankan melalui organisasi perniagaan tetap yang terletak di satu lagi negara yang menandatangani perjanjian tersebut, maka cukai adalah dikenakan cukai adalah atas keuntungan yang diperoleh

atau yang dibahagikan kepada organisasi perniagaan tetap dalam negara di mana ianya terletak.

Dalam kebanyakan dta, keuntungan daripada pengangkutan laut dan udara yang dikendalikan dalam lalu lintas antarabangsa adalah dikenakan cukai di negara di mana pengurusan dan pengawalan syarikat itu dijalankan.

Dalam kebanyakan DTA yang ditandatangani oleh Malaysia, negara pemastautin bersetuju dengan pemberian kredit bagi melepaskan cukai. Pemberian kredit bagi melepaskan cukai adalah satu kredit yang diberi jika tiada cukai atau kadar cukai yang lebih rendah dibayar di negara tuan rumah. Dalam kes pembayaran dividen oleh syarikat yang dikecualikan daripada cukai di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986, penerima adalah juga dikecualikan dari cukai pendapatan Malaysia ke atas dividen tersebut. Jika penerima dikenakan cukai di negara pemastautin mereka ke atas dividen itu, maka negara pemastautin itu akan memberi kredit seolah-olah cukai Malaysia telah dibayar.

Di bawah kebanyakan perjanjian, faedah ke atas pinjaman dan industri yang diluluskan atau royalti teknikal yang diperoleh di Malaysia oleh pemastautin negara lain adalah dikecualikan dari cukai di Malaysia. Terdapat peruntukan untuk pemberian kredit oleh negara pemastautin untuk cukai yang dikecualikan oleh Malaysia berkaitan dengan pendapatan sepertinya. Sehingga akhir Ogos 2005, sejumlah 59 buah negara telah menandatangani perjanjian mengelakkan cukai dua kali dengan Malaysia iaitu:

Negara	Tarikh Ditandatangani
1. Albania	24.01.1994
2. Austria	20.09.1989
3. Australia	20.08.1980
4. Bahrain	14.06.1999
5. Bangladesh	19.04.1983
6. Belgium	24.10.1973
Belgium (Protokol)	21.11.1995
7. Kanada	16.05.1976
8. China	23.11.1985
9. Croatia	18.02.2002

Negara	Tarikh Ditandatangani
10. Republik Czech	08.03.1996
11. Denmark	04.12.1970
12. Egypt	14.04.1997
13. Republik Persekutuan Jerman	08.04.1977
14. Fiji	19.12.1995
15. Finland	28.03.1984
16. Peranchis	24.04.1975
Peranchis (Protokol)	31.01.1991
17. Hungary	24.05.1989
18. Indonesia	12.09.1991
19. Iran	11.11.1992
20. Italy	28.01.1984
21. India	25.10.1976
India (Perjanjian Baru)	14.05.2001
22. Ireland	28.11.1998
23. Jepun	30.01.1970
Jepun (Perjanjian Baru)	19.02.1999
24. Jordan	01.10.1994
25. Kuwait	06.04.1997
26. Lebanon	20.01.2003
27. Luxembourg	21.11.2002
28. Malta	03.10.1995
29. Mauritius	23.08.1992
30. Maghribi	02.07.2001
31. Mongolia	27.07.1995
32. Myanmar	09.03.1998
33. Netherlands	07.03.1988
Netherlands (Protokol)	04.12.1996
34. Namibia	28.07.1997
35. New Zealand	19.03.1976
New Zealand (Protokol)	14.07.1994
36. Norway	23.12.1970
37. Pakistan	29.05.1982
38. Papua New Guinea	20.05.1993
39. Filipina	27.04.1982
40. Poland	16.09.1977
41. Republik Kyrgyz	19.11.2000
42. Romania	26.11.1982
43. Russia	31.07.1987
44. Singapura	26.12.1968
Singapura (Tambahan)	06.07.1973
45. Sri Lanka	16.09.1972
Sri Lanka (Perjanjian Baru)	16.09.1997
46. Korea Selatan	20.04.1982
47. Sweden	21.11.1970
Sweden (Protokol)	12.03.2002
48. Switzerland	30.12.1974

	Negara	Tarikh Ditandatangani
49.	Sudan	07.10.1993
50.	Thailand	29.03.1982
	Thailand (Protokol)	10.02.1995
51.	Turkey	27.09.1994
52.	United Kingdom	30.03.1973
	United Kingdom (Perjanjian Baru)	10.12.1996
53.	Emiriyah Arab Bersatu	28.11.1995
54.	Uzbekistan	06.10.1997
55.	Vietnam	07.09.1995
56.	Zimbabwe	28.04.1994

PERJANJIAN DTA TERHAD

(Berhubung dengan Pendapatan Bagi Perniagaan Enterprise Pengangkutan sahaja)

57.	Republik Argentina (pengangkutan laut dan udara)	03.10.1997
58.	Arab Saudi (pengangkutan udara)	18.07.1993
59.	AS (pengangkutan laut dan udara)	18.04.1989

V. LEMBAGA KEMAJUAN PERINDUSTRIAN MALAYSIA

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) merupakan pusat hubungan pertama bagi pelabur yang bercadang untuk mengusahakan projek dalam perkilangan dan perkhidmatan sokongan yang berkaitan dengannya di Malaysia. MIDA telah menubuhkan satu rangkaian global pejabat seberang laut yang meliputi Amerika Utara, Eropah dan Asia-Pasifik dan rangkaian cawangan tempatan di beberapa negeri bagi membantu pelabur dari peringkat awal projek hingga pelaksanaan dan operasi projek mereka.

Dalam usaha untuk memperkemaskan lagi prosedur pentadbiran berhubung dengan pelaburan, MIDA telah dipertanggungjawabkan sebagai Pusat Penyelarasan Pelaburan. Fungsi utama MIDA ialah:

- (a) menggalakan pelaburan asing dan tempatan dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan yang berkaitan dengannya.
- (b) membuat perancangan bagi pembangunan perindustrian di Malaysia.

- (c) mencadangkan kepada Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri mengenai polisi dan strategi berkaitan penggalakkan dan pembangunan perindustrian.
- (d) menilai permohonan berhubung dengan penubuhan dan pelaksanaan projek perkilangan dan projek berkaitan.
- (e) membantu syarikat di dalam pelaksanaan dan operasi projek mereka, dan menghulurkan bantuan rundingan terus dan bekerjasama dengan pihak berkuasa yang berkaitan di peringkat persekutuan dan negeri.
- (f) memudahkan pertukaran maklumat dan penyelarasan di antara institusi yang terlibat atau berkaitan dengan pembangunan perindustrian.
- (g) menyediakan khidmat perundingan termasuk latihan dan bantuan teknikal.
- (h) menjalankan sebarang aktiviti yang menggalakkan kerjasama dengan negara lain selaras dengan matlamat Kerajaan yang berkaitan dengan industri dan perkhidmatan berkaitan perkilangan.

Penilaian permohonan meliputi perkara yang berikut:

- (a) lesen pengilang.
- (b) insentif cukai bagi aktiviti perkilangan, pertanian, hotel dan pelancongan, R&D, institusi latihan teknikal atau vokasional, pembangunan perisian dan aktiviti berkaitan perkilangan termasuk PPA, OHQs, PPS dan kelulusan untuk Pejabat Serantau dan Pejabat Perwakilan.
- (c) jawatan ekspatriat.
- (d) pengecualian duti import ke atas bahan mentah dan alat komponen.
- (e) pengecualian duti import dan cukai jualan ke atas mesin dan kelengkapan.
- (f) Perlindungan tarif.
- (g) Skim Kerjasama Perindustrian Asean.

Dalam usaha untuk terus meningkatkan peranan MIDA dalam membantu pelabur-pelabur, wakil kanan daripada Kementerian dan Jabatan serta perbadanan penting telah ditempatkan di ibu pejabat MIDA bagi menasihati dan membantu pelabur serta menyelaraskan permohonan untuk mendapatkan kelulusan dan lain-lain perkara di bawah bidang kuasa badan berkenaan. Wakil-wakil adalah dari Kementerian Kewangan, Kementerian Sumber Manusia, Jabatan Imigresen, Jabatan Kastam dan Eksais Diraja, Jabatan Keselamatan Pekerjaan dan Kesihatan, Jabatan Alam Sekitar, Tenaga Nasional Berhad, dan Telekom Malaysia Berhad.

Pada 1 April 2002, Bahagian Penggalakan Sektor Perkhidmatan telah ditubuhkan di MIDA. Fungsi Bahagian ini untuk mempromosikan penggalakan ke atas pelaburan dalam perkhidmatan berkaitan perkilangan

MIDA boleh dihubungi di alamat:

Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA)
 Blok 4, Plaza Sentral
 Jalan Stesen, Sentral 5
 Kuala Lumpur Sentral
 50470 Kuala Lumpur
 Malaysia.
 Tel: 603-2267 6333
 Fax: 603-2274 7970
 Website: www.mida.gov.my
 e-mail: promotion@mida.gov.my

VI. PUSAT PELABURAN DI PERINGKAT NEGERI

Pusat pelaburan di peringkat negeri diletakkan sama ada di Perbadanan Kemajuan Ekonomi Negeri (PKEN) seperti di negeri Johor, Kelantan, Melaka, Pahang, dan Perak atau di Unit Perancang Ekonomi Negeri seperti di Negeri Sembilan, Selangor dan Terengganu. Di negeri Sabah, pusat ini ditempatkan di bawah Jabatan Pembangunan Industri dan Penyelidikan. Bagi negeri Sarawak, Kerajaan Negeri telah bersetuju untuk menempatkan pusat ini di bawah Kementerian Pembangunan Perindustrian Sarawak untuk membantu pusat-pusat ini sebuah Jawatankuasa khusus telah ditubuhkan. Bagi

membantu pusat pelaburan ini berfungsi dengan berkesan, satu Jawatankuasa Khas telah ditubuhkan.

Bidang tugas pusat ini di peringkat negeri adalah seperti berikut:

- (a) untuk mewujudkan pusat penerangan pelaburan bagi mengumpul, mengemaskini dan menyediakan maklumat atau data yang berkaitan kepada para pelabur;
- (b) untuk menerima, memproses dan menyampaikan keputusan mengenai permohonan untuk lesen, permit dan kelulusan yang diperlukan oleh para pelabur di peringkat negeri untuk melaksanakan projek mereka;
- (c) untuk mengawasi kemajuan projek bagi membantu pelabur dalam melaksanakan projek mereka; dan
- (d) untuk menasihatkan Kerajaan Negeri dari masa ke semasa mengenai semua perkara berhubung dengan kemajuan sektor industri di peringkat negeri.

Dengan penubuhan pusat pelaburan di peringkat negeri, prosedur pentadbiran melibatkan kelulusan, permit dan keperluan lesen untuk pelaksanaan dan operasi projek di peringkat negeri telah diseragamkan.

Sebuah jawatankuasa Penyelarasan Bersama Industri melibatkan Kerajaan Persekutuan dan Negeri telah juga ditubuhkan di setiap negeri yang mempunyai bidang tugas seperti berikut:

- (a) Merancang pembangunan perindustrian di peringkat negeri untuk menentukan ianya selaras dengan perancangan yang dibuat bagi seluruh negara. Pelan perancangan industri di peringkat negeri akan digunakan sebagai input kepada perancangan di peringkat Persekutuan.
- (b) Mengenal pasti strategi penggalakan pelaburan bagi memastikan penyebaran

industri dengan lebih efisien dan ketara. Untuk maksud ini, Jawatankuasa akan memberi perhatian kepada perkara berikut:

- i. Mengenalpasti zon perindustrian baru, dan menilai keperluan infrastruktur seperti jalan, bekalan air dan elektrik, pengangkutan, perhubungan, penstoran dan pelupusan sisa industri dan sebagainya;
 - ii. Menimbang kemungkinan mewujudkan kawasan industri khusus, terutamanya bagi IKS;
 - iii. Mengenalpasti dan menyelesaikan masalah yang dihadapi oleh syarikat yang beroperasi dalam zon perindustrian; dan
 - iv. Menetapkan industri yang perlu diutamakan untuk dibangun di setiap negeri.
- (c) Merancang dan mengawasi pembangunan rangkaian di antara sektor kecil industri supaya wujud industri sokongan yang kritikal di peringkat negeri. Dengan yang demikian pembangunan industri akan lebih menyeluruh dan sinergi antara negeri dapat diwujudkan.
- (d) Menganjurkan penubuhan pusat pembangunan kemahiran diperingkat negeri bagi memastikan bekalan tenaga mahir yang mencukupi untuk industri.
- (e) Mengenalpasti prosedur yang menjejaskan kelicinan pelaksanaan projek dan memperakukan tindakan untuk mengatasinya.
- (f) Merancang program galakan eksport supaya keluaran-keluaran industri dapat meneroka pasaran antarabangsa.
- (g) Menjadi pusat rujukan bagi menerima maklumbalas sektor swasta tentang masalah yang mereka hadapi.

VII. PERATURAN MENGENAI PEROLEHAN ASET, PENGGABUNGAN DAN PENGAMBILALIHAN

Garis Panduan FIC 1974 telah dirangka bertujuan menyediakan peraturan-peraturan mengenai perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan syarikat dan perniagaan dan juga sebagai satu cara untuk menyusun semula corak, hak milik dan kawalan sektor korporat selaras dengan Dasar Ekonomi Baru (DEB) 1970-90. Memandangkan bahawa usaha penyusunan semula pemilikan ekuiti dalam sektor korporat akan terus dilaksanakan di bawah Dasar Pembangunan Nasional bagi tempoh selepas tahun 1990, Garis Panduan FIC 1974 akan terus digunakan bagi mengawal selia perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan bagi mencapai matlamat penyusunan semula tersebut.

Syarat dan Peraturan Mengenai Perolehan, Penggabungan dan Pengambilalihan

Garis panduan mengenai perolehan aset, penggabungan dan pengambilalihan oleh kepentingan tempatan dan kepentingan asing adalah berasaskan antara lain kepada peraturan berikut:

- (a) Dari segi corak hak milik yang ada sekarang, perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan atau pengambilalihan yang dicadangkan mestilah menghasilkan penyertaan warga negara Malaysia yang seimbang dalam pemilikan dan pengawalan sama ada secara langsung atau tidak.
- (b) Perolehan hartanah atau sebarang kepentingan, penggabungan atau pengambilalihan hendaklah menghasilkan secara langsung atau tidak langsung faedah ekonomi yang berkaitan dengan perkara-perkara seperti sejauh mana penyertaan warga negara Malaysia terutama sekali penyertaan Bumiputera, pemilikan dan pengurusan, pengagihan

pendapatan, pertumbuhan ekonomi, guna tenaga, eksport, mutu, pelbagaian barang-barang keluaran dan perkhidmatan, pelbagaian ekonomi, pemprosesan dan peningkatan mutu bahan-bahan mentah tempatan, latihan, kecekapan serta R&D.

- (c) Perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan atau pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan yang dicadangkan hendaklah tidak merugikan dari segi dasar-dasar negara dalam perkara-perkara seperti pertahanan, perlindungan alam sekitar dan pembangunan serantau.
- (d) Pemeroleh adalah bertanggungjawab untuk membuktikan yang cadangan perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan atau pengambilalihan syarikat-syarikat dan perniagaan-perniagaan tidak bertentangan dengan kepentingan negara.

Garis panduan di atas akan digunakan untuk perkara berikut:

- (a) sebarang cadangan perolehan aset di Malaysia oleh kepentingan asing;
- (b) sebarang cadangan perolehan aset atau sebarang kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan syarikat dan perniagaan di Malaysia melalui apa cara sekalipun yang boleh menyebabkan pemilikan dan pengawalan berpindah kepada kepentingan asing;
- (c) sebarang cadangan perolehan 15% atau lebih kuasa mengundi oleh sesuatu kepentingan atau kumpulan bersekutu asing atau oleh kepentingan asing dalam agregat 30% atau lebih kuasa mengundi daripada sesebuah syarikat atau perniagaan di Malaysia;
- (d) kawalan syarikat-syarikat dan perniagaan di Malaysia melalui sebarang jenis perjanjian usaha sama, perjanjian pengurusan, perjanjian bantuan teknik atau perjanjian-perjanjian lain;

- (e) sebarang penggabungan atau pengambilalihan mana-mana syarikat atau perniagaan di Malaysia sama ada oleh kepentingan tempatan atau kepentingan asing; dan
- (f) sebarang cadangan lain terhadap perolehan aset atau kepentingan bernilai RM10 juta atau lebih sama ada oleh kepentingan tempatan atau kepentingan asing.

Bagaimanapun, garis panduan di atas tidak akan dikenakan kepada projek-projek tertentu yang telah diluluskan oleh Kerajaan yang meliputi perkara-perkara berikut:

- (a) perolehan oleh kementerian dan jabatan Kerajaan;
- (b) perolehan oleh Menteri Kewangan Diperbadankan, Menteri Besar Diperbadankan dan Setiausaha Kerajaan Negeri Diperbadankan; dan
- (c) projek penswastan yang diluluskan oleh Kerajaan Pusat atau Kerajaan Negeri.

Jawatankuasa Pelaburan Asing

Bagi tujuan melaksanakan garis panduan ini Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC) telah ditubuhkan dan bertanggungjawab ke atas perkara-perkara utama mengenai pelaburan asing. Tugas-tugas FIC ialah:

- (a) menggubal dasar pelaburan asing dalam semua sektor ekonomi untuk memastikan pencapaian matlamat DEB;
- (b) mengawasi perkembangan dan membantu menyelesaikan masalah mengenai pelaburan swasta asing dan mencadangkan dasar pelaburan yang sesuai;
- (c) memantau dan menasihati kementerian dan agensi Kerajaan yang berkenaan mengenai semua perkara yang berkaitan dengan pelaburan asing;
- (d) menyelaras dan membuat peraturan ke atas perolehan aset atau sebarang

kepentingan, penggabungan dan pengambilalihan syarikat dan perniagaan di Malaysia; dan

- (e) mengawasi, membantu dan menilai bentuk liputan serta gerak laku pelaburan asing di dalam negara dan menyimpan maklumat yang menyeluruh mengenai pelaburan asing.

Maklumat lanjut mengenai Garis Panduan FIC dan prosedur untuk mengemukakan permohonan kepada FIC boleh didapati daripada:

Setiausaha
Jawatankuasa Pelaburan Asing
Unit Perancang Ekonomi
Jabatan Perdana Menteri
Aras -1, Blok B5
Kompleks Jabatan Perdana Menteri
62502 PUTRAJAYA.
<http://www.epu.jpm.my>

VIII. SURUHANJAYA SEKURITI

Suruhanjaya Sekuriti (SC) telah ditubuhkan dan mula beroperasi pada 1 Mac 1993 dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA). Ini diikuti dengan fungsi Jawatankuasa Terbitan Modal yang ditubuhkan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983 dan Panel Pengambilalihan dan Percantuman yang ditubuhkan di bawah Akta Syarikat 1965 dipertanggungjawabkan kepada SC.

Keanggotaan Suruhanjaya terdiri daripada sembilan anggota yang dilantik oleh Menteri Kewangan seperti berikut:

- (a) Seorang Pengerusi, iaitu Pengerusi Eksekutif;
- (b) Seorang Timbalan Ketua Eksekutif;
- (c) Empat anggota mewakili kerajaan; dan
- (d) Tiga anggota lain.

Seorang ahli SC boleh memegang jawatan bagi tempoh tidak melebihi tiga (3) tahun dan adalah layak untuk dilantik semula.

Fungsi Suruhanjaya Sekuriti

Fungsi SC seperti termaktub di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, adalah seperti yang berikut:

- (a) untuk menasihati Menteri Kewangan dalam semua hal berhubung dengan perindustrian sekuriti dan niaga hadapan;
- (b) untuk mengawal selia semua perkara berhubung dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- (c) untuk memastikan bahawa peruntukan undang-undang sekuriti dipatuhi;
- (d) untuk mengawal selia pengambilalihan dan percantuman syarikat;
- (e) untuk mengawal selia segala perkara berhubung dengan skim amanah saham;
- (f) bertanggungjawab dalam menyelia dan mengawasi aktiviti mana-mana syarikat pegangan bursa, bursa, rumah penjelasan dan depository pusat serta organisasi terbabit, peserta, anggota gabungan, anggota depository serta kesemua entiti berdaftar dan berlesen sesebuah bursa, rumah penjelasan dan depository pusat;
- (g) untuk mengambil segala langkah yang munasabah untuk mengekalkan keyakinan para pelabur dalam pasaran sekuriti dan niaga hadapan dengan memastikan wujudnya perlindungan yang sewajarnya bagi para pelabur;
- (h) untuk meningkatkan dan menggalakkan tatalaku yang baik di kalangan ahli bursa, rumah penjelasan, pusat depository dan semua individu yang berlesen;
- (i) untuk menyekat amalan tidak sah, mengaibkan dan salah urus dalam sekuriti dan dagangan kontrak niaga hadapan dan pemberian nasihat pelaburan atau perkhidmatan lain yang berkaitan dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;

- (j) untuk mempertimbang dan membuat cadangan bagi pembaharuan undang-undang yang berkaitan dengan sekuriti dan kontrak niaga hadapan;
- (k) untuk menggalak dan meningkatkan pembangunan pasaran sekuriti dan niaga hadapan di Malaysia termasuk penyelidikan dan latihan yang berkaitan dengannya;
- (l) untuk menggalak dan meningkatkan kawal selia oleh pertubuhan professional atau badan pasaran dalam industri sekuriti dan niaga hadapan;
- (m) untuk melesen dan mengawasi semua individu yang berlesen seperti yang termaktub dalam mana-mana undang-undang sekuriti; dan
- (n) untuk meningkatkan dan mengekalkan integriti semua individu yang berlesen dalam industri sekuriti dan niaga hadapan.

SC juga merupakan pengawal selia tunggal bagi pasaran sekuriti hutang swasta dan pihak berkuasa pendaftar bagi prospektus semua sekuriti selain sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tidak tersenarai. SC juga merupakan badan tunggal yang melaksanakan Garis Panduan FIC bagi memproses cadangan korporat yang sebelumnya memerlukan kelulusan SC dan FIC. Langkah ini merupakan sebahagian daripada usaha untuk memperkemaskan proses kelulusan dalam pasaran modal Malaysia.

Pentadbiran Akta dan Garis Panduan

SC bertanggungjawab untuk mentadbir dan menguatkuasakan Akta berikut:

- (a) Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993;
- (b) Akta Perindustrian Sekuriti 1983;
- (c) Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993;
- (d) Akta Perindustrian Sekuriti (Depositori) 1991; dan
- (e) Akta Demutualisasi (Bursa Saham Kuala Lumpur) 2003

Di antara garis panduan, Kod dan Peraturan yang diterbitkan dan ditadbir oleh SC ialah:

- (a) Polisi dan Garis Panduan bagi Terbitan atau Tawaran Sekuriti.
- (b) Garis Panduan Tawaran Awam Sekuriti Dana Tertutup.
- (c) Garis Panduan Prospektus.
- (d) Garis Panduan mengenai Tawaran Sekuriti Hutang Swasta.
- (e) Peraturan Suruhanjaya (Skim Pendaftaran Simpanan bagi Debentur) 2000.
- (f) Garis Panduan Keperluan Kandungan Minimum bagi Surat Ikatan Amanah.
- (g) Kod Pengambilalihan dan Percantuman Malaysia.
- (h) Garis Panduan Nilai Aset.
- (i) Garis Panduan Tabung Amanah Hartanah.
- (j) Garis Panduan Amanah Pelaburan Hartanah.
- (k) Garis Panduan Penubuhan Syarikat Pengurusan Dana Asing.
- (l) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen Pengurus Dana dan Wakil Pengurus Dana di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
- (m) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen bagi Pengurus Dana Niaga Hadapan dan wakil Pengurus Dana Niaga Hadapan di bawah Akta Perindustrian Niaga hadapan 1993.
- (n) Garis Panduan Terbitan Waran Panggilan.
- (o) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen di bawah Akta Perindustrian Niaga Hadapan 1993.
- (p) Garis panduan mengenai Tawaran Sekuriti Hutang yang bersandarkan Aset.
- (q) Garis Panduan Pencegahan Penggubahan Wang Haram & Pembiayaan Keganasan bagi Perantara Pasaran Modal.

- (r) Garis Panduan Penawaran Produk Berstruktur.
- (s) Garis Panduan bagi Permohonan Lesen Penasihat Pelaburan dan Wakil Pelaburan di bawah Akta Perindustrian Sekuriti 1983.
- (t) Garis Panduan untuk Prospektus Elektronik dan Permohonon Sekuriti melalui Internet.
- (u) Garis Panduan Penawaran Sekuriti Islam.
- (v) Garis Panduan mengenai Pengiklanan.

Permohonan Untuk Cadangan Korporat

Sesebuah syarikat sama ada awam ataupun swasta adalah dikehendaki untuk mendapatkan kelulusan SC, seperti yang dikehendaki di dalam Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, sebelum menjalankan mana-mana permohonan berikut:

- (a) Menyediakan, tawaran bagi langganan atau pembelian atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti di Malaysia.
- (b) Menyediakan, menawarkan bagi langganan atau pembelian atau menerbitkan pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti di luar Malaysia, sekuriti syarikat awam atau menyenaraikan sekuriti tersebut di bursa di luar Malaysia.
- (c) Dengan cara terbitan sekuriti melaksanakan:
 - i. suatu kompromi atau pengaturan samada atau tidak bagi maksud atau berkaitan dengan suatu skim kompromi atau pengaturan bagi penyatuan mana-mana dua syarikat atau lebih atau bagi penyusunan semula mana-mana syarikat; atau
 - ii. suatu perolehan sekuriti atau aset.
- (d) Memohon bagi penyenaraian sesuatu syarikat, atau bagi sebutharga sekuriti, di pasaran saham sesebuah bursa saham.

- (e) Mengagihkan aset sesebuah syarikat awam kepada ahli-ahlinya selain daripada pengagihan wang tunai atau pengagihan aset kepada ahli-ahli syarikat awam ketika penutupannya.
- (f) Memperoleh atau menjual aset (sama ada dengan cara terbitan sekuriti atau tidak) yang mengakibatkan perubahan yang ketara dalam haluan perniagaan atau dasar sesuatu syarikat awam tersenarai.

Dalam memberikan pertimbangan terhadap cadangan yang disebutkan di atas, SC akan mengambil kira perkara berikut:

- (a) Sama ada atau tidak terdapat penzahiran yang secukupnya mengenai sesuatu maklumat yang semunasabahnya dijangka boleh didapati dalam prospektus oleh pelabur dan penasihat profesional mereka bagi maksud membuat penilaian berdasarkan maklumat tentang:
 - i. aset dan tanggungan, kedudukan kewangan, untung rugi dan prospek penerbit itu dan, dalam hal skim amanah saham atau pelaburan yang ditetapkan skim itu;
 - ii. hak-hak yang diberikan oleh sekuriti; dan
 - iii. merit untuk melabur dalam sekuriti itu dan takat risiko yang terlibat dalam berbuat demikian.
- (b) Sama ada pertanyaan (jika ada) tentang syarikat tersebut, pegawainya, pengunderait dan penasihatnya akan memberi pengesahan tentang ketepatan dan kelengkapan maklumat yang dizahirkan.
- (c) Sama ada orang-orang yang memerlukan perlindungan melalui proses kelulusan dan penzahiran menurut Bahagian IV Akta Suruhanjaya Sekuriti, 1993.
- (d) Jenis perniagaan yang dijalankan oleh syarikat tersebut dan risiko yang terlibat.

- (e) Keadaan tadbir urus korporat keseluruhan syarikat, pemegang saham dan pengarahnya.
- (f) Tujuan syarikat mengumpulkan dana.
- (g) Kesesuaian membenarkan cadangan tersebut atau membenarkan dagangan sekuriti di pasaran saham sebuah bursa saham atau di mana-mana pasaran saham di luar Malaysia.
- (h) Kepentingan awam.
- (i) Sama ada operasi pasaran, termasuk yang berkaitan dengan harga, mengadakan mekanisma yang lengkap untuk menangani risiko dan merit cadangan tersebut.

Rangka Kawal Selia Untuk Penjanaan Dana

Dengan berkuatkuasanya Akta Suruhanjaya Sekuriti (Pindaan) 2000 pada 1 Julai 2000, SC telah menjadi pihak berkuasa tunggal yang meluluskan prospektus semua sekuriti selain sekuriti yang diterbitkan oleh kelab rekreasi tak tersenarai. Sesebuah syarikat yang ingin melaksanakan aktiviti penjanaan dana dikehendaki menyediakan prospektus dan mendaftarkannya dengan SC. Pindaan tahun 2000 berkenaan menyatakan bila sesuatu prospektus mesti didaftarkan dan isi kandungan yang perlu dikemukakan.

Peruntukan sedia ada dalam Akta Syarikat 1965 berkaitan prospektus adalah terpakai bagi sebarang terbitan saham atau debentur oleh kelab rekreasi tak tersenarai serta hal yang bersangkutan paut dengan kepentingan (*interests*) yang dikawal di bawah Penggal 5 Bahagian IV Akta Syarikat 1965. Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM) akan terus mengawal selia semua tawaran awam sekuriti dan debentur oleh kelab rekreasi tak tersenarai di bawah Penggal 4 Bahagian IV Akta Syarikat 1965 yang ditadbir oleh SSM.

Penggal 3 Bahagian IV SCA memperuntukkan keperluan kawal selia bagi prospektus yang berkaitan terbitan dan tawaran bagi langganan atau pembelian atau pelawaan untuk melanggan atau membeli sekuriti. Bentuk penjanaan dana lain termasuk sekuriti hutang contohnya, debentur, debentur gadaian dan nota tak bercagar. Bentuk

penjanaan dana ini juga ditadbir oleh keperluan prospektus yang dinyatakan dalam SCA dan keperluan tertentu lain berkaitan dengan debentur yang dinyatakan dalam Penggal 4 Bahagian IV SCA, seperti keperluan bagi pemegang amanah dan surat ikatan amanah, tugas pemegang amanah, peminjam dan penjamin.

SC juga merupakan badan kawal selia tunggal bagi semua penerbitan bon korporat. dan bertanggungjawab ke atas pengawal seliaan pemegang amanah, surat ikatan amanah, obligasi peminjam dan penjamin berhubung dengan terbitan debentur.

Tawaran Awam Permulaan bagi Tujuan Penyenaraian dan Sebut Harga Sekuriti di Bursa Saham

Polisi dan prinsip umum yang diguna pakai oleh SC terhadap syarikat awam yang berhasrat membuat tawaran awam permulaan melalui penyenaraian dan sebut harga sekuriti di Bursa Malaysia adalah seperti yang terkandung dalam “Polisi dan Garis Panduan Bagi Terbitan atau Tawaran Sekuriti” (Garis panduan Terbitan), berkuat kuasa mulai 1 Januari 1996. Pindaan kepada Garis Panduan Terbitan pada April 1999, membawa kepada pindaan keperluan kawal selia bagi penyenaraian di Papan Utama dan Papan Kedua Bursa Malaysia serta pengambilalihan atau penyenaraian pintu belakang.

Pindaan terhadap Keperluan/Syarat Penyenaraian Bursa Malaysia pada Januari 2001 bertujuan untuk terus memperbaiki tahap tadbir urus korporat serta meningkatkan lagi kredibiliti dan kecukupan pasaran modal Malaysia yang dapat memberi manfaat kepada syarikat tersenarai, para pengarah, pemegang saham majoriti serta pelabur minoriti.

Pindaan selanjutnya ke atas Garis panduan Terbitan dan enam garis panduan penjanaan dana yang lain berkuat kuasa mulai Mei 2003 menandakan perantaraan/peralihan pasaran modal Malaysia ke fasa ketiga kerangka pengawal-seliaan berteraskan penzahiran (DBR) bagi aktiviti penjanaan dana. DBR yang menekankan kepada penzahiran lebih banyak maklumat serta yang bermutu tinggi oleh para penerbit adalah bertujuan untuk mewujudkan lebih ketelusan dalam pasaran

serta membolehkan pelabur membuat keputusan pelaburan yang lebih bijak. Di bawah Fasa 3 DBR, terdapat proses penjana modal menjadi lebih cekap melalui proses kelulusan yang telah diperkemas di samping peraturan yang lebih mesra niaga dan berteraskan pasaran serta masa kelulusan yang lebih singkat.

Selain itu, Kerajaan juga telah mengumumkan beberapa langkah pada tahun 2003 untuk memperkukuh pasaran modal, termasuk pengurangan waktu moratorium ke atas pegangan saham penganjur tawaran awam permulaan baru atau pengambilalihan berbalik/akas kepada satu tahun sebagai usaha bagi memastikan terdapat lebih banyak saham dan meningkatkan mudah tunai dalam pasaran.

Beberapa perubahan utama kepada Garis Panduan Terbitan berkuat kuasa 1 Januari 2005:

- (a) Pemansuhan fleksibiliti bagi suntikan aset ke dalam syarikat bermasalah
- (b) Penyeragaman kriteria kemasukan syarikat khidmat kewangan, perkapalan/pengangkutan, dagangan/runcit, pegangan pelaburan harta dan projek infrastruktur ke Papan Utama Bursa Malaysia, sama ada kemasukan itu dilaksanakan melalui penyenaraian terus ataupun penyenaraian pintu belakang;
- (c) Pengenalan keperluan bagi penyenaraian terus syarikat pelaburan harta untuk kali pertama;
- (d) Pihak syarikat tidak lagi dikehendaki membiayai pengambilalihan aset asing melalui terbitan sekuriti sekiranya pengambilalihan tersebut dikira sebagai besar; dan
- (e) Pengambilalihan aset asing yang menghasilkan pertukaran pemegang saham dominan adalah dibenarkan jika pemegang saham dominan yang baru itu adalah warganegara Malaysia.

Berkuat kuasa 1 Januari 2005, pertimbangan dan kelulusan penyenaraian dan cadangan korporat untuk Pasaran MESDAQ telah diambil alih oleh SC. Dalam proses ini, kelulusan bagi

cadangan korporat Pasaran MESDAQ hanya perlu diperoleh dari satu pihak berkuasa, di bawah Penggal 32 Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993, selaras dengan proses kelulusan bagi syarikat-syarikat Papan Utama dan Papan Kedua. Sebelum ini, penyenaraian bagi Pasaran MESDAQ harus diperoleh dari SC dan Bursa Malaysia.

Beberapa syarat utama yang perlu dipatuhi bagi penyenaraian sekuriti di Bursa Malaysia termasuk:

1. Modal Berbayar dan Diterbitkan

(a) Penyenaraian di Papan Utama

Pemohon yang ingin menyenaraikan dan menyebut harga sekuritinya di Papan Utama hendaklah mempunyai modal yang diterbitkan dan berbayar minimum sebanyak RM60 juta yang terdiri daripada saham biasa yang bernilai tara sekurang-kurangnya RM0.10 sesaham.

(b) Penyenaraian di Papan Kedua

Pemohon yang ingin menyenarai dan menyebut harga sekuritinya di Papan Kedua Bursa Malaysia hendaklah mempunyai modal yang diterbitkan dan berbayar minimum sebanyak RM40 juta yang terdiri daripada saham biasa yang bernilai tara sekurang-kurangnya RM0.10 sesaham.

2. Pemohon untuk penyenaraian perlu memiliki salah satu daripada keperluan berikut:

2.1 Prestasi Keuntungan yang Lepas

(a) Penyenaraian di Papan Utama

Pemohon hendaklah mempunyai rekod keuntungan secara berterusan bagi setiap tiga tahun hingga lima tahun kewangan penuh yang lepas, dengan agregat keuntungan selepas cukai tidak kurang daripada RM30 juta bagi tiga hingga lima tahun kewangan

tersebut dan sekurang-kurang RM8 juta keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan terkini. Berikutan pengumuman langkah-langkah untuk memperteguh pasaran modal pada 11 Mac 2003, syarikat-syarikat yang memiliki permodalan pasaran saham ekuiti biasa yang bernilai sekurang-kurangnya RM250 juta adalah dikecualikan daripada keperluan rekod keuntungan selepas cukai sekurang-kurangnya RM8 juta bagi tahun kewangan terkini.

(b) Penyenaraian di Papan Kedua

Pemohon hendaklah mempunyai rekod keuntungan yang bersamaan dengan keuntungan selepas cukai yang tidak kurang daripada RM12 juta untuk tiga hingga lima tahun kewangan dan sekurang-kurang RM4 juta keuntungan selepas cukai bagi tahun kewangan terkini.

2.2 Syarikat Projek Infrastruktur

Tiada keperluan bagi rekod keuntungan lepas minimum atau keperluan permodalan pasaran bagi permohonan oleh syarikat projek infrastruktur.

Penentuan Harga Sekuriti

Walaupun syarikat awam mempunyai kebebasan dalam menentukan semua harga sekuriti yang diterbitkan, syarikat awam harus menetapkan harga sekuriti berdasarkan prinsip pasaran dan pada tahap yang terbaik bagi syarikat, dan mengambil kira kepentingan pelabur minoriti.

Kelonggaran ke atas Kriteria Penyenaraian bagi Syarikat Bumiputera

Kelonggaran telah diberikan oleh SC kepada syarikat Bumiputera dalam bentuk pengecualian daripada keperluan ujian yang ditetapkan dalam perenggan 6.13(a)(iv) atau 6.13(b)(iv) Garis

Panduan Terbitan. Perenggan 6.13(a)(iv) Garis Panduan Terbitan merujuk kepada penggunaan akaun proforma bagi tujuan penyenaraian dan menyatakan yang berikut:

“Di mana sesebuah kumpulan syarikat memohon untuk disenaraikan dengan menggunakan ujian rekod keuntungan lepas, sekurang-kurangnya satu syarikat (iaitu syarikat yang layak) di kalangan kumpulan tersebut hendaklah berupaya memenuhi keperluan rekod keuntungan. Sekiranya tiada satupun syarikat yang layak, penyenaraian berdasarkan kekuatan akaun proforma kumpulan mungkin dipertimbangkan dengan syarat syarikat di bawah kumpulan tersebut yang layak secara kolektif:

- (a) terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang sama atau yang saling melengkapi;
- (b) mempunyai pengarah-pengarah yang sama; dan
- (c) mempunyai pemegang-pemegang saham yang mempunyai pegangan saham kawalan, secara kolektif.

Sebaliknya, perenggan 6.13 (b) (iv) Garis Panduan Terbitan, merujuk kepada ujian permodalan pasaran menyatakan seperti berikut:

“Di mana sesebuah kumpulan syarikat yang memohon penyenaraian dengan menggunakan ujian permodalan pasaran, semua syarikat dalam kumpulan tersebut mesti:

- (a) terlibat di dalam aktiviti-aktiviti perniagaan yang sama atau yang saling melengkapi;
- (b) mempunyai pengarah-pengarah yang sama; dan
- (c) mempunyai pemegang-pemegang saham yang mempunyai pegangan saham kawalan, secara kolektif sepanjang tempoh minimum tiga tahun kewangan penuh sebelum permohonan kepada SC dibuat.

Bagaimanapun, bagi melayakkan diri untuk pengecualian tersebut, syarikat-syarikat Bumiputera mesti mematuhi syarat-syarat berikut:

- (a) kumpulan syarikat mesti mempunyai unsur-unsur ketulenan dalam pengaturan pengumpulannya;

- (b) syarikat yang merupakan penyumbang tunggal terbesar, atas dasar purata bagi 3 tahun kewangan penuh yang lepas, kepada keuntungan kumpulan proforma tersebut hendaklah diperbadankan dan beroperasi selama tidak kurang daripada 5 tahun kewangan penuh sebelum membuat permohonan kepada SC;
- (c) setiap syarikat yang dikumpulkan hendaklah merupakan syarikat kawalan Bumiputera di bawah kuasa pemegang saham Bumiputera yang mempunyai pegangan saham kawalan yang sama selama tidak kurang daripada 3 tahun kewangan penuh sebelum membuat permohonan kepada SC (ataupun untuk sepanjang masa syarikat diperbadankan sekiranya syarikat telah diperbadankan kurang daripada 3 tahun kewangan); dan
- (d) syarikat yang digunakan sebagai perantara bagi tujuan penyenaaraian hendaklah merupakan sebuah syarikat yang dikawal Bumiputera, bagi 5 tahun berikutnya setelah ia disenaraikan,

Tujuan kelonggaran tersebut adalah untuk memberi kemudahan kepada syarikat Bumiputera untuk menembusi pasaran modal. Walau bagaimanapun, ia mesti diketahui bahawa sesebuah syarikat akan hanya diklasifikasikan sebagai syarikat kawalan Bumiputera sekiranya salah satu daripada kriteria berikut dipenuhi:

- (a) Di mana lebih 50% daripada ekuitinya dimiliki oleh pemegang saham Bumiputera; atau
- (b) Di mana sekurang-kurangnya 35% ekuitinya dimiliki oleh pemegang saham Bumiputera yang dikenal pasti dan:
 - i. tiada kumpulan bukan Bumiputera lain yang memiliki melebihi 10% daripada kuasa mengundi syarikat, atau, kumpulan bukan Bumiputera yang dikenal pasti hendaklah tidak, secara agregat, memiliki lebih daripada 24% kuasa mengundi syarikat tersebut;
 - ii. pegangan saham kumpulan Bumiputera tersebut tidak dikaitkan

secara langsung atau tidak langsung dengan mana-mana kumpulan bukan Bumiputera;

- iii. kumpulan Bumiputera tersebut ialah pemilik sah dan setiap pihak Bumiputera adalah berupaya untuk melaksanakan kuasa mengundi yang ada pada pegangan sahamnya yang bebas daripada mana-mana pengaruh;
- iv. pengerusi, Ketua Pegawai Eksekutif/ Pengarah Urusan dan sekurang-kurangnya 51% daripada Lembaga Pengarah syarikat adalah individu Bumiputera; dan
- v. sekurang-kurangnya 51% daripada pengurusan dan kakitangan penyeliaan adalah terdiri daripada individu Bumiputera.

Peraturan Mengenai Penggabungan dan Pengambilalihan

Pihak-pihak yang terlibat dalam cadangan pengambilalihan dan percantuman hendaklah mematuhi peruntukan berhubung dengan pengambilalihan dan percantuman yang terkandung dalam seksyen 33 hingga 33E Akta Suruhanjaya Sekuriti 1993 (SCA) serta Kod Malaysia Mengenai Pengambilalihan dan Percantuman 1998 (Kod). Dalam mentadbir Kod tersebut, SC akan mengambil kira keperluan yang akan memastikan bahawa pemerolehan syer mengundi atau kawalan ke atas syarikat berlaku dalam pasaran yang cekap, bersaing dan termaklum.

Menurut seksyen 33B(2) Akta SC, pemeroleh yang telah mendapat kawalan dalam sesuatu syarikat hendaklah membuat tawaran pengambilalihan, selain daripada berkenaan syer mengundi syarikat itu yang pada tarikh tawaran dibuat sudah dipegang oleh pemeroleh tersebut atau berhak dijalankan oleh pemeroleh itu. Dengan ini, kawalan, berhubung dengan pemerolehan syer, telah ditakrifkan menurut seksyen 33 Akta SCA, sebagai pemerolehan atau pemegangan, atau hak untuk menggunakan atau mengawal penggunaan, syer mengundi yang melebihi 33% dalam sesebuah syarikat.

Menurut seksyen 33B(3) SCA, pemeroleh yang telah memperolehi lebih daripada 33% syer pengundi dalam sesebuah syarikat tetapi kurang daripada 50% daripada syer pengundi dalam syarikat tersebut, tidak dibenarkan untuk memperolehi apa-apa syer mengundi tambahan dalam syarikat itu, kecuali pemerolehan tambahan yang mengikut peruntukan-peruntukan Kod dan mana-mana arahan yang dibuat di bawah seksyen 33A(4). Dalam perkara ini, seksyen 6(1)(b) Kod memperuntukkan bahawa seseorang pemeroleh yang memegang lebih daripada 33% tetapi kurang daripada 50% syer mengundi dan pemeroleh itu memperolehi lebih daripada 2% syer mengundi syarikat itu dalam mana-mana tempoh 6 bulan, pemeroleh itu akan tertakluk kepada peruntukan Kod berhubung tawaran mandatori.

Tambahan lagi, mana-mana pemeroleh yang memperolehi sebahagian daripada pegangan vendor, khususnya yang mengambil di bawah 33% daripada saham yang layak mengundi di mana menggalak daripada kewajiban untuk membuat tawaran pihak SC boleh meminta pemeroleh untuk memberi pengesahan yang beliau tidak mempunyai kawalan terhadap syarikat. Dalam memberi pengesahan situasi seperti di bawah perlu diambil kira.

- (a) sama ada vendor bertindak sebagaimana tindakan pemeroleh;
- (b) sama ada premium yang signifikan dibayar untuk sehari yang melayakkan mengundi; dan
- (c) sebarang perubahan dalam komposisi lembaga Pengarah atau perubahan yang signifikan dalam arah perniagaan atau polisi berkaitan daripada pengambilalihan.

Mana-mana individu yang gagal untuk mematuhi keperluan tawaran mandatori adalah melakukan kesalahan dan apabila disabitkan boleh didenda tidak melebihi satu juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya dibawah seksyen 33B(4) Akta SC.

Tambahan lagi, sekiranya terdapat apa-apa dokumen atau maklumat yang dikehendaki oleh

SC yang berhubungan dengan sesuatu pengambilalihan atau penggabungan dan didapati dokumen atau maklumat tersebut adalah palsu atau mengelirukan, mana-mana orang yang bertanggungjawab apabila disabitkan kesalahan boleh didenda tidak melebihi tiga (3) juta ringgit atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi sepuluh tahun atau kedua-duanya di bawah seksyen 33E(3) Akta SC.

Beberapa halangan adalah dikenakan ke atas pemeroleh serta mana-mana orang yang telah menjual syer mengundinya kepada seorang pemeroleh. Di bawah seksyen 7 Kod, pemeroleh yang tertakluk kepada keperluan tawaran mandatori tidak boleh melantik mana-mana pengarah kepada lembaga pengarah penerima tawaran atau menggunakan hak mengundi yang disertakan dengan syer mengundi yang telah diambil sebelum pemeroleh itu menghantar dokumen tawaran kepada pemegang syer penerima tawaran. Seksyen 10 Kod pula, memperuntukkan bahawa seseorang yang berhasrat untuk menjual syer mengundinya kepada seseorang pemeroleh tidak boleh meletakkan jawatan sebagai pengarah atau menyebabkan seorang pengarah yang lazimnya bertindak mengikut perintah atau arahnya meletakkan jawatan daripada lembaga pengarah syarikat penerima tawaran sehingga tarikh tutup pertama tawaran pengambilalihan itu atau tarikh tawaran pengambilalihan itu menjadi atau diisytiharkan tanpa syarat terhadap penerimaan, berdasarkan yang terkemudian.

Nota amalan yang disertakan bersama-sama Kod tersebut menyediakan panduan mengenai pentafsiran peruntukan tertentu Kod berkenaan. Antara lain, sebagai contoh, di mana obligasi tawaran mandatori wujud serta keadaan yang mana seseorang individu boleh memohon bagi pengecualian daripada peruntukan tawaran mandatori.

Pelan Induk Pasaran Modal

SC telah mengeluarkan Pelan Induk Pasaran Modal pada Februari 2001. Ianya bertujuan sebagai rancangan yang komprehensif bagi merangka secara strategik kedudukan dan arah masa depan pasaran modal Malaysia untuk

jangkamas 10 tahun yang akan datang. Rancangan ini adalah kajian komprehensif ke arah:

- (a) membina wawasan dan program komprehensif untuk pembangunan pasaran modal Malaysia pada masa hadapan;
- (b) membina rangkakerja secara teratur dan mengikut susunan yang efektif untuk deregulasi dan liberalisasi; dan
- (c) mengenalpasti dan mencarta arah aliran bagi kedudukan pasaran modal Malaysia yang strategik samada di peringkat nasional dan antarabangsa.

Berikutan daripada kajian tersebut, SC telah mengenal pasti 6 objektif utama yang merupakan asas bagi inisiatif dan cadangan strategik masa hadapan:

- (a) Untuk menjadi pusat penajaan dana utama syarikat-syarikat di Malaysia.
- (b) Untuk menggalakkan sebuah industri pengurusan pelaburan yang berkesan dan satu persekitaran yang lebih sesuai bagi pelabur.
- (c) Untuk meningkatkan kedudukan persaingan dan kecekapan institusi pasaran.
- (d) Untuk membangunkan satu persekitaran yang kukuh dan berdaya saing bagi perkhidmatan perantaraan.
- (e) Untuk memastikan sebuah rejim pengawalseliaan yang lebih mantap dan lebih mudah.
- (f) Untuk menjadikan Malaysia sebagai sebuah pasaran modal Islam antara-bangsa.

IX. BURSA MALAYSIA BERHAD

Sejarah

Bursa Saham Malaya telah ditubuhkan pada 1960 dengan bilik dagangan di Singapura dan Kuala Lumpur. Dengan perpisahan Singapura dari

Malaysia pada 1965, Bursa Saham Malaysia dan Singapura (SEMS) ditubuhkan. Bagaimanapun dengan tamatnya persetujuan pertukaran mata wang di antara Malaysia dan Singapura pada 1973, SEMS berpisah menjadi dua iatu Bursa Saham Kuala Lumpur (BSKL) dan Bursa Saham Singapura.

Setelah didemutualisasi selaras dengan Akta Demutualisasi, BSKL bertukar kepada sebuah syarikat awam terhad mengikut saham pada 5 Januari 2004. Dengan pertukaran tersebut, BSKL memberi hak dan memindahkan urus niaga bursa kepada anak syarikat milik penuh, Bursa Malaysia Securities Sdn Bhd (Bursa Securities) sementara BSKL menjadi syarikat induk dikenali sebagai Bursa Malaysia Berhad (Bursa Malaysia) pada 20 April 2004.

Bursa Malaysia mengendalikan bursa bersepadu menawarkan rangkaian penuh perkhidmatan berkaitan bursa termasuk perdagangan, penjelasan, penyelesaian dan depository. Bursa Malaysia juga menyediakan maklumat berkaitan pasaran sekuriti dan derivatif Malaysia. Sehingga akhir Ogos 2005, Bursa Malaysia adalah salah satu daripada bursa yang terbesar di ASEAN dengan penyenaraian 1,003 syarikat. Syarikat ini dikategorikan kepada 15 sektor yang mewakili lebih daripada 50 aktiviti ekonomi yang berbeza daripada perladangan, perlombongan, perdagangan/ perkhidmatan kepada teknologi, prasarana dan kewangan.

Urus Tadbir Korporat Bursa Malaysia

Di bawah struktur demutualisasi, Kumpulan Bursa Malaysia diurus tadbir oleh satu Lembaga Pengarah terdiri daripada pengarah kepentingan awam, pengarah bebas, pengarah bagi pemegang saham dan Ketua Pegawai Eksekutif. Amalan urus tadbir korporat di Bursa Malaysia adalah sejajar dengan objektif yang ditetapkan di dalam Kod Urus Tadbir Korporat.

Kumpulan Syarikat Bursa Malaysia

Kumpulan Syarikat Bursa Malaysia merangkumi syarikat induk dan beberapa anak syarikat yang menyediakan rangkaian perkhidmatan yang menyeluruh untuk menggalakkan industri sekuriti di Malaysia.

Unit perniagaan Bursa terdiri daripada tiga bursa:

(a) *Bursa Sekuriti*

Bursa Sekuriti terdiri daripada Papan Utama, Papan Kedua dan Pasaran MESDAQ. Sehingga akhir Ogos 2005, Papan Utama merupakan pasaran terbesar dengan penyenaraian 639 syarikat, Papan Kedua mempunyai 272 syarikat tersenarai dan Pasaran MESDAQ mempunyai 92 syarikat tersenarai. Jumlah nilai pasaran Bursa Malaysia sehingga akhir Ogos 2005 ialah RM706.36 bilion.

(b) *Bursa Derivatif*

Bursa Derivatif menawarkan kontrak niaga hadapan dan opsyen merangkumi instrumen berkaitan kewangan, ekuiti dan komoditi. Pada akhir Ogos 2005, tujuh (7) jenis kontrak niaga hadapan dan satu (1) kontrak opsyen tersedia didagangkan. Kedudukan awal jumlah Bursa Malaysia sehingga akhir Ogos 2005 adalah sebanyak 89,430 kontrak.

(c) *Bursa Luar Pesisir*

Bursa luar pesisir merupakan bursa kewangan luar pesisir antarabangsa berpangkalan di Labuan dan dikendalikan oleh Labuan International Financial Exchange Inc (LFX). Setakat akhir Ogos 2005, 20 bon konvensional, enam (6) dana pelaburan dan enam (6) persijilan berlandaskan Syariah (Sukuk) disenaraikan di Bursa Luar Pesisir dengan modal pasaran bernilai USD12.09 bilion.

Khidmat penjelasan, penyelesaian dan depository ditawarkan melalui Unit Perniagaan Penjelasan, Penyelesaian dan Depositori yang merangkumi Bursa Malaysia Securities Clearing Sdn Bhd, Bursa Malaysia Derivatives Clearing Bhd dan Bursa Malaysia Depository Sdn Bhd (Bursa Depository).

Unit Perniagaan Perkhidmatan Maklumat menyediakan dan menyebarkan maklumat yang komprehensif mengenai harga, dagangan dan indeks bagi syarikat tersenarai secara masa nyata atau masa tertunda. Unit ini juga menghasilkan

dan menyediakan produk dan perkhidmatan maklumat bagi pelanggan melalui Bursa Malaysia Information Sdn Bhd.

Peserta

(a) *Syarikat Broker Saham*

Buat masa ini terdapat 32 syarikat broker yang menawarkan khidmat bagi urusan niaga sekuriti bagi syarikat tersenarai di Bursa Sekuriti. Enam (6) daripadanya telah diberi status broker universal. Broker *universal* boleh menawarkan khidmat pasaran modal yang menyeluruh iaitu kewangan korporat, dagangan sekuriti hutang dan urusan niaga saham. Sehingga Akhir Ogos 2005, terdapat 61 cawangan syarikat broker.

(b) *Peserta Dagangan*

Peserta Dagangan merupakan sebuah syarikat yang memiliki sekurang-kurangnya satu (1) Syer Keutamaan bagi menjalankan perniagaan broker niaga hadapan yang memegang lesen di bawah Akta Industri Niaga Hadapan dan menjalankan dagangan bagi kontrak yang didagangkan di Bursa Derivatif. Peserta Dagangan perlu berdaftar dengan Suruhanjaya Sekuriti. Ketika ini terdapat 15 Peserta Dagangan.

Perlindungan Pelabur

Bagi melindungi pelabur, Bursa Malaysia mempunyai tiga dana pampasan, iaitu Dana Pampasan bagi Bursa Sekuriti, Dana Kesetiaan bagi Bursa Derivatif dan Dana Pampasan bagi Bursa Depository untuk memberi pampasan kepada pelabur yang mengalami kerugian dalam keadaan yang dinyatakan di bawah undang-undang dan peraturan sekuriti yang berkaitan. Dana ini ditadbir oleh Jawatankuasa Pampasan.

Pengurusan Risiko

Bursa Malaysia telah menyediakan rangka kerja pengurusan risiko korporat (*Enterprise Risk Management*) dengan tujuan memantau aktiviti pengurusan risiko Kumpulan Bursa. Risiko utama dikenal pasti dan disusun mengikut kemungkinan berlaku dan kesan impak serta pelan tindakan disediakan bagi mengurus risiko tersebut.

X. PUSAT KEWANGAN LUAR PESISIR ANTARABANGSA LABUAN

Dalam usaha mempertingkatkan peranan Malaysia sebagai sebuah pusat kewangan, Wilayah Persekutuan Labuan telah dilancarkan sebagai Pusat Kewangan Luar Pesisir Antarabangsa (IOFC) pada 1 Oktober 1990. Labuan sebagai IOFC menjadi pelengkap kepada sistem kewangan yang berpusat di Kuala Lumpur. Antara perniagaan dan aktiviti utama di Labuan IOFC adalah:

- (i) Perbankan luar pesisir termasuk bank pelaburan;
- (ii) Insurans luar pesisir dan urusan niaga yang berkaitan;
- (iii) Amanah luar pesisir dan perniagaan amanah;
- (iv) Syarikat perdagangan pemegang pelaburan;
- (v) Dana, unit amanah dan pengurusan dana;
- (vi) Pemfaktoran;
- (vii) Perkongsian terhad;
- (viii) Modal teroka;
- (ix) Pengurusan syarikat;
- (x) Pembrokeran wang;
- (xi) Pasaran wang, Perbendaharaan korporat;
- (xii) Bursa Saham Kewangan Antarabangsa Labuan (LFX); dan
- (xiii) Perniagaan Kewangan Islam.

Pentadbiran Labuan IOFC

Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan (LOFSA) ditubuhkan pada 15 Februari 1996 di bawah Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 sebagai agensi yang bertanggungjawab memaju dan mempromosikan perniagaan luar pesisir di Labuan IOFC. Walau bagaimanapun perkara berkaitan cukai masih diurus oleh Lembaga Hasil Dalam Negeri.

LOFSA telah membentuk strategi serampang dua mata untuk pembangunan Labuan IOFC:

- i. Penubuhan pusat kewangan luar pesisir yang menawarkan produk luar pesisir, terutamanya dalam pasaran perbankan dan kewangan Islam; dan
- ii. Merangka perundangan dan penyeliaan bagi pembangunan industri luar pesisir yang kompetitif serta global.

Dalam melaksanakan strategi ini, LOFSA:

- i. Membentuk objektif nasional, polisi dan keutamaan bagi pembangunan tersusun dan pentadbiran perkhidmatan kewangan luar pesisir di Labuan;
- ii. Mengawal selia aktiviti dan operasi institusi kewangan luar pesisir di Labuan; dan
- iii. Mengawasi aspek pembangunan dan penggalakan IOFC di Labuan.

Perundangan

Perundangan bagi mentadbir aktiviti perniagaan dan pelaburan di IOFC Labuan ialah seperti berikut:

(a) Akta Syarikat Luar Pesisir 1990

Untuk perbadanan, pendaftaran dan pentadbiran syarikat luar pesisir dan syarikat luar pesisir asing.

(b) Akta Syarikat Amanah Labuan 1990

Untuk pendaftaran syarikat amanah di Labuan, mengenai penetapan kuasa dan tugas.

(c) Akta Bank Luar Pesisir 1990

Untuk mengadakan pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan bank luar pesisir.

(d) Akta Insurans Luar Pesisir 1990

Untuk mengadakan pelesenan dan pengawalseliaan orang-orang yang menjalankan perniagaan insurans luar pesisir dan aktiviti berkaitan insurans luar pesisir.

(e) *Akta Cukai Aktiviti Perniagaan Luar Pesisir Labuan 1990*

Untuk pengenaan, penaksiran dan pemungutan cukai ke atas aktiviti perniagaan luar pesisir di atau dari Labuan

(f) *Akta Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996*

Untuk penubuhan LOFSA dan mengenai penetapan kuasa-kuasa dan fungsi-fungsi

(g) *Akta Amanah Luar Pesisir Labuan 1996*

Untuk penubuhan dan pengiktirafan amanah luar pesisir.

(h) *Akta Perkongsian Terhad Luar Pesisir Labuan 1997*

Untuk penubuhan, perundangan dan pembubaran perkongsian terhad luar pesisir.

(i) *Akta Perindustrian Sekuriti Luar Pesisir 1998*

Untuk mengawal industri sekuriti dan penubuhan bursa saham dan penyenaraian

(j) *Lain-lain perundangan yang berkaitan dengan perkhidmatan kewangan di Labuan.*

Sistem Cukai

(a) *Syarikat Luar Pesisir*

Syarikat luar pesisir mesti diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 bagi menjalankan aktiviti perniagaan luar pesisir di atau dari Labuan untuk menikmati kadar cukai istimewa yang diperuntukkan di bawah LOBATA 1990. Definisi syarikat luar pesisir termasuk amanah luar pesisir ditubuhkan di Labuan, perkongsian terhad luar pesisir dan cawangan bank luar pesisir Bank Malaysia.

Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan termasuk perbankan, insurans, perdagangan, operasi petroleum, aktiviti pengurusan, penyewaan dan pemajakan kapal (kapal kosong) bagi

tempoh asas untuk sesuatu tahun taksiran akan dikenakan cukai sebanyak 3% daripada keuntungan bersih yang diaudit atau cukai pada kadar tetap RM20,000, mengikut pilihan oleh syarikat bagi tahun taksiran dan dibayar kepada Lembaga Hasil Dalam Negeri Malaysia.

Syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti bukan perdagangan (aktiviti berkenaan pemegangan saham dalam sekuriti, stok, saham, pinjaman, simpanan, dan harta tak alih kepunyaan sendiri) bagi sesuatu tahun taksiran adalah tidak dikenakan cukai bagi tahun taksiran tersebut. Walau bagaimanapun, syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir dan bukan perdagangan luar pesisir adalah dianggap menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir.

Sebagai tambahan syarikat luar pesisir yang menjalankan aktiviti perdagangan luar pesisir di Labuan terutamanya syarikat-syarikat yang berasal dari negara Islam yang zakat perniagaan bukan cukai perniagaan yang dibayar ke atas keuntungan perniagaan, mereka akan diberi rebat cukai perniagaan bersamaan dengan zakat perniagaan yang dibayar dengan pihak pungutan zakat Labuan, tertakluk kepada 3% daripada keuntungan bersih atau maksimum RM20,000.

(b) *Syarikat Lain Selain Dari Syarikat Luar Pesisir atau Individu Pemastautin dan Bukan Pemastautin*

Syarikat yang beroperasi di Labuan, yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat 1965, tidak diiktiraf sebagai syarikat luar pesisir dan tidak boleh menikmati layanan cukai istimewa di bawah LOBATA. Syarikat ini terus tertakluk kepada Akta Cukai Pendapatan 1967. Insentif cukai di bawah LOBATA juga tidak boleh dinikmati oleh syarikat yang menjalankan aktiviti perindustrian dan/atau perkilangan tetapi mereka boleh memohon insentif di bawah Akta Penggalakan Pelaburan 1986. Individu-individu

pemastautin dan bukan pemastautin akan dicukai di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967.

(c) *Layanan Cukai Istimewa Di bawah Akta Cukai Pendapatan 1967 dan Akta Setem 1949*

i. Layanan ke Atas Dividen

Dividen yang diterima oleh sesebuah syarikat luar pesisir dikecualikan dari cukai pendapatan dan tiada pulangan balik atau larasan diberikan untuk tujuan potongan cukai bagi dividen tersebut. Dividen daripada pendapatan aktiviti perniagaan luar pesisir atau daripada pendapatan yang dikecualikan yang dibayar oleh syarikat luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan kepada penerimanya. Dividen seperti ini akan dibayar tanpa sebarang potongan cukai.

ii. Layanan Cukai ke Atas Pengagihan oleh Syarikat Amanah Luar Pesisir

Pengagihan yang dibuat oleh syarikat amanah luar pesisir adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan ke atas penerimanya.

iii. Layanan Cukai ke atas Royalti

Royalti yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada individu yang bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir yang lain adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan dan dengan itu dikecualikan daripada cukai pegangan.

iv. Layanan Cukai ke atas Faedah

Faedah yang dibayar oleh sesebuah syarikat luar pesisir kepada individu bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir yang lain adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan. Walau bagaimanapun, di mana faedah itu dibayar kepada bank, syarikat kewangan atau perniagaan insurans yang dijalankan oleh individu bukan

pemastautin di Malaysia, faedah tersebut dikenakan cukai pendapatan sebagai sebahagian daripada pendapatan perniagaan. Faedah yang dibayar oleh syarikat luar pesisir kepada seseorang pemastautin, selain daripada individu yang menjalankan perbankan, syarikat kewangan atau perniagaan insurans di Malaysia adalah tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

v. Layanan Cukai ke atas Bayaran Teknikal atau Pengurusan

Bayaran teknikal atau pengurusan yang dibayar oleh sesebuah syarikat luar pesisir kepada individu bukan pemastautin atau syarikat luar pesisir lain tidak tertakluk kepada cukai pendapatan.

vi. Pengecualian daripada Duti Setem

Semua suratcara yang dibuat berkaitan dengan aktiviti perniagaan luar pesisir, pemindahan saham dan Memorandum dan Perkara Persatuan suatu syarikat luar pesisir Labuan adalah dikecualikan dari duti setem di bawah Akta Setem 1949.

vii. Pengecualian Cukai atas Penggajian

Pendapatan kasar penggajian yang diperoleh individu bukan warganegara daripada pekerjaannya dalam bidang pengurusan di syarikat luar pesisir di Labuan, dan pengawal amanah bukan warganegara yang bekerja di syarikat amanah, sehingga satu jumlah bersamaan 50% daripada pendapatan tersebut sehingga tahun taksiran 2005.

viii. Pengecualian Cukai ke atas Bayaran Pengarah Bukan Warganegara Syarikat Luar Pesisir

Bayaran pengarah yang diterima oleh pengarah bukan warganegara dikecualikan cukai sehingga 100% bagi tahun taksiran 2002 sehingga 2006.

XI. DASAR PENTADBIRAN PERTUKARAN ASING

Peraturan pentadbiran pertukaran asing di Malaysia bertujuan untuk menyediakan satu rangka kerja yang sesuai bagi mempengaruhi aliran modal dan memudahkan pengurusan risiko mata wang bagi menggalakkan kestabilan kewangan dan ekonomi negara. Berkuat kuasa pada 1 April 2005, Bank Negara Malaysia telah mengumumkan lebih kelonggaran yang bertujuan untuk mengurangkan kos pengendalian perniagaan, memperbaiki sistem penghantaran pengawalseliaan serta menggalakkan aktiviti pengurusan risiko yang lebih baik oleh pemastautin dan bukan pemastautin untuk membangunkan lagi pasaran pertukaran asing tempatan untuk menggalakkan kestabilan dalam sistem kewangan dan ekonomi negara.

Untuk tujuan pentadbiran pertukaran asing, definisi pemastautin dan bukan pemastautin adalah seperti berikut:

Pemastautin terdiri daripada:

- (a) Rakyat Malaysia (tidak termasuk seseorang yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap di luar negara dan tinggal di luar negara).
- (b) Seorang yang bukan rakyat Malaysia tetapi telah memperoleh taraf pemastautin tetap di Malaysia dan tinggal secara tetap di Malaysia.
- (c) Perseorangan, diperbadankan atau tidak diperbadankan, yang telah didaftarkan atau dibenarkan oleh sebarang pihak berkuasa di Malaysia.

Bukan pemastautin terdiri daripada:

- (a) Perseorangan yang bukan pemastautin.
- (b) Cawangan luar negara, subsidiari luar negara dan pejabat rantau, pejabat jualan atau pejabat perwakilan syarikat pemastautin di luar negara.
- (c) Kedutaan, Konsulat, Suruhanjaya Tinggi dan organisasi supranasional atau antarabangsa yang diperakui oleh Kerajaan Malaysia

- (d) Rakyat Malaysia yang telah memperoleh taraf pemastautin tetap di luar negara dan tinggal secara tetap di luar negara

1. Urus Niaga Akaun Semasa

- (a) *Pembayaran untuk Import Barangan dan Perkhidmatan*

Tidak ada sekatan ke atas pembayaran kepada bukan pemastautin untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan. Pembayaran sedemikian mestilah dibuat dalam mata wang asing kecuali mata wang Israel (Mata Wang Terhad).

Tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin untuk mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank perdagangan dan bank Islam berlesen tempatan (bank berlesen tempatan) atau bank saudagar yang diluluskan untuk membeli mata wang asing dengan ringgit bagi membuat pembayaran import daripada bukan pemastautin.

- (b) *Perolehan daripada Eksport Barangan (Perolehan Eksport)*

Semua perolehan eksport mestilah dihantar balik ke Malaysia mengikut jadual pembayaran seperti yang tercatat dalam kontrak jualan dan tempoh bayaran tersebut tidak boleh melebihi enam bulan dari tarikh eksport.

Perolehan eksport mesti diterima dalam mata wang asing dan ditukar kepada ringgit atau disimpan dalam akaun eksport mata wang asing (FCA) dengan bank berlesen tempatan. Tiada had dikenakan ke atas jumlah dana yang boleh disimpan dalam FCA.

Pemastautin boleh mengikat kontrak tukaran hadapan dengan bank berlesen tempatan untuk menjual mata wang asing daripada perolehan eksport untuk ringgit atau mata wang asing yang lain, tertakluk kepada tempoh matang kontrak hadapan tersebut tidak melebihi enam bulan selepas tarikh eksport yang dijangkakan.

Hanya pengeksporn pemastautin dengan jumlah kasar eksport melebihi bersamaan RM50 juta setahun perlu mengemukakan laporan suku tahunan kepada Pengawal Pertukaran Wang Asing (Pengawal).

(c) Import dan Eksport Mata Wang oleh Pengembara

i. Pengembara Pemastautin

Pengembara pemastautin dibenarkan untuk mengimport atau mengeksport wang kertas ringgit sehingga RM1,000 termasuk wang kertas ringgit RM1,000 dan RM500 yang telah dinyahnilaikan dan untuk mengeksport wang kertas mata wang asing, termasuk cek kembara, sehingga nilai bersamaan RM10,000. Pengembara pemastautin juga dibenarkan membawa ke dalam Malaysia wang kertas mata wang asing tanpa had. Kebenaran daripada Pengawal perlu diperolehi terlebih dahulu dan pengisytiharan di dalam Borang Perisytiharan Pengembara perlu dilakukan apabila membawa ke dalam atau ke luar negeri, wang kertas ringgit melebihi RM1,000 atau, Membawa ke luar negeri, wang kertas mata wang asing, termasuk cek kembara, melebihi nilai bersamaan RM10,000. Kebenaran boleh diberi dalam tempoh satu hari dari tarikh permohonan.

ii. Pengembara Bukan Pemastautin

Tidak ada sekatan dikenakan ke atas bukan pemastautin untuk membawa masuk ke dalam negara sebarang amaun wang kertas mata wang asing dan/atau cek kembara. Pengisytiharan di dalam Kad Keluar/Masuk (IMM.26) yang dikeluarkan oleh Jabatan Imigresen hanya diperlukan untuk amaun melebihi nilai bersamaan USD2,500.

Bukan pemastautin perlu memperoleh kebenaran daripada Pengawal sekiranya jumlah wang kertas mata

wang asing yang dibawa ke luar negara melebihi jumlah yang dibawa masuk ke dalam Malaysia, tertakluk kepada jumlah yang dibawa ke luar negara melebihi jumlah bersamaan USD2,500.

Bukan pemastautin dikehendaki memperoleh kebenaran daripada Pengawal dan mengisytiharkan jumlah wang kertas ringgit melebihi RM1,000 yang dibawa ke dalam atau ke luar Malaysia.

2. Urus Niaga Akaun Modal

(a) Pelaburan Asing di Malaysia oleh Bukan Pemastautin

Tiada sekatan ke atas ke atas penghantaran balik modal, keuntungan, dividen, faedah dan pendapatan sewa oleh pelabur langsung asing atau pelabur portfolio.

Aset ringgit yang dibeli oleh pemastautin daripada bukan pemastautin boleh diselesaikan dalam mata wang ringgit atau mata wang asing selain daripada Mata Wang Terhad. Walau bagaimanapun, semua penghantaran balik ke luar negara mesti dibuat dalam mata wang asing selain daripada Mata Wang Terhad.

(b) Pelaburan Luar Negara oleh Pemastautin

Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan dibenarkan melabur ke luar negara selagi mereka mematuhi Akta Bank dan Institusi-institusi Kewangan 1989 atau Akta Bank Islam 1983 serta had kedudukan terbuka bersih mata wang asing yang diluluskan masing-masing. Pengiriman untuk pelaburan luar negeri mestilah dibuat dalam mata wang asing selain daripada Mata Wang Terhad.

Sebuah syarikat atau seorang individu pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit adalah bebas untuk melabur ke luar negara. Pelaburan tersebut boleh dibuat melalui pertukaran ringgit kepada mata

wang asing atau daripada dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negara.

Pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit juga bebas melabur ke luar negara dengan menggunakan dana mata wang asing yang disimpan di dalam atau di luar negara. Selain itu, pemastautin juga dibenarkan untuk menukar ringgit kepada mata wang asing sehingga had-had berikut untuk pelaburan luar negara, termasuk pemberian pinjaman dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin:

- i. Sehingga RM10 juta bagi setiap tahun kalendar oleh syarikat berdasarkan kumpulan korporat; dan
- ii. Sehingga RM100,000 bagi setiap tahun kalendar oleh individu.

Untuk syarikat yang menukar ringgit bagi pelaburan luar negara, syarikat tersebut mestilah mempunyai dana pemegang saham minimum berjumlah RM100,000 dan beroperasi sekurang-kurangnya selama satu tahun.

Individu boleh menukar ringgit kepada mata wang asing sehingga amaun yang diperlukan untuk pelaburan di dalam sekuriti mata wang asing di bawah Skim Opsyen/Belian Saham Pekerja yang ditawarkan oleh syarikat induk majikannya atau syarikat berkaitan di luar negara.

Pemastautin dibenarkan untuk membiayai pelaburan luar negaranya dengan kemudahan kredit dalam mata wang asing secara agregat sehingga jumlah bersamaan RM10 juta.

Semua pembayaran untuk pelaburan luar negara yang melebihi bersamaan RM50,000 patut didaftarkan dengan Pengawal sekurang-kurangnya tujuh hari bekerja sebelum pembayaran tersebut dapat dibuat. Pemastautin, selain daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan, dikehendaki memperoleh kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal bagi menghantar dana

yang melebihi had-had seperti yang tersebut di atas untuk tujuan pelaburan luar negara.

Pertimbangan ke atas permohonan akan diberi berdasarkan kriteria yang telus, iaitu:

- i. Pelaburan dilaksanakan untuk mendapatkan laluan pasaran dan pelaburan tersebut akan menggunakan input dari Malaysia (bahan mentah, bahagian, komponen);
- ii. Pelaburan tersebut akan membantu mengeksport barangan dan perkhidmatan dari Malaysia;
- iii. Pelaburan tersebut akan menyebabkan pemindahan teknologi ke Malaysia;
- iv. Pelaburan tersebut akan menawarkan input yang diperlukan oleh syarikat pemastautin; atau
- v. Pelaburan tersebut adalah sinergi terhadap perniagaan teras syarikat pelabur.

Selain itu, institusi-institusi tempatan pemastautin juga dibenarkan membuat pelaburan luar negara seperti berikut:

- i. Syarikat pengurusan unit saham amanah - Sebuah syarikat pengurusan unit saham amanah boleh melabur ke luar negara sehingga:
 - Jumlah keseluruhan Nilai Bersih Aset (NAV) bagi dana yang dilanggan oleh bukan pemastautin; dan
 - 30% daripada NAV bagi dana yang dilanggan oleh pemastautin.

Dana-dana berlainan daripada syarikat pengurusan unit saham amanah yang sama atau dana daripada syarikat yang berbeza boleh digabungkan untuk mendapatkan manfaat ekonomi berskala apabila melabur ke luar negara. Pelaburan-pelaburan tersebut adalah tertakluk kepada garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

ii. Syarikat pengurusan aset/dana - Pengurus aset/dana boleh melabur ke luar negara sehingga:

- Jumlah keseluruhan daripada pelaburan oleh pelanggan bukan pemastautin;
- Jumlah keseluruhan daripada pelaburan oleh pelanggan pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit; dan
- 30% daripada pelaburan pelanggan pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit.

Dana-dana berlainan oleh pelanggan berlainan atau syarikat yang berlainan boleh digabungkan untuk mendapatkan manfaat ekonomi berskala apabila melabur ke luar negara. Pelaburan-pelaburan tersebut patut sejajar dengan mandat pelanggan dan mematuhi garis panduan Suruhanjaya Sekuriti.

iii. Syarikat insurans dan pengendali takaful

Syarikat insurans boleh melabur ke luar negara sehingga 5% daripada Margin Kesolvenan (MOS) dan pengendali takaful boleh melabur sehingga 5% daripada jumlah aset.

Sebagai tambahan, syarikat insurans atau pengendali takaful boleh melabur sehingga 30% daripada NAV dana yang berkaitan dengan pelaburan yang dipasarkan mereka. Pelaburan-pelaburan ini perlu mematuhi garis panduan dan peraturan yang dikeluarkan oleh Bank Negara Malaysia.

(c) *Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing daripada Bukan Pemastautin*

Pemastautin boleh memperoleh sebarang amaun kemudahan pembiayaan perdagangan dalam mata wang asing daripada bank berlesen tempatan.

Syarikat pemastautin boleh memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM50 juta secara agregat berdasarkan kumpulan korporat daripada bank berlesen tempatan, bank saudagar berlesen dan bukan pemastautin.

Individu pemastautin boleh memperoleh kemudahan kredit dalam mata wang asing sehingga jumlah bersamaan RM10 juta secara agregat daripada bank berlesen tempatan, bank saudagar berlesen dan bukan pemastautin.

Sebarang pinjaman yang melebihi had tersebut di atas perlu mendapat kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal. Sekiranya jumlah agregat melebihi bersamaan RM1 juta sehingga had yang dibenarkan, pemastautin (syarikat atau individu) perlu mendaftarkan kemudahan kredit dengan Pengawal sebelum mengeluarkan dana kemudahan kredit tersebut.

Pemastautin boleh menggunakan sehingga bersamaan RM10 juta secara agregat kemudahan kredit dalam mata wang asing untuk membiayai aktiviti pelaburan luar negara.

Tiada sekatan dikenakan ke atas pembayaran balik atau prabayaran kemudahan kredit yang diperoleh daripada bukan pemastautin selagi kemudahan kredit tersebut diperoleh mengikut peraturan pentadbiran pertukaran asing yang berkaitan. Peminjam pemastautin perlu mendaftarkan dengan Pengawal sebarang cadangan untuk membuat prabayaran kemudahan kredit dalam mata wang asing yang berjumlah bersamaan atau melebihi USD10 juta sebelum membuat prabayaran tersebut.

(d) *Kemudahan Kredit dalam Ringgit daripada Bukan Pemastautin*

Pemastautin perlu memohon kebenaran terlebih dahulu daripada Pengawal untuk memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit dalam ringgit daripada bukan

pemastautin, termasuk daripada pemegang saham dan pengarah syarikat bukan pemastautin.

(e) Kemudahan Kredit kepada Bukan Pemastautin

i. Kemudahan Kredit dalam Mata Wang Asing

Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin untuk sebarang tujuan. Walau bagaimanapun, kemudahan kredit untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tidak alih di Malaysia adalah tertakluk kepada syarat-syarat yang sama dengan kemudahan kredit dalam ringgit seperti di bawah.

Sebuah syarikat atau seorang individu pemastautin yang tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin. Pemberian kemudahan kredit boleh dibuat melalui penukaran ringgit kepada mata wang asing atau daripada dana mata wang asing yang disimpan di dalam akaun mata wang asing di Malaysia atau luar negara.

Sebuah syarikat atau seorang individu pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada bukan pemastautin, tertakluk kepada had-had yang dibenarkan untuk pelaburan luar negara oleh pemastautin.

ii. Kemudahan Kredit dalam Ringgit

Pemastautin bukan bank boleh memberi kemudahan kredit dalam ringgit yang tidak melebihi RM10,000 secara agregat kepada bukan pemastautin.

Syarikat-syarikat broker saham pemastautin boleh memberi kemudahan pembiayaan margin kepada pelanggan-pelanggan bukan pemastautinnya untuk pembelian saham-saham yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan syarat bahawa peraturan-peraturan yang ditetapkan oleh Bursa Malaysia adalah dipatuhi.

Bank berlesen tempatan boleh memberi kemudahan pembiayaan overdraf tertakluk kepada had harian dan semalaman dalam ringgit tidak melebihi jumlah agregat RM200 juta kepada syarikat broker saham bukan pemastautin dan bank kustodian bukan pemastautin. Kemudahan ini adalah hanya untuk membiayai jurang masa pendanaan untuk penyelesaian pembelian sekuriti di Bursa Malaysia yang disebabkan oleh kesilapan teknikal atau yang tidak dijangkakan/dielakkan, atau kelewatan kerana zon masa yang berlainan.

Syarikat insurans pemastautin boleh memberi pinjaman polisi dalam mata wang ringgit kepada pemegang polisi bukan pemastautin untuk amaun yang tidak melebihi nilai serahan tunai polisi pada setiap masa dan tidak boleh melebihi tempoh polisi tersebut.

Pemastautin, bank atau bukan bank, boleh memberi kemudahan kredit dalam ringgit sehingga tiga pinjaman harta tidak alih kepada bukan pemastautin untuk membiayai atau membiayai semula pembelian atau pembinaan hartanah di Malaysia (tidak termasuk pembelian tanah sahaja), tertakluk kepada panduan penilaian kredit dalaman masing-masing. Semua pembelian harta tidak alih adalah tertakluk kepada garis panduan yang ditetapkan oleh Jawatankuasa Pelaburan Asing (FIC). Maklumat lanjut mengenai garis panduan tersebut boleh diperoleh di <http://www.epu.jpm.my>.

Selain itu, institusi perbankan boleh memberi kemudahan kredit dalam mata wang ringgit sehingga had agregat RM10 juta kepada bukan pemastautin (tidak termasuk syarikat broker saham, bank kustodian dan bank koresponden) bagi sebarang tujuan untuk kegunaan di Malaysia, selain daripada untuk membiayai pembelian atau pembinaan harta tanah. Kemudahan kredit yang tersebut di atas adalah sebagai tambahan kepada kemudahan kredit yang dibenarkan untuk pembelian sebuah kenderaan kegunaan sendiri.

Kebenaran perlu diperoleh terlebih dahulu daripada Pengawal bagi pemberian kemudahan kredit yang melebihi had-had tersebut di atas.

iii. Kontrak Tukaran Hadapan

- Kontrak Tukaran Hadapan dengan Pemastautin

Bank berlesen tempatan dan bank saudagar yang diluluskan boleh mengikat kontrak tukaran hadapan mata wang asing (kontrak hadapan) dengan pemastautin untuk membeli atau menjual mata wang asing untuk ringgit atau mata wang asing yang lain seperti berikut:

- Sebarang pembayaran atau penerimaan untuk import atau eksport barangan dan perkhidmatan serta pendapatan berdasarkan komitmen yang sah atau berdasarkan jangkaan (tertakluk kepada amaun yang telah dibayar atau diterima dalam tempoh masa 12 bulan sebelumnya);
- Melindung nilai pendedahan mata wang asing bagi pelaburan luar negara yang dibenarkan, termasuk

pemberian kemudahan kredit kepada bukan pemastautin;

- Sebarang aliran masuk atau keluar dana modal yang terikat, termasuk pengeluaran kemudahan kredit mata wang asing yang dibenarkan, pembayaran balik kemudahan kredit mata wang asing sehingga amaun yang perlu dibayar untuk tempoh 24 bulan yang berikut serta pelaburan luar negara yang dibenarkan selain daripada penempatan dana dalam akaun mata wang asing.

Tarikh matang bagi kontrak hadapan sepatutnya adalah tarikh penerimaan atau pembayaran yang dijangka untuk urus niaga asas. Untuk pembelian hadapan perolehan eksport, tarikh matang kontrak hadapan sepatutnya tidak melebihi tempoh enam (6) bulan selepas tarikh jangkaan eksport. Sekiranya dana mata wang asing diterima terlebih dahulu dari tarikh matang kontrak hadapan, pemastautin boleh menyimpan dana tersebut di dalam akaun mata wang asing sementara menunggu tarikh matang kontrak hadapan tersebut.

Untuk kontrak hadapan yang melibatkan dua mata wang asing, kegunaan dan penyimpanan mata wang asing yang dibeli mestilah mematuhi peraturan-peraturan pentadbiran pertukaran asing semasa.

Bank berlesen tempatan, bank saudagar yang diluluskan dan bank berlesen luar pesisir di Labuan adalah dibenarkan untuk mengikat swap kadar faedah mata wang asing dengan pemastautin tertakluk kepada syarat bahawa urus niaga tersebut disokong oleh komitmen yang sah.

- Kontrak Hadapan dengan Bukan Pemastautin

Bank berlesen tempatan boleh mengikat kontrak hadapan dengan bukan pemastautin untuk membeli atau menjual mata wang asing untuk mata wang asing yang lain bagi sebarang tujuan.

Bank berlesen tempatan juga boleh mengikat kontrak hadapan dengan bukan pemastautin untuk membeli atau menjual mata wang asing untuk ringgit tertakluk kepada syarat bahawa pembayaran tersebut boleh dibuat dalam ringgit dan urus niaga tersebut adalah disokong oleh komitmen yang sah. Walau bagaimanapun, perlindungan nilai untuk urus niaga yang melibatkan aset-aset ringgit berikut adalah tidak dibenarkan:

- Dana dalam Akaun Luaran, termasuk akaun simpanan tetap;
- Deposit instrumen boleh niaga;
- Derivatif pasaran atas kaunter dan produk berstruktur yang menyamai pemberian atau perolehan pinjaman dalam ringgit antara pemastautin dengan bukan pemastautin; dan
- Aset ringgit yang dibeli sebelum 1 April 2005.

Tarikh matang kontrak hadapan sepatutnya tarikh pembayaran atau penerimaan yang dijangka untuk urus niaga asas. Amaun kontrak hadapan tidak patut melebihi jumlah bayaran atau penerimaan yang dijangka untuk urus niaga asas.

3. Kemudahan Kredit dalam Ringgit kepada Syarikat yang dikuasai oleh Bukan Pemastautin

Syarikat yang dikuasai oleh bukan pemastautin (NRCC) adalah syarikat pemastautin. Berkuat kuasa 1 April 2005, tidak ada sekatan dikenakan ke atas pemastautin untuk memberi kemudahan kredit dalam ringgit kepada NRCC.

4. Terbitan Sekuriti Hutang Swasta dalam Ringgit

Tidak ada sekatan dikenakan ke atas syarikat pemastautin untuk memperoleh kemudahan kredit tempatan melalui penerbitan sekuriti hutang swasta dalam ringgit tanpa mengira jumlah, tertakluk kepada syarat bahawa tidak melebihi RM10 juta secara agregat digunakan untuk pelaburan luar negara dalam satu tahun kalendar.

Malaysia membenarkan Bank Pembangunan Pelbagai Hala (MDB) dan syarikat multinasional asing (MNC) untuk menerbitkan bon dalam ringgit di Malaysia. Permohonan untuk penerbitan bon dalam mata wang ringgit di Malaysia oleh MDB dan MNC akan dipertimbangkan berdasarkan merit setiap kes. Nota maklumat berkenaan dengan permohonan boleh diperoleh daripada laman web <http://www.bnm.gov.my/fxadmin>.

5. Akaun Mata Wang Asing Pemastautin

Sebuah syarikat atau seorang individu yang mempunyai atau tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit adalah bebas untuk membuka akaun mata wang asing dengan mana-mana bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan atau bank di luar negara untuk menyimpan sebarang amaun penerimaan mata wang asing, selain daripada penerimaan perolehan eksport barangan dari Malaysia.

Pengeksport pemastautin boleh membuka akaun mata wang asing dengan bank berlesen tempatan untuk menyimpan sebarang amaun penerimaan perolehan eksport mata wang asing. Pengeksport juga bebas menggabungkan akaun mata wang asing eksport dan bukan eksportnya di Malaysia.

Sejajar dengan peraturan pelaburan luar negara, pemastautin boleh menukar ringgit kepada mata wang asing dan dikreditkan ke dalam akaun mata wang asing mereka tertakluk kepada jumlah yang dibenarkan untuk pelaburan ke luar negara oleh pemastautin.

Individu pemastautin yang mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit juga dibenarkan membuka akaun mata wang asing semata-mata bagi tujuan membiayai pelajaran dan pekerjaan di luar negara sehingga had agregat semalaman berikut:

- (a) USD150,000 dengan bank berlesen tempatan;
- (b) USD150,000 dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan; dan
- (c) USD50,000 dengan bank-bank luar negara.

Sebuah syarikat yang menyelenggara akaun mata wang asing dengan bank berlesen luar pesisir di Labuan atau bank di luar negara dikehendaki mengemukakan penyata bulanan elaun luar negara (Statement OA) kepada Pengawal.

6. Akaun Mata Wang Asing Bukan Pemastautin

Bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen dibenarkan untuk membuka akaun mata wang asing (FCA) untuk bukan pemastautin. Tidak ada had dikenakan ke atas (FCA) yang diselenggarakan oleh bukan pemastautin dan tidak ada sekatan dikenakan atas kemasukan dan pengeluaran dana melalui akaun mata wang asing yang dimiliki bukan pemastautin.

7. Akaun Luaran Bukan Pemastautin

Institusi kewangan pemastautin boleh membuka akaun dalam ringgit yang dikenali sebagai Akaun Luaran untuk bukan pemastautin. Tidak ada had semalaman dikenakan ke atas Akaun Luaran. Bukan pemastautin boleh mengeluarkan sebarang jumlah ringgit secara tunai daripada Akaun Luaran. Tidak ada sekatan dikenakan ke atas amaun yang boleh ditukar daripada ringgit kepada mata wang asing atau sebaliknya oleh pemegang akaun bukan pemastautin dengan bank berlesen tempatan.

Bukan pemastautin boleh menggunakan dana ringgit di dalam Akaun Luaran untuk tujuan berikut:

- (a) Membeli mata wang asing kecuali Mata Wang Terhad;
- (b) Membeli aset ringgit di Malaysia;
- (c) Bayaran untuk pembelian barang-barang dan perkhidmatan untuk kegunaan sendiri di Malaysia;
- (d) Bayaran untuk perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia;
- (e) Bayaran untuk jaminan bukan kewangan (pemegang Akaun Luaran membuat bayaran ke atas jaminan bukan kewangan yang dipanggil);
- (f) Pemberian pinjaman dalam ringgit kepada pekerja di Malaysia, mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;
- (g) Bayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang telah dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka; dan
- (h) Bayaran kepada penerima pemastautin bagi sebarang tujuan kecuali yang berikut:
 - i. Bayaran untuk pengimportan barangan dan perkhidmatan;
 - ii. Pemberian kemudahan kredit dalam ringgit kepada pemastautin selain daripada kemudahan kredit yang dibenarkan oleh Pengawal;
 - iii. Bayaran penyelesaian jaminan kewangan; dan
 - iv. Bayaran bagi pihak ketiga.

Sumber dana bagi Akaun Luaran Ringgit tersebut boleh diperoleh daripada:

- (a) Penjualan mata wang asing kecuali Mata Wang Terhad;
- (b) Penjualan aset ringgit;
- (c) Semua pendapatan dari Malaysia termasuk gaji, upah, royalti, komisen, yuran, sewa, faedah, keuntungan atau dividen;

- (d) Dana daripada kemudahan kredit ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;
- (e) Dana daripada pembayaran balik kemudahan kredit dalam ringgit yang dibenarkan oleh Pengawal atau mengikut terma-terma dan syarat-syarat perkhidmatan mereka;
- (f) Pemindahan dana daripada:
 - i. Akaun Luaran lain kepunyaan pemegang akaun yang sama tanpa had; dan
 - ii. Akaun Luaran lain dan/atau Akaun Pemastautin pemegang akaun yang berlainan melalui:
 - Pemindahan Mesin Teler Automatik sehingga RM5,000 bagi individu atau syarikat, sehari, setiap bank untuk sebarang tujuan; dan
 - Pemindahan bank melalui internet sehingga RM5,000 bagi individu atau syarikat, sehari, setiap bank untuk sebarang tujuan.
- (g) Deposit tunai ringgit yang tidak melebihi jumlah agregat RM10,000 sehari; dan
- (h) Deposit cek bernilai tidak melebihi RM5,000 setiap cek untuk sebarang tujuan.

Dana ringgit dalam Akaun Luaran boleh ditukar kepada mata wang asing dan dihantar balik atau digunakan di Malaysia untuk tujuan yang dibenarkan. Tidak ada sekatan dikenakan ke atas operasi Akaun Luaran bukan pemastautin yang bekerja atau belajar di Malaysia (termasuk pasangan, anak dan ibu bapa bukan pemastautin tersebut yang sedang menetap di Malaysia), bank pusat, kedutaan, konsulat, suruhanjaya tinggi, organisasi supranasional atau antarabangsa yang diiktiraf oleh Kerajaan Malaysia. Individu atau organisasi yang tersebut di atas boleh menggunakan Akaun Luaran untuk sebarang tujuan termasuk tujuan yang dibenarkan seperti di atas.

8. Taraf Istimewa yang Diberikan kepada Syarikat-syarikat Terpilih

(a) *Entiti luar pesisir di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan*

Entiti yang diperbadankan atau didaftarkan di bawah Akta Syarikat Luar Pesisir 1990 di Pusat Kewangan Antarabangsa Luar Pesisir Labuan (Labuan IOFC) adalah diisytiharkan sebagai bukan pemastautin bagi tujuan pentadbiran pertukaran asing.

Entiti luar pesisir di Labuan boleh membeli atau menjual mata wang asing (selain daripada Mata Wang Terhad) untuk mata wang asing yang lain secara *spot* atau mengikat kontrak hadapan dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir (tidak termasuk bank pelaburan berlesen luar pesisir) di Labuan serta bukan pemastautin di luar Malaysia. Mereka juga dibenarkan untuk membeli dan menjual mata wang asing (kecuali Mata Wang Terhad) untuk ringgit dengan bank berlesen tempatan untuk tujuan yang dibenarkan.

Semua entiti luar pesisir boleh menyelenggarakan Akaun Luaran dengan bank pemastautin bagi memudahkan pembayaran perbelanjaan pentadbiran dan berkanun di Malaysia.

Entiti insurans luar pesisir di Labuan boleh menggunakan Akaun Luaran mereka untuk penerimaan premium penginsuran semula dan membuat pembayaran tuntutan daripada perniagaan penginsuran semula perniagaan insurans tempatan.

Bank berlesen luar pesisir di Labuan boleh menerima pembayaran dalam ringgit daripada pemastautin yang merupakan hasil daripada yuran, komisen, dividen, atau faedah daripada dana simpanan dengan institusi kewangan tempatan.

Bank berlesen luar pesisir di Labuan boleh melabur dalam aset atau instrumen ringgit di Malaysia untuk akaun mereka sendiri, tertakluk kepada syarat bahawa pelaburan mestilah dilakukan secara langsung

dengan institusi perbankan atau broker pemastautin Pelaburan tersebut tidak boleh dibiayai dengan pinjaman ringgit.

(b) *Syarikat MSC*

Syarikat yang beroperasi di MSC dan diperbadankan sebagai entiti sah secara berasingan, dikecualikan daripada peraturan pentadbiran pertukaran asing apabila mereka diberi taraf MSC oleh Perbadanan Pembangunan Multimedia. Pengecualian ini hanya untuk urusan niaga yang dilakukan bagi urusan syarikat bertaraf MSC itu sendiri. Walau bagaimanapun, kebenaran terlebih dahulu perlu diperolehi sebelum syarikat ini berurusan dengan orang terhad atau mata wang negara terhad. Di samping itu, syarikat MSC juga dikehendaki mengemukakan borang/laporan/penyata statistik bagi tujuan pemantauan.

(c) *OHQ yang diluluskan dibenarkan:*

- i. membuka akaun mata wang asing (FCA) dengan bank berlesen tempatan bagi menyimpan sebarang amaun perolehan eksport dalam mata wang asing;
- ii. membuka akaun mata wang asing (FCA) dengan bank berlesen tempatan, bank berlesen luar pesisir di Labuan atau bank di luar negara untuk tujuan menyimpan penerimaan dalam mata wang asing, selain daripada perolehan eksport, tanpa sebarang sekatan ke atas had semalaman;
- iii. memperoleh sebarang amaun kemudahan kredit dalam ringgit;
- iv. memperoleh sebarang jumlah kemudahan kredit dalam mata wang asing daripada bank berlesen tempatan dan bank saudagar berlesen di Malaysia dan daripada bukan pemastautin dengan syarat OHQ tidak meminjamkan semula kepada atau memperoleh dana itu bagi pihak pemastautin; dan

- iv. melabur ke luar negara sebarang amaun, termasuk pemberian kemudahan kredit dalam mata wang asing kepada syarikat berkaitannya di luar negara, dibiayai menggunakan dana mata wang asing atau kemudahan kredit mata wang asing. OHQ juga boleh menukar sebarang amaun ringgit untuk pelaburan luar negara sekiranya OHQ tersebut tidak mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit, atau sehingga bersamaan RM10 juta daripada penukaran ringgit kepada mata wang asing bagi setiap tahun kalendar jika OHQ tersebut mempunyai kemudahan kredit tempatan dalam ringgit.

XII. PERLINDUNGAN HARTA INTELEK

Harta intelek di Malaysia terdiri daripada paten, cap dagangan, reka bentuk perindustrian dan hak cipta, reka bentuk susun atur litar bersepadu dan petunjuk geografi. Malaysia memberi perlindungan harta intelek yang mencukupi kepada pelabur tempatan dan asing. Malaysia adalah ahli *World Intellectual Property Organisation* (WIPO) dan menjadi penandatangan kepada dua konvensyen di bawah badan dunia tersebut iaitu Konvensyen Paris (untuk perlindungan harta industri - paten, cap dagangan dan reka bentuk perindustrian) dan Konvensyen Berne (untuk perlindungan hakcipta).

Malaysia juga menjadi penandatangan kepada perjanjian *Trade-Related Aspects of Intellectual Property Rights* (TRIPS), sebuah perjanjian di bawah naungan *World Trade Organisation* (WTO). Oleh yang demikian, undang-undang dan peraturan berkaitan perlindungan harta intelek diwujudkan selari dengan piawaian antarabangsa bagi melindungi pelabur tempatan dan asing.

1. Paten

Perlindungan paten di Malaysia diperuntukkan di bawah Akta Paten 1983 dan Peraturan-Peraturan Paten 1986. Sesuatu permohonan paten boleh dibuat di Malaysia dan selepas pendaftaran, perlindungan akan diberikan kepada

pemiliknya untuk mengeksploitasi paten tersebut di negara ini. Sesuatu reka cipta boleh dipatenkan jika ianya baru, melibatkan langkah merekacipta dan boleh digunakan untuk perindustrian.

Akta ini memberi perlindungan paten bagi jangka masa 15 tahun dari tarikh pemberiannya, dengan syarat ianya diperbaharui tiap-tiap tahun. Bagi memenuhi keperluan perjanjian TRIPS, Akta Paten ini telah dipinda bagi memanjangkan tempoh perlindungan kepada 20 tahun dari tarikh mula memfailkan permohonan.

Sijil inovasi utiliti (inovasi kecil) akan dilindungi selama 10 tahun dari tarikh pemfailan dan boleh diperbaharui untuk tempoh maksimum selama 10 tahun. Pemilik paten mempunyai hak eksklusif untuk mengeksploitasikan rekacipta yang dipatenkan, menyerahhak atau melesenkan penggunaan sesuatu paten.

2. Cap Dagang

Pelindungan cap dagangan di Malaysia diperuntukkan di bawah Akta Cap Dagangan 1976 dan Peraturan-Peraturan Cap Dagangan 1997 yang memperuntukkan perlindungan yang mencukupi kepada cap dagangan yang berdaftar di Malaysia. Sekiranya cap dagangan telah didaftarkan, tiada sesiapa atau syarikat selain pemiliknya atau pengguna yang telah dilesenkan boleh menggunakannya. Sekiranya pelanggaran berlaku tindakan undang-undang boleh diambil terhadap mereka.

Jangka masa perlindungan cap dagangan ialah 10 tahun dan ianya boleh diperbaharui tiap-tiap 10 tahun. Pemilik cap dagangan mempunyai hak untuk menyerahhak dan melesenkan penggunaan sesuatu cap dagangan.

Mengikut keperluan TRIPS peruntukan untuk menghalang pendaftaran cap dagangan yang ternama oleh orang-orang yang tidak mendapat kebenaran dan peruntukan untuk menghalang kemasukan cap dagang palsu ke Malaysia disediakan bagi mewujudkan persekitaran perniagaan yang kondusif di Malaysia. Pemohon tempatan boleh memfailkan permohonan mereka sendiri, sementara pemohon asing dikehendaki memfailkan permohonan melalui ejen.

3. Reka Bentuk Perindustrian

Perlindungan reka bentuk perindustrian diperuntukkan di bawah Akta Reka Bentuk Perindustrian 1996 dan Peraturan-Peraturan Reka Bentuk Perindustrian 1999. Akta baru ini menggantikan Akta Reka Bentuk (Perlindungan) United Kingdom 1949 bagi Semenanjung dan Ordinan Reka Bentuk (Perlindungan) United Kingdom Jilid 152 bagi Sabah serta Ordinan Reka Bentuk (United Kingdom) Jilid 59 bagi Sarawak. Dengan penguatkuasaan akta baru ini, pendaftaran perlindungan reka bentuk perindustrian perlu dibuat di Malaysia.

Akta ini memberi hak milik kepada pemilik reka bentuk perindustrian yang didaftarkan untuk mengedarkannya mengikut peruntukan undang-undang. Reka bentuk perindustrian yang boleh didaftarkan mestilah baru, tidak berasaskan fungsi malah ia mesti bebas daripada pergantungan kepada sesuatu bahan yang mana bahan tersebut merupakan bahagian penting dalam reka bentuk tersebut.

Pendaftaran bagi pemohon tempatan boleh difailkan secara individu atau melalui agen reka bentuk perindustrian yang berdaftar. Walau bagaimanapun, bagi permohonan dari luar negara, ia mestilah memfailkan permohonan melalui agen reka bentuk perindustrian yang berdaftar di Malaysia. Reka bentuk perindustrian yang berdaftar akan dilindungi untuk tempoh lima tahun dan boleh diperbaharui sebanyak dua kali untuk tempoh lima (5) tahun setiap pembaharuan, menjadikan tempoh perlindungan keseluruhan selama 15 tahun.

4. Hakcipta

Perlindungan hakcipta di Malaysia diperuntukkan di bawah Akta Hakcipta 1987 yang memperuntukkan perlindungan kepada karya sastera, karya seni, karya muzik, filem, rakaman bunyi, siaran dan edisi karya terbitan. Tiada pendaftaran bagi hakcipta. Hakcipta karya sastera, karya seni dan karya muzik amnya wujud sepanjang hayat pencipta dan 50 tahun selepas kematiannya. Jangka masa perlindungan bagi filem, rakaman bunyi, siaran dan edisi karya terbitan ialah 50 tahun selepas ia pertama kali diterbitkan.

Akta ini turut memberi perlindungan kepada persembahan secara langsung oleh mana-mana artis untuk tempoh 50 tahun selepas tahun persembahan.

Satu ciri yang istimewa di bawah Akta ini ialah terdapatnya peruntukan penguatkuasaan yang memperuntukkan kuasa untuk memasuki tempat yang disyaki mempunyai salinan langgaran dan pelantikan sepasukan pegawai khusus untuk menguatkuasakan Akta berkenaan.

Pindaan pada tahun 2003 telah memberikan kuasa menangkap tanpa waran kepada pihak yang menguatkuasakan Akta ini. Akta tersebut memberi perlindungan yang sama kepada karya tempatan dan karya asing. Akta ini telah dipinda pada tahun 1997 untuk memenuhi keperluan MSC.

5. Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu

Reka bentuk susun atur litar sepadu ditadbir di bawah Akta Reka Bentuk Susun Atur Litar Bersepadu 2000. Akta ini mengenal pasti perlindungan reka bentuk susun atur litar sepadu berdasarkan keaslian, ciptaan tersendiri dan rekaan bebas. Tiada pendaftaran bagi reka bentuk susun atur litar bersepadu.

Tempoh perlindungan adalah 10 tahun daripada tarikh eksploitasi komersial atau 15 tahun daripada ia dicipta jika ia tidak dieksploitasi secara komersial. Akta ini juga membenarkan tindakan diambil oleh pemilik jika pelanggaran hak dikenal pasti. Ia boleh juga dipindah milik kepada mana-mana pihak sama ada sebahagian atau keseluruhannya melalui penyerahan hak, pelesenan, surat wasiat dan melalui penurunan dengan kuat kuasa undang-undang.

Akta ini dilaksanakan seiring dengan perjanjian TRIPS untuk memastikan pertumbuhan teknologi negara ini dan menyediakan jaminan kepada pelabur dalam sektor industri elektronik.

Untuk maklumat lanjut tentang Perlindungan Harta Intelek, sila hubungi Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan Perbadanan Harta Intelek Malaysia.

6. Petunjuk Geografi

Petunjuk geografi ditadbir di bawah Akta Petunjuk Geografi 2000 dan Peraturan-Peraturan Petunjuk Geografi 2001. Petunjuk geografi ditakrifkan sebagai suatu petunjuk yang mengenal pasti apa-apa barang sebagai berasal dari sesuatu negara atau wilayah, atau sesuatu kawasan atau tempat dalam negara atau wilayah itu, jika suatu kualiti, reputasi atau ciri lain tertentu barang itu adalah pada dasarnya boleh dianggap berpunca dari tempat asal geografinya. Petunjuk geografi boleh digunakan untuk apa keluaran semula jadi atau apa-apa keluaran kraftangan atau industri.

Akta Petunjuk Geografi 2000 memperuntukkan satu sistem perlindungan petunjuk geografi yang berkuatkuasa di seluruh Malaysia terhadap sesuatu petunjuk geografi tanpa mengira sama ada atau tidak petunjuk geografi itu didaftarkan di bawah akta ini, dan terhadap petunjuk geografi yang lain, walaupun secara harfiahnya adalah benar tentang negara, wilayah, kawasan atau tempat yang darinya barang itu berasal, memberikan gambaran yang palsu kepada orang ramai bahawa barang itu berasal dari negara, wilayah, kawasan atau tempat lain.

Akta ini memberikan hak penggunaan kepada pengeluar yang menjalankan aktivitinya dalam kawasan geografi yang dinyatakan dalam Daftar Petunjuk Geografi. Mana-mana pihak yang mempunyai kepentingan terhadap sesuatu petunjuk geografi berhak mengambil tindakan undang-undang dalam bentuk sivil terhadap sesiapa yang menggunakannya tanpa kebenaran. Jangka masa perlindungan petunjuk geografi yang berdaftar ialah 10 tahun dan ianya boleh diperbaharui tiap-tiap 10 tahun.

Untuk maklumat lanjut sila hubungi:-

Intellectual Property Corporation of Malaysia
Level 10, 27, 29, 30 & 32, Menara Dayabumi
Jalan Sultan Hishamuddin
50623 Kuala Lumpur.
Tel :- 603 – 2274 8671
No. Fax :- 603 – 2274 1332
Website :- www.myipo.gov.my

XIII. AKTA KEMAJUAN PETROLEUM, 1974

Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah berkuat kuasa pada 1 Oktober 1974. Akta ini adalah bertujuan mengawal industri petroleum dan petrokimia. Petroliaam Nasional Berhad atau PETRONAS diberi kuasa mengawal semua kegiatan hulu sektor petroleum. Peraturan Petroleum 1974 yang telah dipinda pada 14 Januari 1991, bertujuan memberi kuasa kepada Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna dan MITI bagi mengawal semua kegiatan di dalam sektor hiliran industri petroleum.

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna diberi kuasa mengeluarkan lesen untuk tujuan memasarkan dan mengedarkan petroleum dan keluaran petrokimia. MITI diberi kuasa mengeluarkan lesen untuk tujuan pemprosesan dan penapisan petroleum serta mengilang keluaran petrokimia.

Di samping itu, Akta (Cukai Pendapatan) Petroleum 1967 telah dipinda pada tahun 1976 untuk menyelaraskan struktur cukai supaya sejajar dengan kontrak perkongsian pengeluaran yang telah ditandatangani di antara PETRONAS dengan beberapa syarikat minyak. Berkuatkuasa mulai tahun taksiran 1998 cukai pendapatan syarikat bagi industri petroleum telah dikurangkan daripada 40% kepada 38%, manakala duti eksport bagi minyak mentah dan kondensat dikurangkan daripada 20% kepada 10% mulai 1 Januari 1998.

XIV. AKTA BEKALAN GAS, 1993

Akta Bekalan Gas 1993 telah diwartakan pada 4 Februari 1993, untuk menjaga kepentingan para pengguna gas yang dibekalkan melalui saluran paip dan dari tangki simpanan atau silinder yang khusus digunakan, bagi retikulasi gas.

Akta Bekalan Gas 1993 dikuatkuasakan serentak dengan pewartaan Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997 pada 17 Julai 1997. Peraturan-peraturan tersebut mengandungi prosedur bagi pengeluaran lesen bekalan, pemasangan paip gas, pemeriksaan, ujian dan penyelenggaraan pemasangan gas serta persijilan dan pendaftaran orang yang kompeten bagi melaksanakan kerja-kerja berkenaan dengan cara yang menjamin keselamatan awam.

Dengan pewartaan Akta Bekalan Gas 1993, seksyen yang berkaitan dengan proses retikulasi gas di bawah Akta Kemajuan Petroleum 1974 telah dipinda untuk mengelakkan pertindihan di antara kedua-dua Akta tersebut. Ini adalah untuk memastikan bahawa segala aktiviti retikulasi gas serta aktiviti transmisi dan bekalan yang berkaitan akan dilaksanakan berpandukan kepada Peraturan-Peraturan Bekalan Gas 1997. Akta Bekalan Gas 1993 telah dipinda pada bulan September 2001 dan Suruhanjaya Tenaga telah ditubuhkan bagi menggantikan Jabatan Bekalan Elektrik dan Gas. Suruhanjaya Tenaga bertanggungjawab antaranya ke atas industri retikulasi gas.